

Bil. 5

Khamis  
25 Julai 2013



**MALAYSIA**

## **PENYATA RASMI PARLIMEN DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## K A N D U N G A N

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

#### USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

- YB Senator Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop

(Halaman 23)

Waktu Mesyuarat dan Urusan

Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 33)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang d-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
5. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar – Senator  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
6. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamed bin Yusop (Johor)
7. " Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md Hanipah - Senator  
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan*
8. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
9. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
10. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
11. " Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
12. " Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. " Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. " Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
18. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – Senator  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
19. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
20. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
21. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
22. " Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
23. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
24. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – Senator
25. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
26. " Dato' Lim Nget Yoon (Pahang)
27. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - Senator  
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
28. " Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)
29. " Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
30. " Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – Senator
31. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – Senator
32. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
33. " Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
34. " Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
35. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)

36. Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah Binti Mahat (Dilantik)
37. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
38. " Datuk Pau Chiong Ung (Dilantik)
39. " Datuk Paul Low Seng Kuan - Senator  
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
40. " Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
41. " Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
42. " Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
43. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
44. " Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
45. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
46. " Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
47. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
48. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
49. " Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
50. " Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy – Senator  
- *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
51. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
52. " To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Negara**  
*Setiausaha Dewan Negara*  
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pa Chik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi  
  
Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijannah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh  
  
Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir  
Noraiddah binti Manaf  
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas  
Siti Aishah Md Nasir



**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Khamis, 25 Julai 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah tindakan Kerajaan Malaysia ke atas 21 orang warganegara Malaysia yang telah memalukan nama negara dengan membuat tunjuk perasaan di negara asing iaitu di Singapura.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk menjelaskan bahawa Kementerian Luar Negeri khasnya pejabat perwakilan di luar negara sentiasa memantau serta melaporkan sebarang bentuk aktiviti yang dijalankan oleh rakyat Malaysia termasuk perhimpunan atau demonstrasi di tempat-tempat awam di negara asing.

Dengan beberapa inisiatif yang diambil oleh kementerian, kerajaan dapat mendekati rakyat Malaysia di luar negara supaya segala program dan dasar-dasar kerajaan dapat diperjelaskan. Di samping itu rakyat Malaysia di luar negara sentiasa diingatkan agar selalu mematuhi undang-undang dan peraturan negara hos yang mereka diamti atau lawati sebagaimana juga kita berharap setiap warganegara asing yang berada di negara kita ini dapat menghormati budaya dan undang-undang dalam negara kita.

Setiap tindak-tanduk kita di negara asing adalah tanggungjawab sendiri. Jika mereka didapati telah melanggar undang-undang atau peraturan negara hos, mereka haruslah bersedia menerima risikonya. Seperti yang berlaku di Singapura baru-baru ini majoriti mereka yang membuat demonstrasi di negara tersebut adalah pemegang permit kerja di negara itu. Tindakan mereka telah diputuskan sebagai melanggar undang-undang tempatan. Ada di antara mereka yang telah dikenakan tindakan keras di mana permit kerja mereka telah dibatalkan.

Di dalam hal ini tindakan yang diambil adalah urusan dalaman dan hak negara hos itu. Kerajaan Malaysia tidak ada kuasa untuk campur tangan. Mengikut perundangan di Malaysia, sesiapa yang melakukan kesalahan di negara kita akan diambil tindakan. Bagi mereka yang membuat kesalahan di luar negara pula mereka boleh dikenakan tindakan sekiranya ia membabitkan kesalahan dalam perundangan negara kita. Terima Kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, bagaimanakah Kerajaan Malaysia mengawal aktiviti-aktiviti memprotes di luar negara? Berapa permit yang dibatalkan untuk semua 21 orang yang memprotes di Singapura? Adakah kementerian ada menahan pasport untuk 21 orang? Boleh jawab Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, tanya elok-eloklah. Saya sentiasa akan jawab. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Nallakaruppan. Bagaimanakah kerajaan mengawal sesiapa sahaja warganegara kita, rakyat Malaysia yang berada di luar sana?

Seperti jawapan yang saya berikan awal tadi bahawa kita sentiasa mengadakan beberapa aktiviti untuk memanggil rakyat Malaysia yang ada di luar sana untuk menjelaskan dasar-dasar kerajaan. Itu pertama.

Dengan *engagement* yang kita buat itu Tuan Yang di-Pertua, maka bermakna secara tidak langsung kita mengawal tindakan atau apa sahaja aktiviti yang mereka lakukan. Maka kalau ada sesuatu aktiviti yang melanggar undang-undang negara tersebut maka itu adalah hak kerajaan negara hos tersebut untuk mengambil tindakan terhadap rakyat Malaysia yang berada di sana.

Seperti juga jawapan saya tadi, sekiranya apa yang berlaku ataupun apa yang dilakukan oleh rakyat Malaysia di luar negara dan tindakan mereka itu membabitkan undang-undang dalam negara. Sebagai contoh kalau mereka melakukan sesuatu yang mengata atau yang boleh menyebabkan sesuatu tindakan mereka itu boleh diambil tindakan mengikut undang-undang dalam negara kita maka mereka balik nanti kita akan terus mengambil tindakan mengikut undang-undang yang ada dalam negara kita.

Bagi mereka yang- soalan spesifik Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan tanya tadi, berapa orang yang telah pun kita tahan pasport mereka, berapa ramai di kalangan mereka permit tidak lagi dikeluarkan oleh Kerajaan Singapura, saya akan menjawab secara bertulis kerana saya tidak ada angka yang tepat pada pagi ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat Timbalan Menteri. terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita beralih ke soalan tambahan seterusnya. Silakan Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Selain daripada kejadian di Singapura, terdapat banyak lagi isu yang sama berlaku di luar negara misalnya perbuatan sebagai pengkhianatan di Taiwan iaitu menggantung bendera negara terbalik, *upside down*, dengan izin. Jadi saya terkejut daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Katalah tindakan akan diambil bila warganegara kita balik ke negara kita. Jadi dia faham, sedar, sudah melakukan kelakuan yang begitu teruk, ambil keputusan tidak balik. Jadi bermakna, dia sudah bebas.

#### ■ 1010

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat, soalan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Soalannya tidak adil kalau seseorang itu berlaku kesalahan dan tidak balik ke negara kita, maksudnya dia bebas.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan yang berhormat. Apakah soalannya?

**Dato' Lim Nget Yoon:** Tindakan, yang kawalan oleh kementerian tidak bagus lagi, tidak cukup. Okey, *thank you*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sila jawab Menteri.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Lim. Kalau semua rakyat Malaysia mempunyai sifat seperti Yang Berhormat Senator, maka sudah tentu tidak ada sebarang kesalahan yang dilakukan oleh rakyat Malaysia di luar negara kita. Akan tetapi maklum sahajalah, kadang-kala ini disebabkan oleh beberapa individu yang konon-kononnya mahu menjadi seorang pemimpin yang besar melakukan aktiviti-aktiviti demonstrasi yang mengajar rakyat Malaysia melakukan perkara tersebut dalam negara, menyebabkan sudah ada perasaan untuk mengikut-ikut pemimpin-pemimpin yang seperti ini. Ini menyebabkan mereka juga melakukan perkara ini di luar sana.

Akan tetapi masalah yang saya beritahu tadi, kerajaan ini adalah kerajaan yang adil. Maknanya kalau kesalahan yang dilakukan itu membabitkan perundangan kita, maknanya dia melakukan sesuatu yang boleh kita ambil tindakan mengikut undang-undang yang ada dalam negara. Akan tetapi kalau melakukan sesuatu yang contoh di Taiwan, dia buat demonstrasi, dalam negara pun ada demonstrasi yang mereka buat, dan kita tidak tangkap semuanya mengikut undang-undang yang ada kalau mereka mempunyai permit dan sebagainya. Kalau Kerajaan Taiwan sendiri tidak mengambil tindakan di atas demonstrasi tersebut, maknanya demonstrasi itu sudah dilakukan mengikut undang-undang negara Taiwan.

Demonstrasi yang mereka lakukan itu jika sekiranya demonstrasi yang kita rasa boleh kita ambil tindakan kerana mereka mengeluarkan perkataan-perkataan yang boleh membabitkan nama Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai contoh, ataupun melakukan sesuatu yang kita rasa menjadi *treason* kesalahan yang boleh kita pecat mereka daripada menjadi warganegara, sebagai contoh. Itu semua yang saya kata akan ambil tindakan mengikut undang-undang dalam negara. Akan tetapi kalau sesuatu mereka buat itu masih lagi demonstrasi yang di luar sana itu dianggap sebagai sesuatu yang mengikut undang-undang

negara tersebut dan tidak mempunyai kesalahan yang boleh kita membabitkan undang-undang kita, maka mereka bebas begitu sahaja. Itu yang maksud saya tadi.

Bila saya kata bila mereka balik itu kerana sebagai contoh, kerajaan yang adil ini, dia ambil peperiksaan, dia sebagai seorang pelajar dan sudah tahun akhir, kita tunggulah sampai dia habis periksa. Kemudian dia balik, kita tangkap dia. Akan tetapi kalau dia rasa tidak mahu balik, maknanya sampai masa dia akan tetap sama ada dia hendak sambung pasport dia, ataupun dia masih lagi mahu menjadi rakyat Malaysia, walau macam mana sekali pun dia terpaksa kembali ke tanah air ataupun menemui wakil-wakil kita, *embassy* kita ada di luar sana. Jadi dia tidak boleh hendak lari sampai bila-bila kecuali dia hendak melucutkan kewarganegaraan dia daripada negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**2. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah tindakan proaktif yang bakal diambil di kalangan murid-murid sekolah rendah dan menengah dalam memupuk semangat cintakan negara melalui lagu *Negaraku* dan prinsip Rukun Negara.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Sebelum itu izinkanlah saya mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi Kuala Besut yang telah memberi kemenangan kepada Barisan Nasional... [*Tepuk*] Dengan tambahan majoriti. Juga tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan juga Dato' Seri Idris Jusoh yang telah mempengerusikan jentera pilihan raya Barisan Nasional supaya kita dapat menang kembali Dewan Undangan Negeri Kuala Besut. Tahniah kepada pengundi-pengundi Kuala Besut. Terima kasih.

Untuk jawapan Yang Berhormat Senator, dalam usaha memupuk semangat cintakan negara dalam kalangan murid peringkat sekolah rendah dan menengah, selain daripada amalan sedia ada yang dilaksanakan seperti menyanyikan lagu *Negaraku* setiap perhimpunan sekolah, aktiviti patriotik melalui kelab dan persatuan, kurikulum pendidikan sedia ada juga memainkan peranan utama. Di peringkat sekolah menengah, penekanan telah diberikan kepada pemupukan semangat cintakan negara. Tajuk ini terkandung dalam tema Pembinaan Negara dan Bangsa Ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat di bawah tajuk Pembangunan dan Perpaduan Bangsa. Melalui pengetahuan dan penghayatan lagu *Negaraku* dan juga Rukun Negara, murid diberi penjelasan tentang sejarah serta peranan lagu *Negaraku* dan Rukun Negara dalam pembangunan sosial dan perpaduan negara.

Seterusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia akan memperkenalkan mata pelajaran Sejarah di peringkat sekolah rendah mulai tahun 2014 yang melibatkan murid di tahap kedua iaitu murid Tahun 4, 5 dan 6. Antara aspek pembelajaran yang diberi penekanan adalah identiti negara kita yang akan menyentuh tentang lambang-lambang negara termasuklah Lagu Kebangsaan dan Rukun Negara.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan bagi mengukuhkan perpaduan serta pemupukan semangat cintakan negara dalam kalangan murid seperti berikut:

- (i) mewujudkan sekretariat perpaduan murid di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia;
- (ii) mewajibkan pembacaan ikrar Rukun Negara oleh murid setiap minggu semasa perhimpunan mingguan sekolah. Rukun Negara diikrarkan bersama-sama oleh murid dan guru di sekolah berkenaan. Pembacaan ikrar ini juga akan disusuli dengan ulasan dan penjelasan guru dalam bilik darjah;
- (iii) melaksanakan sambutan hari jadi murid dan guru sebagai tanda penghargaan dan penerimaan tanpa mengira kaum dan latar belakang mereka;
- (iv) menyambut perayaan-perayaan utama secara bersama bagi setiap sekolah, perayaan-perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas dan lain-lain;
- (v) melaksanakan program minggu keharmonian antara pengikut agama sedunia peringkat sekolah pada setiap minggu pertama bulan Februari setiap tahun; dan

- (vi) mengadakan khusus khas kepimpinan murid pelbagai kaum agar dapat membantu sekolah berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan dengan semua murid lain.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri yang berkenaan. Soalan tambahan saya ialah apakah kementerian sedar terdapat sebilangan rakyat kita termasuklah para pelajar yang tidak tahu menyanyikan lagu *Negaraku* dengan lirik yang betul, dan langsung tidak menghafal prinsip Rukun Negara walaupun telah masuk IPTA dan IPTS?

Soalan tambahan saya ialah, apakah kementerian bercadang mewajibkan bakal pelajar agar mahir terlebih dahulu dalam penghafalan dan penghayatan lagu dan prinsip Rukun Negara ini sebelum diterima masuk ke mana-mana IPTA dan IPTS sama ada tempatan mahupun luar negara? Mungkin boleh diwujudkan serta diwajibkan menjalani kursus khas atau kem motivasi seperti begitu, atau kem bina insan agar jati diri dapat dibentuk sebelum diterima ke mana-mana IPTA mahupun IPTS. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Kita sedar ada pelajar yang tidak tahu menyanyi lagu *Negaraku* ataupun Rukun Negara tetapi kita harus sedar bahawa lebih 90 peratus daripada pelajar-pelajar di Malaysia, di universiti, sekolah rendah, sekolah menengah tahu nyanyi lagu *Negaraku* dan Rukun Negara. Kita harus ambil maklum itu. Yang tidak sedar ini 5 peratus daripada 90 peratus, kita sedar. Akan tetapi kita mencuba sedaya upaya dan akan terus melaksanakan apa yang patut untuk mereka menghafal.

#### ■ 1020

Contoh dalam Dewan Negara ini juga, kalau saya tanya seseorang, mungkin ada seorang Yang Berhormat mungkin tidak tahu kalau saya tanya soalan, apa rangkap empat Rukun Negara. Mungkin mereka tidak terjawab. Ini kita harus hayati, memahami benar isi kandung dari awal hingga sekarang. Itu yang paling penting. Kerajaan akan sentiasa melaksanakan tanggungjawab.

Contoh, untuk pelajar-pelajar yang pergi ke PLKN. Unsur-unsur Rukun Negara dan *Negaraku* diamalkan juga. Kita sedar ia bukan mudah untuk kita dapat 100 peratus semua murid memahami konsep ini tetapi kementerian bertekad untuk memastikan semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan juga latar belakang bukan sahaja memahami tetapi menghayati segala ayat-ayat yang ada dalam Rukun Negara dan juga negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan seterusnya silakan Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang mengambil tindakan terhadap para pelajar ini kerana walaupun mereka belajar di luar negara dan di atas perbelanjaan sendiri, mereka masih termaktub kepada undang-undang negara ini dan sebarang tindakan berbentuk hasutan dan provokasi perlu diambil tindakan yang tegas. Bagi menunjukkan keseriusan sistem pendidikan kita dalam pendidikan lain generasi yang tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Ya, saya kurang faham soalan itu kerana juga pada saya ke luar negara tadi? Ini kerana luar negara...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ulang lagi Yang Berhormat soalan itu.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** Apakah kementerian bercadang mengambil tindakan terhadap para pelajar kerana walaupun mereka belajar di luar negara dan di atas perbelanjaan sendiri?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Okey, saya akan cuba jawab soalan itu walaupun tindakan di luar negara, yang isu-isu tadi itu berkaitan dengan isu-isu pelajar Taiwan kalau tidak silap saya yang telah pun dijawab secara terperinci oleh sahabat seperjuangan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri tadi. Kita dapat mengamalkan ini dalam negara. Penghayatan Rukun Negara dan *Negaraku* untuk pelajar-pelajar yang di luar negara harus ada iktibar sendiri. Mereka harus sedar bahawa inilah *foundation*, dengan izin, negara Malaysia. Memahami *Negaraku* dan Rukun Negara.

Dua prinsip yang sangat penting kepada rakyat kita di negara kita ini. Kalau kita hilang daripada ini, maka kita hilang segala-galanya dalam negara. Apa yang paling penting kepada rakyat Malaysia, tidak kisah di mana mereka berada, di Malaysia ataupun di luar Malaysia mereka harus hafal *Negaraku* dan Rukun Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**3. Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman** minta Menteri Pertahanan menyatakan, bilakah kerajaan bercadang untuk membuat pelarasan pencen antara bekas tentera yang lama dengan bekas tentera yang baru, di mana terdapat perbezaan yang besar kadar pencen antara dua kumpulan tersebut. Perkara ini perlu diatasi bagi mengurangkan tekanan kos hidup yang tinggi yang terpaksa ditanggung oleh generasi bekas tentera terdahulu.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, buat masa ini kerajaan masih belum bercadang untuk melaraskan pencen di antara bekas tentera lama dan baru. Pada masa ini asas pemberian pencen kepada semua anggota perkhidmatan awam termasuk pesara tentera adalah tertakluk kepada jumlah gaji akhir yang diterima oleh seorang pesara tersebut. Dalam hal ini jurang perbezaan pencen yang wujud disebabkan oleh penambahbaikan skim gaji perkhidmatan awam termasuk tentera yang dilakukan oleh kerajaan dari semasa ke semasa.

Justeru itu, sekiranya struktur pembayaran pencen diselaraskan ianya seharusnya melibatkan keseluruhan anggota perkhidmatan awam dan ini merupakan satu *exercise* yang akan melibatkan satu perbelanjaan yang sangat besar. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak pernah memikirkan nasib golongan pesara termasuk bekas tentera di mana kerajaan telah melaksanakan pelarasan pencen bila mana setiap kali pelarasan gaji kakitangan awam dan tentera dilaksanakan. Sebagai makluman Dewan yang mulia ini pada tahun 2012, kerajaan telah melaraskan pencen pesara awam termasuk bekas tentera di mana mereka telah menerima kenaikan di antara 7 peratus hingga 13 peratus mengikut pangkat dan kelayakan dengan pencen minimum RM820.

Kerajaan juga amat prihatin akan kos sara hidup semasa yang ditanggung oleh pesara-pesara kerajaan khususnya pesara tentera dan justeru itu bagi meringankan beban kos sara hidup yang ditanggung, mulai 1 Januari 2013 kerajaan telah melaksanakan kenaikan pencen sebanyak 2 peratus setiap tahun tanpa menunggu sebarang pelarasan gaji atau secara automatik bagi kakitangan awam dan tentera yang sedang berkhidmat seperti mana yang diamalkan sebelum ini. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman.

**Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah pihak kementerian mempunyai rancangan untuk menaikkan umur bersara anggota tentera kepada 60 tahun bagi memberi jaminan hidup yang lebih terbaik kepada golongan ini seperti mana kakitangan perkhidmatan awam? Ini kerana dalam dasar perkhidmatan yang ditetapkan di bawah Perintah Majlis Angkatan menjelaskan bahawa tempoh perkhidmatan maksimum bagi seorang anggota tentera peringkat bawah ialah 25 tahun. Ini bermakna, anggota tentera peringkat bawah akan bersara dalam lingkungan umur 41 hingga 45 tahun. Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sama ada kerajaan berhasrat untuk memberi imbuhan bulanan kepada pesara tentera yang tidak berpencen?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya bagi tentera lain-lain pangkat mereka boleh berkhidmat maksimum sehingga umur 50 tahun. Ini adalah merupakan peraturan yang telah diberikan. Walaupun mereka boleh berpencen apabila telah berkhidmat selama 21 tahun, sekiranya mereka masuk anggota tentera dalam umur 18 tahun, mereka boleh berkhidmat sehingga 50 tahun. Ini bererti bahawa mereka berkhidmat dalam tempoh 32 tahun. Berkaitan dengan tentera yang tidak berpencen iaitu mereka yang berkhidmat kurang daripada 21 tahun, mereka hanya dibayar gratuity dan setakat ini jumlah mereka adalah dalam 224,000 orang iaitu tentera yang telah bersara tanpa pencen iaitu berkhidmat kurang daripada 21 tahun.

Mereka setakat ini tidak ada dibayar apa-apa pencen melainkan pada tahun lepas kita telah memberikan satu ganjaran *one-off* sebanyak RM1,000 pada tahun 2013. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang kedua Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu, apakah kemudahan lain yang diberi kepada bekas-bekas anggota keselamatan selain daripada pencen? Ini kerana saya lihat oleh kerana pencen yang kecil ada setengah mereka yang terpaksa hidup di rumah-rumah settingan dan pernah saya lihat juga, mereka dihalau secara paksa daripada tempat-tempat itu. Ada negara lain misalnya memberi tanah kepada bekas-bekas tentera ini oleh kerana khidmat mereka kepada negara. Masa British dahulu saya ingat bahawa polis-polis khas yang berhenti diberi tanah.

Jadi, bolehkah ditimbangkan supaya memikirkan khidmat yang telah diberi oleh bekas-bekas anggota keselamatan ini mereka diberi lebih daripada pencen seperti, misalannya kemudahan untuk tempat tinggal dan keutamaan untuk mendapatkan tanah sama ada untuk tapak rumah ataupun untuk dikerjakan? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat di atas keprihatinan terhadap anggota tentera. Sememangnya kerajaan sentiasa mengambil berat terhadap kebijakan anggota tentera khususnya mereka yang bersara kerana kita mengambil maklum di atas pengorbanan yang telah mereka berikan kepada kerajaan untuk menentukan bahawa negara kita sentiasa dalam keadaan selamat. Pengorbanan mereka itu telah pun diterjemahkan dengan beberapa langkah-langkah yang diambil dan kerajaan pada Disember tahun 2000 telah pun menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Veteran. Ianya adalah bagi menyelaras usaha-usaha untuk memberikan kebijakan semaksimum yang mungkin kepada anggota ataupun pesara tentera. Misalannya selain daripada mendapat pencen, mereka juga, khususnya mereka yang layak, juga diberikan ganjaran gratuity iaitu ganjaran perkhidmatan sepanjang mereka bersara.

#### ■ 1030

Selain daripada itu mereka juga diberikan faedah kesihatan secara percuma khususnya kepada tentera yang berpencen dan tidak berpencen dan bantuan-bantuan kebijakan seperti bantuan sara hidup, dalam lingkungan maksimum RM300 bagi pesara-pesara tentera yang miskin iaitu yang berada di bawah paras kemiskinan. Mereka juga diberikan bantuan persekolahan anak-anak iaitu RM500 setiap tahun bagi sekolah rendah untuk seorang, RM700 di sekolah menengah dan *one-off payment* RM1,000 bagi mereka yang mengikuti pendidikan diploma, *degree* RM1,500 dan ia disyaratkan kepada mereka yang berpendapatan bawah daripada RM4,000 bagi mereka yang mengikuti pengajian di IPTA.

Selain daripada itu, kita juga memberikan bantuan peralatan pesakit bagi pesara-pesara tentera yang sakit dengan memberikan bantuan seperti *wheelchair*, tongkat, katil istimewa dan oksigenator serta beberapa keperluan yang lain. Bagi khairat kematian juga diberikan sebanyak RM3,000 dan kita juga memberikan bantuan bencana terbakar seperti banjir maksimum RM5,000 atau bantuan-bantuan yang setara dengannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana Yang Berhormat katakan tadi berkaitan dengan bantuan tanah ini. Kita sememangnya mengharapkan supaya banyak kerajaan-kerajaan negeri yang bersimpati dengan golongan tentera. Ini kerana pihak Kementerian Pengangkutan sememangnya menyokong terhadap permohonan-permohonan mereka untuk mendapatkan tanah, bagi membina rumah kediaman, akan tetapi ini adalah tertakluk kepada keputusan kerajaan-kerajaan negeri masing-masing. Ada juga kerajaan-kerajaan negeri yang telah memberikan respons dan memberikan kelulusan kepada mereka, tetapi kita berharap akan lebih banyak lagi kerajaan-kerajaan negeri yang akan membantu. Mungkin Kerajaan Negeri Selangor boleh memberikan pertolongan khususnya bagi mereka yang miskin di kawasan bandar.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya dari semasa ke semasa kita menambah baik kemudahan-kemudahan dan juga bantuan-bantuan kepada pesara tentera ini. Dalam Projek Jiwa Murni, kita juga membantu pesara-pesara tentera untuk membaiki rumah dan juga menyediakan kediaman berdasarkan kepada keperluan mereka. Dengan bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di kawasan-kawasan tertentu, kita juga dapat memberikan bantuan kepada pesara tentera dengan mengambil kira sumbangan mereka kepada negara. Terima kasih Yang Berhormat.

**4. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, adakah Kerajaan Pulau Pinang pernah berunding dengan Kerajaan Persekutuan sejak 2008 untuk membina lebuh raya bertingkat (*elevated*) atas Lebuhraya Tun Lim Chong Eu supaya menghubungi Jambatan Kedua dan Jambatan Pulau Pinang yang sedia ada. Apakah anggaran kos dan jadual pelaksanaan.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas pertanyaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jalan Persekutuan 3113 Pulau Pinang atau kini dikenali sebagai Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ialah merujuk kepada laluan sepanjang hampir 18 kilometer, di bahagian timur Pulau Pinang. Laluan ini berperanan penting menghubungkan laluan daripada Jambatan Pulau Pinang sedia ada ke Jambatan Kedua Pulau Pinang dan sebaliknya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek Jambatan Kedua Pulau Pinang dijangka akan siap pada bulan November 2013. Masalah kesesakan trafik akibat *bottle neck*, dengan izin, akan berlaku jika jalan-jalan utama di bahagian pulau tidak dinaiktarafkan.

Oleh itu Kerajaan Pusat antara lain telah bersetuju untuk melaksanakan Projek Menaik taraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu iaitu dari Batu Maung ke Jambatan Pulau Pinang berhampiran Queensbay Mall sepanjang 4.8 kilometer. Skop projek ini melibatkan cadangan pembinaan jalan bertingkat atau *elevated structure*, dengan izin, empat lorong dua hala sepanjang 3.2 kilometer dan melebarkan jalan sedia ada, *upgrade* kepada laluan enam lorong dua hala sepanjang 1.6 kilometer. Anggaran kos projek tersebut ialah sebanyak RM380 juta. Berdasarkan perancangan, projek ini dijangka akan dimulakan pada akhir tahun ini iaitu 2013 dan akan siap dalam tempoh 24 bulan.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, cadangan projek ini telah mula dibangkitkan semasa proses rundingan di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri untuk membina Jambatan Kedua Pulau Pinang pada tahun 2006. Skop projek ini kemudian telah dimuktamadkan oleh Kerajaan Pusat menerusi proses pengurusan nilai yang diadakan pada bulan September 2012 yang lalu. Sesi berkenaan telah dihadiri oleh wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang di samping kehadiran wakil-wakil dari agensi pusat. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan jawapan dan menunjukkan keprihatinan Kerajaan Pusat terhadap kebijakan rakyat di negeri Pulau Pinang. Soalan tambahan saya, perancangan untuk jalan bertingkat ini adakah berasal daripada permintaan yang dibuat oleh kerajaan negeri sekarang sejak tahun 2008 atau di atas inisiatif perancangan oleh Kerajaan Pusat sendiri.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perancangan untuk menaik taraf Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu sehingga ke hari ini sebenarnya telah dimulakan ataupun dicadangkan awalnya oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional Pulau Pinang yang diterajui oleh Yang Berhormat sendiri.

Kajian pelaksanaan projek ini telah dibuat bersekali dengan cadangan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang oleh Kerajaan Pusat. Pada peringkat asalnya cadangan ini iaitu cadangan naik taraf melibatkan kerja-kerja pembesaran jalan dan struktur bertingkat hanya di beberapa lokasi. Namun selepas kajian semula, cadangan ini telah diubah kepada struktur bertingkat sepanjang 3.2 kilometer seperti yang dicadangkan pada asalnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan tidak ada soalan tambahan...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada? Soalan tambahan kedua Yang Berhormat Dato' Lim Nget Yoon.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Daripada jawapan kementerian, kita memang sedar keprihatinan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Mengikut pemahaman saya, Kementerian Pelancongan sudah ada memberikan peruntukan untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membina bangunan *car park*, jadi saya faham bangunan itu tidak boleh digunakan seterusnya dirobohkan. Jadi apakah pandangan kementerian tentang kes ini?

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

Namun Yang Berhormat, ini merupakan bidang kuasa kementerian yang lain tetapi izinkan saya disebabkan oleh Yang Berhormat telah menyatakan keprihatinan Kerajaan Pusat, saya ingin menjawab dengan menyatakan di sini bahawa memang Kerajaan Pusat Barisan Nasional sememangnya prihatin walaupun Negeri Pulau Pinang ditadbir oleh kerajaan DAP. Akan tetapi, apa yang penting ialah pembangunan dan kesejahteraan penduduk Pulau Pinang memang sentiasa diutamakan. Oleh sebab itu Yang Berhormat, di bawah Kementerian Kerja Raya kita mempunyai tiga projek jalan raya, perancangan jalan raya yang telah dirancang dan sedang dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, ketiganya adalah jalan baru daripada Tanjung Bungah ke Teluk Bahang, Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya Pulau Pinang sepanjang 12 kilometer dan itu di dalam proses perancangan Yang Berhormat, yang dalam proses pelaksanaan iaitu Jalan P10 Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah, di mana kontraktor telah dilantik melalui proses tender dan ia telah bermula sejak 22 Julai yang lalu.

#### ■ 1040

Satu lagi jalan Yang Berhormat, adalah FT6 iaitu daripada Teluk Kumbar ke Bayan Lepas, yang mana tendernya telah ditutup baru-baru ini dan sedang dalam penilaian untuk dihantar kepada kementerian untuk dimuktamadkan pelantikan kontraktor. Keseluruhan ini Yang Berhormat, ketiga-tiga projek yang saya sebutkan tadi menelan belanja hampir RM1 bilion. Jadi, adalah salah sekiranya Kerajaan DAP Pulau Pinang mengatakan Kerajaan Pusat tidak pernah prihatin kepada rakyat di negeri Pulau Pinang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat.

**5. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta Menteri Pendidikan menyatakan, dasar atau kaedah yang diguna pakai bagi penempatan dan pertukaran guru dalam memastikan pencapaian cemerlang para pelajar.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima Yang Berhormat Senator. Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan penempatan dan pertukaran guru di sekolah adalah tertakluk kepada kekosongan perjawatan dan di atas keperluan perkhidmatan serta kesesuaian penghususan mata pelajaran atau opsyen guru tersebut. Penekanan terhadap perkara tersebut adalah untuk menjamin murid mendapat pendidikan yang berkualiti selaras dengan hasrat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia akan mengadakan makmal khusus pada bulan Ogos yang akan datang bagi memperincikan langkah-langkah penyelesaian isu pertukaran dan penempatan guru. Makmal ini akan membincangkan dengan terperinci mekanisme penambahbaikan dasar penempatan dan pertukaran guru sedang disediakan.

Sesi *engagement* bersama-sama pihak berkepentingan telah diadakan untuk mengumpulkan maklum balas dan pandangan dalam usaha untuk menambah baik dasar penempatan dan pertukaran guru. Pada masa yang sama, satu kajian unjuran keperluan dan bekalan serta dasar penempatan dan pertukaran guru sedang dilaksanakan telah dimulakan pada bulan Februari 2013 dan masih berjalan sehingga Februari 2014. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pada pandangan saya, antara yang menyebabkan prestasi sekolah yang cemerlang adalah penempatan guru-guru besar cemerlang dan juga pengetua cemerlang. Apa yang kita lihat hari ini, banyak sekolah di kawasan pertanian dan juga kawasan perikanan adalah sekolah-sekolah yang berprestasi rendah. Adakah kerajaan pernah mengkaji untuk menempatkan guru

besar cemerlang dan juga pengetua-pengetua cemerlang yang berasal daripada sekolah-sekolah *cluster* dan sekolah-sekolah berprestasi tinggi ke sekolah-sekolah di kawasan-kawasan pertanian dan perikanan untuk meningkatkan prestasi sekolah? Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Pandangan Yang Berhormat saya terima.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang telah saya nyatakan sebentar tadi, kementerian dalam proses membuat kajian unjuran ini yang telah bermula dari bulan Februari 2013 dan akan mengambil satu tahun. Dalam masa kajian ini dilakukan dan juga dalam masa seperti mana yang saya telah katakan tadi, satu makmal khusus akan diadakan pada bulan depan.

Segala maklumat-maklumat ini akan dibincangkan secara terperinci untuk mendapat satu kaedah untuk mengatasi masalah-masalah tersebut supaya guru besar cemerlang akan terus dapat memberikan perkhidmatan mereka di mana juga mereka ditempatkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan seterusnya Yang Berhormat Senator

**Dr. Lucas bin Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang Ahli-ahli Dewan maklum bahawa di negeri Kedah dan juga di negeri Sabah pada tahun ini diberi jawatan guru-guru akademik dalam bentuk SISC dan SIP *Plus* iaitu untuk dengan izin, *school improvement program*. Guru-guru akademik ini diambil daripada guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah untuk berkhidmat sebagai pegawai pelajaran daerah-daerah.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, apakah usaha-usaha yang dijalankan atau dilakukan bagi mengisi jawatan guru-guru yang dikosongkan di sekolah rendah dan di sekolah menengah yang telah bertugas ke pejabat pelajaran daerah ini bagi mengimbangi ataupun bagi menyelesaikan masalah-masalah yang wujud seperti masalah pembelajaran dan pengajaran (P&P) di sekolah-sekolah tersebut. Sekian, Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator, walaupun soalan ini lari sedikit daripada soalan asal, saya akan cuba memberi jawapan sedikit tetapi jawapan tambahan tu saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Kita akan melakukan dasar penukaran ini berdasarkan kepada keperluan semasa dan juga permohonan daripada guru-guru yang ingin membuat penukaran tersebut. Maka, kaedah yang kita gunakan masih sama. Guru-guru akademik dan usaha-usaha yang dijalankan ini akan dijalankan secara keperluan dan permintaan. Contoh, untuk makluman Yang Berhormat, pada sesi Jun ini, kita telah menerima seramai lebih kurang 10,000 pemohon untuk mohon penukaran.

Berdasarkan kepada keperluan, kita hanya dapat memberi kelulusan sebanyak 20 peratus. Penukaran ini satu proses yang akan berlaku dua kali setahun. Kita akan memberikan kepada keperluan berdasarkan kepada keperluan dan kepentingan semasa untuk guru-guru yang memohon. Kita akan sentiasa melihat ini sebagai satu proses untuk menambah baik sistem. Akan tetapi, secara spesifik untuk menjawab soalan Yang Berhormat akan saya beri secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Datuk Chin Su Phin** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, berapa banyakkah CCTV yang ditempatkan dilampu isyarat seluruh bandar yang dikategorikan sebagai kawasan panas pada masa sekarang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Pihak Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah bekerjasama dalam usaha menangani jenayah dengan menyediakan pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik.

Di bawah GTP1, sebanyak 496 unit CCTV telah dipasang dan ianya meliputi 25 pihak berkuasa tempatan (PBT) di Semenanjung Malaysia. Di bawah GTP2 pula, kerajaan telah bersetuju untuk memasang 496 CCTV di 25 PBT termasuk Sarawak dan Sabah. Sebanyak 141 CCTV telah dipasang di persimpangan jalan berhampiran lampu isyarat di bawah kawasan panas, *hotspot*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan yang pertama, silakan Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin.

**Datuk Chin Su Phin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan sudah mengkaji waktu kekerapan berlakunya jenayah samun di persimpangan lampu isyarat? Sekiranya ada, apakah tindakan kerajaan dan apakah pelan tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah penyeludupan senjata?

Selain daripada mengetarkan kawalan sempadan di negara kita dan adakah kerajaan bersedia untuk mengenakan tindakan undang-undang yang lebih ketat dan tegas kepada mereka yang memiliki senjata api tanpa lesen, sebagai contoh dakwa mereka di bawah Akta SOSMA. Hal ini kerana soal keselamatan rakyat hendaklah menjadi keutamaan dan tidak haruslah ada kompromi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tiga soalan tambahan. Kalau Dewan Rakyat satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Lebih daripada itu tidak payah jawab ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terpulang pada Menteri, mana yang hendak jawab.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Akan tetapi, satu sahaja soalan yang ada hubung kait dengan soalan yang utama iaitu apakah kajian telah dibuat oleh pihak kerajaan berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang berlaku berdekatan *traffic light* yang ada hubung kait dengan CCTV ini. Ya, memang kerajaan telah melihat bahawa ada pengurangan jenayah yang ada hubung kait dengan pemasangan CCTV.

#### ■ 1050

Mengikut kajian yang kita buat pada tahun 2011 dan 2012 bahawa ada penurunan 27 peratus kes-kes yang ada hubung kait dengan CCTV ini dilihat di seluruh kawasan *hotspot* iaitu Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor. Itulah kenapa apabila kita memasang peringkat yang kedua GTP2 di Perak, Kedah, Sarawak, Sabah dan sebagainya. Kita melihat perkembangan itu adalah amat positif sekali Tuan Yang di-Pertua. Jadi program untuk melaksanakan CCTV di seluruh negara ini khususnya termasuk Sarawak dan Sabah sebagaimana yang saya sebutkan tadi iaitu kita ada program Pulau Pinang akan ditambah, Kedah, Perak, Melaka, Johor, Pahang Terengganu, Sabah dan Sarawak akan dipasang juga dengan CCTV yang akan siap pemasangannya pada 2015 nanti sebanyak sebagaimana yang saya telah sebutkan tadi 496 CCTV.

Soalan yang kedua pula iaitu berhubung dengan senjata api. Saya tidak mempunyai butiran tetapi walau bagaimanapun secara amnya kita memang mengambil tindakan bahkan beberapa mesyuarat telah kita buat di dalam kerajaan untuk memikirkan macam mana untuk menghalang kemasukan senjata api ke negara ini kerana kawalan senjata api yang sebenarnya masih dilaksanakan di Malaysia, sebagaimana kalau kita hendak membeli senjata tidak terbuka sebagaimana yang dibuat di Amerika tetapi mestilah mendapat lesen daripada Kementerian Dalam Negeri dahulu sebelum membeli senjata api. Pihak-pihak yang hendak menjual senjata api pun mesti mendapat lesen yang tertentu sebelum boleh menjual. Maknanya kawalan itu memang masih diketatkan sejak dahulu lagi dan dilaksanakan sampai sekarang. Akan tetapi butiran yang khusus, saya boleh berhubung dengan Yang Berhormat dan Yang Berhormat boleh berhubung dengan saya berkenaan soalan-soalan yang kedua dan ketiga itu tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan premis-premis persendirian syarikat-syarikat perniagaan dan sebagainya untuk memasang CCTV kerana CCTV ini amat berkesan apabila berlaku satu kes jenayah? Bagaimana kerajaan pula untuk memantau CCTV ini yang dipasang supaya ia sentiasa berfungsi dan tidak berlaku seperti kes di mana apabila berlaku jenayah rompakan, CCTV ini tidak berfungsi? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang amat baik sekali. Sebenarnya kita kena melihat dua jenis CCTV Yang Berhormat. Satu jenis CCTV yang dipasang oleh pihak kerajaan menerusi Kementerian Perumahan yang saya sebutkan awal tadi bersama dengan pihak polis. Pihak polis mengenal pasti tempat-tempat *hotspot* yang akan dipasangkan dan selepas itu Kementerian Perumahan yang akan memasangkan CCTV itu menerusi PBT mereka.

Ada satu jenis lagi iaitu CCTV yang dipasang oleh pihak individu di kedai-kedai, di pasar raya dan sebagainya. Ini jenis yang kita tidak dapat kontrol sebagaimana berlaku di bawah kes khususnya kes-kes yang kontroversi yang mana gambarinya tidak dapat dikenal pasti. Walaupun kita telah menjemput pakar daripada New York Yang Berhormat, jauh, pakar yang khusus yang

kita ketahui mempunyai kepakaran yang khusus untuk melihat daripada sudut forensiknya pengenalan gambaran yang dikeluarkan oleh CCTV ini tetapi malangnya oleh kerana CCTV adalah jenis yang *low quality*, yang tidak ada *certificate* yang khusus, maka pengenalan daripada gambar ini tidak dapat dikenali.

Akan tetapi Yang Berhormat yang baiknya adalah bahawa CCTV yang dipasang oleh pihak kerajaan ini mempunyai kualiti standard yang tinggi dan kita mempunyai kawalan-kawalan di tiap-tiap tempat bahkan kalau di sini saya sebut Yang Berhormat sebagai contoh ya. Kalau di Pulau Pinang umpamanya kita mempunyai beberapa kawalan. Tiap-tiap IPD dan juga tiap-tiap PBT mempunyai kawalan-kawalan tersendiri untuk melihat, *monitoring* dan pegawai ditugaskan di sana. Apabila melihat perkara-perkara yang aneh dan ganjil berlaku, yang *out of ordinary*, dengan izin, berlaku, pihak kawalan ini akan memberitahu kepada pihak polis sama ada kereta ataupun motor ataupun yang jaga stesen berdekatan memberitahu kepada mereka akan bergegas ke sana untuk mengambil tindakan yang khusus. Jadi tindakan ini telah mendatangkan kesan yang amat positif yang kita lihat sekarang.

Dengan itu juga kita juga telah mewujudkan beberapa talian yang khusus untuk berhubung dengan pihak-pihak polis supaya tindakan yang segera boleh diambil untuk menangani masalah yang kita lihat, pantau oleh *monitoring centre* ini di kawasan-kawasan yang tertentu di tiap-tiap negeri dan PBT yang tertentu Yang Berhormat. Jadi saya fikir mekanisme kita untuk memantau jenayah ini menerusi CCTV adalah amat baik sekali tetapi ini lain sedikit kalau dilihat apa yang berlaku di pasar raya, di kedai individu yang mempunyai mungkin tidak ada filem gambar, gambar tidak jelas dan sebagainya, ini di luar kawalan kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**7. Dato' Muhammad Olian Bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan, persediaan pihak kerajaan tentang kemungkinan kemasukan dana asing, propaganda media barat dan pengguna *internet* termasuk *Facebook*, *Twitter*, *blog* yang boleh mengancam keselamatan negara.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ancaman siber merupakan ancaman keselamatan bentuk baru yang amat mencabar bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga negara-negara lain termasuk Amerika Syarikat dan juga United Kingdom. Media siber dan teknologi *internet* merupakan teknologi yang amat kompleks yang memberi cabaran kepada kerajaan di seluruh dunia dalam usaha untuk memantau aktiviti yang berkaitan dengan keselamatan.

Pada masa ini kerajaan telah mewujudkan beberapa jawatankuasa dan pasukan petugas (*task force*) yang melibatkan pelbagai agensi keselamatan, kewangan, penguatkuasaan, perundangan dan teknikal untuk memantau dan mengambil tindakan ke atas aktiviti-aktiviti yang boleh mengancam keselamatan negara. Aktiviti tersebut termasuklah urus niaga wang secara haram, penyebaran ajaran sesat dan songsang, penipuan atas talian, hasutan, ideologi radikal dan sebagainya. Seorang Yang Berhormat Senator telah menyebut tentang pengurup wang yang berlesen sekarang hanya tinggal separuh yang beroperasi. Mungkin ini adalah daripada tindakan yang telah diambil yang pada pendapat sesetengah pihak ia mungkin keterlaluan dan bagi pihak *task force* mungkin mereka memikirkan ini keperluan untuk mengawal kemasukan dana wang asing. Walau bagaimanapun benda ini akan dimaklumkan secara bertulis.

Di samping itu kerajaan melalui agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan juga *Cyber Security Malaysia* juga mengadakan program-program kesedaran kepada semua lapisan masyarakat untuk mengelakkan daripada terpedaya dengan aktiviti-aktiviti jenayah di *internet*. Kerajaan juga sedang mewujudkan satu pelan induk kesedaran keselamatan siber meliputi program komprehensif melibatkan pelbagai lapisan masyarakat bagi memberi kesedaran dan pendidikan dalam penggunaan *internet*. Sifat ruang siber yang tanpa sempadan menyebabkan bukti jenayah boleh berada di mana-mana di serata dunia. Keadaan ini boleh menyebabkan tindakan bagi menangani jenayah siber tidak boleh diambil secara bersendirian dan memerlukan kerjasama secara dalaman dan luaran.

Sehubungan dengan itu beberapa inisiatif tempatan dan kerjasama antarabangsa telah dan sedang diusahakan oleh pihak kerajaan bagi memastikan kegiatan jenayah siber yang mengancam keselamatan negara dapat dikawal. Sehubungan dengan itu tindakan penguatkuasaan dan perundangan sedang giat dipertingkatkan oleh agensi-agensi

bertanggungjawab seperti PDRM, SKMM bagi mengambil tindakan ke atas pihak yang mengancam keselamatan negara termasuk pihak yang menggunakan *Facebook*, *Twitter* dan *blog* seperti mana di dunia fizikal, mereka yang melakukan kesalahan di dunia siber juga akan didakwa di mahkamah atas kesalahan yang melanggar undang-undang negara.

#### ■ 1100

Sebagai contoh, apa yang telah berlaku semalam, saya juga mengucapkan tahniah kepada Kuala Besut dan juga Barisan Nasional. Pada pukul 3 petang, peti undi Pulau Perhentian ditutup tetapi maklumat telah pun sampai kepada semua pihak. Memang keputusan telah didapatkan tetapi tidak diumumkan sehingga jam 10 malam. Pada pukul 4 petang, semua pihak telah mengetahui bahawa keputusan Pulau Perhentian telah keluar. Pada pukul 6 petang sehingga pukul 7 petang, semua maklumat berhubung dengan peti undi telah dapat melalui media *internet*, melalui media sosial. Akan tetapi keputusan rasmi telah diumumkan pada jam 10 malam. Demikianlah kedudukan *internet* di mana mereka dengan secebis berita boleh memaparkan berita di seluruh negara tetapi berita rasmi mungkin datang kemudian. Inilah kompleksnya *internet*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan yang pertama, Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, seorang Menteri yang sungguh bertanggungjawab menjaga Parlimen ini, sentiasa ada di dalam Parlimen... [Tepuk]

Jadi, sebenarnya yang saya maksudkan dengan dana asing ini ia ada dua perkara. Satu, dana asing yang masuk ke dalam negara untuk pelaburan bagi peningkatan ekonomi kita dan juga untuk pembangunan negara. Ini adalah sesuatu yang kita kehendaki. Keduanya adalah dana asing yang masuk ke dalam negara ini untuk mengancam keselamatan negara. Satu ketika dahulu, terdapat individu mendedahkan bahawa ia bertanggungjawab untuk menyalurkan dana asing ke akaun-akaun individu tertentu, khususnya pemimpin pembangkang tetapi sehingga hari ini tidak ada tindakan yang diambil. Oleh itu, adakah perkara ini kelemahan dari segi akta-akta yang ada, dari segi kawalan kita. Jadi oleh itu, adakah pihak kerajaan merancang untuk menggubal satu akta baru bagi mengawal dana-dana asing untuk masuk ke dalam negara ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, beberapa kementerian telah pun memberi jawapan berhubung dengan kehadiran dana asing kepada NGO-NGO tertentu. Ada juga pihak individu yang kaya di dunia ini menyebutkan bahawa dia telah menyalurkan dana asing kepada pihak-pihak tertentu dengan tujuan tertentu. Kebanyakan tujuan mereka ialah lebih ke arah memberi nama buruk kepada kerajaan. Undang-undang yang ada, ada sesetengahnya mungkin kurang. Akan tetapi pada keseluruhannya, undang-undang yang ada mampu untuk mengambil tindakan kepada apa yang telah disebutkan tadi. Cuma kehadiran dana asing tadi, kita hendak lihat sejauh mana ia mengancam keselamatan negara dan juga undang-undang yang sedia ada.

Saya pasti sudah oleh kerana jawapannya khusus, saya akan jawab secara bertulis berhubung dengan penglibatan seorang kaya di dunia ini yang telah menyalurkan dana asing kepada pihak tertentu di negara ini di atas tujuan yang mungkin boleh mengancam keselamatan kerajaan. Dalam masa yang sama, perbuatan tersebut boleh menyebabkan perpecahan kepada rakyat Malaysia. Terima kasih. Yang Berhormat, saya jawab secara bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Sebelum itu, tahniah Barisan Nasional kerana menang Kuala Besut. Soalan saya, sila nyatakan dengan berani, tegas dan jelas, dana asing dari manakah yang diterima, siapa atau pihak mana yang terima. Berapa jumlahnya dan apakah tindakan kerajaan? [Tepuk]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, maka saya akan jawab dengan berani bahawa untuk soalan yang khusus ini saya akan beri jawapan bertulis berhubung dengan tindakan yang telah diambil kepada soalan yang telah ditanya oleh Yang Berhormat Senator tadi iaitu tentang individu yang telah menyalurkan dana asing kepada beberapa pertubuhan di sini untuk menambah buruk atau menjatuhkan imej kerajaan.

Kemudian yang keduanya, dana asing yang mana dan pertubuhan mana yang perlu diambil tindakan, kita terpaksa beri jawapan yang bertulis sebab ini melibatkan undang-undang. Saya salah cakap, undang-undang itu akan memakan diri saya. Diri Yang Berhormat tidak kena sebab Yang Berhormat yang bertanya, saya yang hendak menjawab itu biarlah saya lebih spesifik kepada dana asing manakah yang telah menyalurkan dana asing mereka untuk tujuan buruk di negara ini.

Saya ingat selewat-lewatnya minggu hadapan Yang Berhormat boleh pamerkan, dana-dana asing yang telah dimasukkan dan tindakan yang telah diambil. Kalau tindakan tidak diambil, makna kata undang-undang yang ada masih belum mencukupi untuk mengambil tindakan kepada penyaluran dana asing tadi.

Sekali lagi saya hendak sebutkan, banyak negara yang melihat kehadiran yang pertama tadi media sosial menimbulkan keluh kesah kepada semua negara. Seperti China, mengharamkan terus *Facebook*. Itu sebab siapa yang pergi ke China, tidak mungkin dia boleh bertahan lama di China kalau dia peminat *Facebook*. Dia akan duduk sekejap, dia akan lari keluar. Ini kerana tidak mampu untuk hidup tanpa *Facebook*. Kita lihat banyak pelancong China, pelancong yang paling besar di dunia ini adalah pelancong China di semua tempat di seluruh dunia. Mereka hadir di antaranya mereka mungkin mereka seronok bermain *Facebook* dan sebagainya. Jadi, dana asing juga bergerak seiring dengan *internet* dan kita akan jawab soalan spesifik kerana Yang Berhormat tanya soalan yang spesifik. Ini kerana yang beri dana asing itu bukan satu, ada jumlahnya dan ada kepelbagaianya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, cuma saya minta beri semua Senator boleh? Beri kepada semua Senator.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Senator ramai yang tidak dapat balik ke Terengganu semalam ini, kita akan beri jawapan bertulis.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagus Yang Berhormat Menteri. Buatlah jawapan secara bertulis yang terperinci kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Minta maaf. Kepada Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman atau kepada semua Ahli? Saya minta kerana perkara ini adalah perkara yang patut kita ketahui dan akan kita anggap sebagai suatu yang *confidential*. Kalau diberikan secara bertulis kepada semua dan saya rasa patut diberikan. Maka, *insya-Allah confidentialitynya* akan kita...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, buatlah secara bertulis kepada semua Ahli Senator.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya Tuan Yang di-Pertua, arahan diikuti [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**8. Tuan Chiew Lian Keng** minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, setakat mana *incinerator* dapat mengurangkan sampah-sarap, dan berapakah *incinerator* ini telah dan lokasi yang akan didirikan.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2005, jumlah sisa pepejal yang dijana adalah sebanyak 17 ribu tan sehari bagi kawasan Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, pada tahun 2012 ia akan mencecah sehingga kepada 25 ribu tan sehari. Peningkatan penjanaan sisa pepejal pada kadar sekarang ini menyebabkan jangka hayat kepada setiap tapak pelupusan sisa pepejal yang ada menjadi semakin pendek daripada yang kita rancangkan. Sebagai contoh, kitar hayat bagi sesebuah sel di sesebuah tapak pelupusan sisa pepejal *sanitary* adalah sekitar lima tahun. Sekiranya jumlah sisa pepejal yang dihantar ini semakin meningkat kepada kadar yang ada seperti mana yang saya nyatakan Tuan Yang di-Pertua, sudah pastilah sel tersebut akan penuh sebelum tempoh jangka hayat yang dirancang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, semenjak daripada tahun 2008, kerajaan telah pun berusaha untuk mencari alternatif yang terbaik dalam usaha untuk menyelesaikan masalah mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dilupuskan di tapak-tapak pelupusan. Kaedah yang terbaik Tuan Yang di-Pertua, yang telah dikenal pasti adalah dengan membina *incinerator*.

Berdasarkan kepada kajian yang telah pun dijalankan ke atas teknologi *incinerator* yang dibina dan beroperasi di kebanyakan lokasi di dunia, terbukti bahawa ia mampu dan dapat mengurangkan antara 85 peratus sehingga 90 peratus kuantiti sisa pepejal. Hasil pembakaran melalui *incinerator* menjana dalam lingkungan 10 peratus sehingga 15 peratus abu atau pun *bottom ash*, dengan izin, daripada kuantiti asal sebenar sisa pepejal yang dibakar.

#### ■ 1110

Kaedah ini Tuan Yang di-Pertua, mampu untuk memanjangkan tempoh jangka hayat sesebuah tapak pelupusan sisa pepejal kerana apabila *incinerator* di bina dan digunakan, tapak pelupusan hanya digunakan untuk melupuskan sisa abu yang dikeluarkan oleh *incinerator*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, sehingga kini kementerian telah bina empat buah *incinerator* bersaiz mini yang kita letakkan di Pulau Langkawi, Pulau Tioman, Pulau Pangkor dan juga Cameron Highlands. Kementerian juga bercadang untuk membina tiga buah lagi *incinerator* dengan kapasiti yang lebih besar di Kuala Lumpur, di Sungai Udang, Melaka dan juga di Bukit Payong, Batu Pahat, Johor. Terima kasih.

**Tuan Chiew Lian Keng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Bolehkah kita tahu kementerian akan membina tiga lagi *incinerator*. Saya fahamkan rakyat tidak begitu yakin dengan teknologi ini kerana ia boleh memberi kesan kepada kesihatan. Saya minta kementerian memberi penjelasan sejauh manakah *incinerator* ini selamat diguna tanpa memberi kesan kepada kesihatan penduduk dan juga alam sekitar.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tuan Yang di-Pertua, adakah penggunaan *incinerator* selamat? Setelah dijalankan kajian, kerajaan terutama kementerian menganggap bahawa pengurusan sisa pepejal ini Tuan Yang di-Pertua, bukanlah *business as usual*. Kita tidak mahu menganggap pengurusan sisa pepejal ini sebagai *business as usual* tetapi kerajaan perlu memikirkan pendekatan yang perlu dilaksanakan untuk menyediakan suasana kehidupan dengan kualiti hidup yang lebih baik pada rakyatnya. Maka kerana itu keputusan kerajaan untuk membina *incinerator* ini bukanlah dibuat secara tergesa-gesa tanpa mengambil maklum tentang kajian-kajian yang perlu kita laksanakan termasuk untuk kita menimba pengalaman dan juga pengetahuan daripada negara-negara yang menggunakan teknologi *incinerator* seperti di Singapura, Republik Korea, Jepun, Jerman, UK dan juga Denmark.

Untuk makluman Yang Berhormat, di Tokyo sahaja terdapat 21 buah *incinerator*, manakala di negara jiran kita di Singapura, terdapat lima buah *incinerator* untuk menangani masalah sisa pepejal yang semakin bertambah setiap tahun kepada kedua-dua negara ini.

Teknologi *incinerator* ini Tuan Yang di-Pertua, berupaya untuk menangani isu-isu pelepasan gas *dioxin*, bau dan sebagainya dan suhu pembakaran dalam *incinerator* yang tinggi ini juga mampu untuk menentukan tanpa sebarang penghasilan dioksida akan dapat dimusnahkan. Jadi kajian terperinci kesan terhadap alam sekitar juga dilaksanakan dengan mengambil kira segala impak kepada alam sekitar dan kesihatan awam terutama kepada rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebenarnya ada kaedah alternatif untuk pelupusan sampah selain daripada *incinerator*. *Incinerator* ini sangat mahal kosnya, kalau *full pledge* lebih daripada RM500 juta. Penyelenggaranya juga kosnya tinggi, memerlukan teknologi tinggi dan sebagainya.

Saya pernah melawat *incinerator* di Singapura ya, 5-6 tahun dulu dan saya juga pernah melawat satu pelupusan sampah di Beranang yang menggunakan bioteknologi dengan tidak perlu membakar, kutipan sampah dibuat secara percuma tanpa melibatkan kos kepada majlis kerajaan tempatan dan bahan-bahan organik ini boleh ditukar kepada *biodiesel* ataupun *biofuel* ya. Jadi adakah kerajaan bercadang, kementerian bercadang untuk mencari teknologi ataupun kaedah yang lain yang menggunakan bioteknologi ini tadi seperti yang dilaksanakan di Beranang. Ini kerana daripada *internet* yang saya baca, *incinerator* di Singapura yang saya pergi lawat itu pun sudah tutup, sudah tutup ya Yang Berhormat. Serta banyak lagi *incinerator* yang *privately owned* di luar negara ini sudah bankrap, boleh tengok *internet* kerana kosnya tinggi. Apa pandangan kementerian dalam hal ini. Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya jelaskan tadi kalau kita hendak memikirkan tentang soal kos yang tinggi, memang untuk membina sesebuah *incinerator* memerlukan kos yang tinggi. Akan tetapi untuk kita menguruskan tapak pelupusan sampah yang ada dengan

perlu mencari lagi lebih banyak tanah-tanah untuk diwujudkan tapak-tapak pelupusan, dengan kos untuk menguruskan tapak pelupusan dan sebagainya, kalau diambil perkiraan daripada jangka panjang, kos itu lebih daripada kos untuk membina sebuah *incinerator* dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penggunaan tanah pada masa yang akan datang terhadap tapak pelupusan yang sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat dengan wujudnya *incinerator* ini, keluasan tanah kita kurangkan dan walaupun seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi, CAPEX dan OPEXnya tinggi dan sebagainya, tetapi kita boleh menjana tenaga tanpa pencemaran dan sebagainya dalam usaha untuk mengambil kira tentang kesediaan keperluan tanah yang ada di negara kita. Sudah sampai masanya untuk kita menguruskan soal pengurusan sisa pepejal ini dengan cara yang lebih dinamik lagi dengan cara yang lebih lestari lagi.

Dalam pada itu untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah pun mengambil kira beberapa pendekatan bagi perancangan masa depan dan untuk melihat kepada teknologi-teknologi yang lebih lestari yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi saya ingin memperakukan kepada Yang Berhormat, tidak payah bimbang Yang Berhormat kerana kerajaan yang ada ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab, kerajaan yang ada ini adalah kerajaan yang meletakkan keutamaan perancangan negara untuk menyejahterakan rakyatnya.

Kita harap dalam pengurusan sisa pepejal yang sedang dilaksanakan secara berperingkat oleh pihak kementerian ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita hendak elakkan penjanaan sisa, kedua kurangkan sisa di punca, ketiga gunakan semula bahan kitar semula dan perolehan semula bahan kitar semula dan juga perolehan tenaga melalui rawatan pengolahan haba dan yang paling penting ialah mengurangkan penggunaan tapak pelupusan sebagai pilihan yang terakhir. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

**9. Dato' Dr. Johari bin Mat** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, berapakah kerugian yang telah dialami oleh kerajaan sejak Dana Penyelidikan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dilaksanakan dan apakah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat. *Berita Harian* 26 Jun 2013 muka surat 19 melaporkan bahawa dana tersebut yang disediakan untuk kegunaan IPT tempatan dikesan disalahgunakan menyebabkan kerajaan kerugian puluhan juta ringgit.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Tuan Yang di-Pertua, geran yang dimaksudkan oleh yang bertanya tadi adalah geran yang dikeluarkan oleh Dana Penyelidikan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC). Geran yang dimaksudkan adalah dana *Commercialisation of R&D Fund* (CRDF) yang merupakan dana yang menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat Malaysia yang berkelayakan untuk melaksanakan aktiviti pengkomersialan hasil pendidikan universiti ataupun institusi pendidikan awam dan hasil penyelidikan oleh pihak syarikat. Jadi bagi kes yang dimaksudkan, adalah kes yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah pihak SPRM telah mendakwa tiga orang pengarah syarikat PCS Innovation Sdn. Bhd. ataupun PSCI di mana salah seorang daripada mereka adalah pensyarah dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di atas tuduhan memalsukan dokumen tuntutan dana CRDF sepanjang tahun 2009 sehingga 2010.

## ■ 1120

Jadi PSC Innovation ini adalah menerima dana CRDF yang berjumlah RM3.920 juta untuk mengkomersialkan diesel dengan kandungan sulfur yang rendah melalui proses penyahsulfuran oksidatif dengan kerjasama pihak UTM. Daripada kelulusan dana tersebut, pembayaran baru sahaja dibayarkan sebanyak RM1.882 juta dan telah pun dibuat oleh MTDC kepada syarikat berkenaan untuk tujuan pelesenan teknologi dan juga pembelian peralatan pengeluaran diesel. Pembayaran gerannya begini, setiap RM1 yang dikeluarkan, syarikat ini keluar 30 sen dan yang dikeluarkan oleh MTDC adalah 70 sen. Bermakna ini berpadananlah, dipadankan. Setiap 30 sen dibelanjakan, 70 sen yang kerajaan bayar. Itulah senario nya.

Jadi, inilah yang berlakunya yang dituduh dalam mahkamah sekarang ialah pemalsuan perkara ini. Jika sabit kesalahan, kita tidak seperti laporkan kerugian berjuta-juta ringgit, tidak begitu. Kita telah membelanjakan RM1.882 juta di mana kalau kita ada perjanjian dengan dia selain daripada kalau didapati di mahkamah dan akan diproses di mahkamah. Akan tetapi kalau misal kata, kita masih boleh menuntut lagi bayaran itu dengan 15 persen faedah terkumpul. Maknanya tidaklah berlaku apa-apa kerugian kepada kerajaan kerana kita telah menyediakan perjanjian yang cukup lengkap dan tidaklah seperti dilaporkan dalam surat khabar, kita kerajaan kerugian berjuta-juta ringgit.

Ada juga ditanya oleh Tuan Yang di-Pertua, semenjak CRDF diwujudkan dari tahun 1996, MTDC telah meluluskan 299 buah syarikat bertujuan untuk mengkomersialkan produk penyelidikan tempatan. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan sahaja, kita telah mengeluarkan untuk 154 buah syarikat dengan perbelanjaan RM294.72 juta. Sekiranya sekarang *to date*, 299 projek tadi dengan perbelanjaan RM484.4 juta.

Sepanjang ditubuhkan pada tahun 1996, hanya ini satu sahajalah kes yang berlaku, satu-satunya syarikat yang didakwa di mahkamah oleh SPRM atas tuduhan penyelewengan dana tersebut. MTDC juga telah menjalankan audit sebenarnya secara rawak. Itulah langkah-langkah yang perlu dilakukan kepada syarikat-syarikat penerima dana yang diuruskan oleh MTDC dari semasa ke semasa kerana sebelum tuntutan itu, resit itu perlu disahkan oleh akauntan bertauliah. Itu akauntan bagi pihak kita dan juga pihak MOSTI juga telah membuat semakan.

Jadi bermula tahun 1999, secara purata sebanyak lima audit khas telah dijalankan setiap tahun untuk memastikan amalan baik tadbir urus korporat diamalkan oleh penerima dana tersebut. Jadi bermula Rancangan Malaysia Kesepuluh, pihak MTDC telah membuat penambahbaikan ke atas keseluruhan prosedur berkaitan pengurusan dana termasuklah proses penilaian permohonan, pembayaran dana, pemantauan projek dan juga dokumen perjanjian dana yang telah dikemaskinikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan yang pertama, silakan Dato' Dr. Johari.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang panjang lebar dan terperinci dalam bidang ini. Daripada jumlah 299 yang telah dilakukan itu, bagaimana kedudukan kejayaan projek penyelidikan yang telah dijalankan? Begitu juga saya ingin tahu, walaupun saya rasa prihatin perkara ini, banyak projek tetapi satu yang bermasalah. Itu satu sahaja. Jadi apabila sudah diberitahu dalam media, saya rasa perkara ini sangat menarik perhatian ramai. Jadi saya ingin tahu, berapa projek yang telah dijalankan, ada 299 tadi berapa yang telah berjaya dan juga mungkin ada yang tidak berjaya? Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Saya ingat yang bertanya juga faham mengenai penyelidikan. Maknanya sudah tentu ada yang nama pun penyelidikan, bukan kilang. Kalau kilang, sudah tentu proses itu buat dan jadi. Walau macam mana pun, CRDF di bawah MTDC telah melakukan sesuatu yang baik untuk negara dan kebanyakan penyelidikannya telah dinilai dengan begitu baik dan saya boleh bagi jawapan yang terperinci juga tentang perkara ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, dana yang diluluskan sejumlah RM294.72 juta dan projek yang diluluskan sebanyak 154 dan hasilnya ada banyak. Mungkin kita tengok daripada segi harta intelek, penerbitan anugerah tetapi di sini ingin saya nyatakan untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah berjaya mengkomersialkan 102 produk daripada 154 penyelidikan yang telah dijalankan. Maknanya ini satu kejayaan yang besar.

Jadi untuk Rancangan Malaysia Kesembilan pula sampai untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh sampai ke beberapa hari yang lepas, kita telah membelanjakan RM131.73 juta, projek diluluskan sebanyak 73 dan projek yang berpotensi untuk dikomersialkan adalah sebanyak 68 dan sampai hari ini, ada satu produk yang telah dikomersialkan walaupun ia mengambil masa yang begitu lama. Akan tetapi *insya-Allah* semua wang ini telah digunakan dengan baik dan telah dapat sebagaimana yang kita tahu untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020, kita harus menjadi negara yang menjadi pengeluar teknologi bukan sahaja negara yang membeli teknologi. Jadi nampaknya penggunaan geran CRDF telah berjaya membawa produk-produk Malaysia yang dipasarkan juga ke dalam dan ke luar negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Soalan tambahan seterusnya. Silakan Puan Norliza.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menambah sedikit dan ingin bertanya sebab saya rasa penggunaan wang kerajaan ini kepada inovasi ini adalah penting. Jadi soalan saya, betul sebagaimana yang Menteri katakan, penyelidikan akan memakan masa. Akan tetapi saya rasa, kita perlu ada tempoh masa. Jangan kadang terlalu panjang tahunnya. Jadi soalan saya, adakah tempoh masa yang ditetapkan dan adakah diletakkan pegawai di kementerian untuk memantau dan mengenal pasti apakah masalah sewaktu penyelidikan? Itu yang pertama.

Kedua, saya rasa kita sebagai rakyat dan masyarakat, kita ingin tahu pencapaian daripada penyelidikan yang dibuat. Jadi saya rasa publisiti kejayaan itu saya rasa masih berkurangan. Sebagai rakyat, kita mungkin tidak tahu. Jadi saya rasa mungkin dapat diiklankan dan diberi publisiti yang lebih kerana ini adalah satu pencapaian dalam bidang inovasi. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanya. Seperti yang saya katakan tadi, sebenarnya sebelum geran ini diluluskan, ia telah melalui banyak proses. Proses ini agak lama. Kadang-kadang dua bulan dan sudah pasti geran ini diluluskan dengan pakar-pakar yang kita lantik dari seluruh negara. Pakar yang berkenaan itu membuat penilaian, selepas buat penilaian baru dia luluskan. Ini satu penilaian yang sangat ketat dan saya juga bekas penyelidik. Sudah pasti penyelidikan ini mengambil masa yang lama tetapi kita mengehadkan kebanyakannya yang minta itu lebih kurang dalam dua tahun. Kalau lebih itu kita minta dia lihat kaedah-kaedah yang berlainan. Jadi ini adalah perkara biasa dan saya mengaku mengatakan dan tadi saya sudah bagi tahu, ada orang melihat kejayaan kepada penyelidikan ini, ada bermacam-macam cara.

Pertama, ada yang menggunakan mungkin di universiti ataupun banyak institusi penyelidikan lain ia mengatakan anugerah adalah sesuatu benda yang penting. Itu yang diberi publisiti. Sepanjang tahun Rancangan Malaysia Kesembilan kalau kita cerita daripada segi anugerah, kita telah dapat kalau anugerah sahaja ada beratus-ratus anugerah yang kita telah berjaya. Ini kalau kita tengok daripada segi anugerah. Ada juga yang melihat daripada segi harta intelek, ada yang melihat daripada segi patennya, hak ciptanya, trademarknya dan ada juga universiti melihat daripada segi penerbitan. Penerbitan antarabangsa, nasionalnya dan juga melihat juga berapa banyak pelajar *PhD*, *master* yang dikeluarkan. Ini kita lihat tetapi daripada segi MOSTI, daripada kementerian saya, kita melihatkan produk yang boleh dikomersialkan. Itu adalah satu benda yang penting bagi pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita ada banyak produk yang telah pun berada di pasaran tetapi kita tidak tulislah produk itu hasil daripada CRDF. Kita juga tidak tulis produk itu di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi kerana ini adalah sebahagian daripada strategi perniagaan yang kita perlu laksanakan. Jadi bagi saya, jangan risau. Banyak produk kita yang berada di *supermarket* dan kalau hendak tengok produk ini secara dekat, saya menjemputlah Yang Berhormat ramai-ramai datang hari terbuka Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang akan diadakan dan kita akan mempamerkan keseluruhan produk yang kita telah bagi publisiti yang berjaya dikomersialkan yang telah berada di pasaran. Sekian, terima kasih.

■ 1130

**10. Datuk Pau Chiong Ung** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah tindakan-tindakan pencegahan akan diambil oleh pihak kementerian bagi mencegah pengusaha pengangkutan sungai membawa penumpang berlebihan supaya tragedi kapal tenggelam di Belaga, Sarawak baru-baru ini tidak akan berulang lagi.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak kementerian melalui Jabatan Laut Malaysia sentiasa bekerjasama dengan Lembaga Sungai-sungai Sarawak dalam memastikan pengusaha feri dan bot penumpang yang menjalankan perkhidmatan di sungai-sungai Sarawak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Dalam hubungan ini, langkah-langkah pencegahan yang diambil oleh Jabatan Laut Malaysia termasuklah menganjurkan kempen-kempen keselamatan untuk mendidik dan menyedarkan pengguna dan juga operator feri tentang kepentingan keselamatan feri serta aspek-aspek yang bersangkutan dengannya.

*[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat.]*

Kedua, memastikan feri dan bot penumpang membawa penumpang mengikut sijil penumpang yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut Malaysia kepada feri atau bot penumpang berkenaan. Seterusnya juga melaksanakan pemeriksaan bagi memastikan feri dan bot penumpang dilengkapi peralatan keselamatan yang ditetapkan seperti jaket keselamatan dan

alat pemadam api. Seterusnya, memeriksa dokumen-dokumen keselamatan sebelum feri dan bot penumpang dibenarkan belayar.

Seterusnya, juga melaksanakan pemeriksaan berkala ataupun setiap tahun ke atas feri dan bot penumpang yang beroperasi bagi memastikan ia adalah layak layar ataupun *sea woven*.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan dan Kerajaan Negeri Sarawak juga telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas di bawah koordinasi Pejabat Ketua Menteri Sarawak yang diurus setiakan oleh Jabatan Laut Malaysia, Wilayah Sarawak. Ini bagi meneliti aspek-aspek perkhidmatan bot penumpang di sungai-sungai Sarawak seperti kemudahan pendaratan, laluan bot, pelesenan dan permit bot, reka bentuk bot dan juga ciri-ciri keselamatan berkaitan.

Kerajaan melalui Jabatan Luat Malaysia akan turut mengeluarkan satu garis panduan berhubung spesifikasi feri dan bot penumpang yang memberi tumpuan kepada ciri-ciri keselamatan bagi memastikan feri dan bot penumpang yang dikendalikan adalah lebih selamat dan garis panduan ini dijangka dikuatkuasakan pada tahun 2015. Dalam pada itu, satu kempen promosi dan kesedaran akan diadakan pada hujung tahun ini bagi memberikan kesedaran kepada pengguna, pengusaha feri dan bot penumpang mengenai risiko menaiki feri yang membawa lebih penumpang dan kempen promosi ini akan memberi penekanan kepada konsep kesedaran kendiri dan dengan harapan pengguna secara sukarelanya tidak menaiki bot yang membawa lebih penumpang sementara pengusaha feri dan penumpang bot tidak membawa lebihan muatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, operasi feri dan bot penumpang di sungai-sungai Sarawak adalah tertakluk kepada permit operasi ataupun *river transport permit* yang dikeluarkan oleh Lembaga Sungai-sungai Sarawak di bawah autoriti Kerajaan Negeri Sarawak. Permit ini yang bertujuan memantau pengendalian perkhidmatan feri dan bot penumpang di sungai-sungai Sarawak hanya akan dikeluarkan sekiranya feri dan bot penumpang memenuhi syarat yang ditetapkan.

**Datuk Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberi sebentar tadi. Oleh sebab masih belum ada jalan menghubungkan pekan-pekan kecil di pedalaman negeri Sarawak, rakyat tempatan hanya dapat bergantung kepada pengangkutan bot ekspres melalui sungai sahaja. Menjelang musim perayaan terutamanya sebelum dan selepas musim, ramai penduduk pulang balik kampung dan datang serta pergi kerja di bandar lagi. Oleh itu pengusaha pengangkutan bot ekspres juga menghadapi masalah tidak dapat menampung peningkatan keperluan yang tinggi dalam tempoh singkat.

Soalan saya ialah selain daripada mengetarkan penguatkuasaan, adakah kementerian bercadang bekerjasama dengan kementerian lain supaya membekalkan bot ekspres atau feri tambahan untuk membantu membawa penumpang semasa musim perayaan dan dalam jangkaan tempoh panjang, semua pekan kecil di pedalaman negeri Sarawak di sambung dengan jalan. Saya percaya ia perlu peruntukan besar. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai penambahan bot ini, pihak kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa khas yang telah saya sebutkan tadi di bawah koordinasi Pejabat Ketua Menteri Sarawak yang diurus setiakan oleh Jabatan Laut Malaysia Wilayah Sarawak bagi meneliti keperluan-keperluan bagi menampung khususnya semasa waktu perayaan. Memang tidak dinafikan, pada hari biasa, biasanya lebih kurang 15 hingga 20 orang yang menggunakan bot tetapi apabila hari perayaan, ia melebihi seratus orang penumpang dan ini yang memerlukan penambahan bot dan pihak kerajaan telah menyarankan kepada Lembaga Sungai-sungai Sarawak untuk membuka peluang kepada syarikat-syarikat untuk menambahkan bilangan permit bagi menambahkan bot-bot semasa musim perayaan.

**11. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sekiranya kementerian akan menimbaangkan semula pelaksanaan sistem kuota kemasukan pelajar-pelajar bumiputera ke IPTA (untuk menggantikan sistem merit sekarang) menimbaangkan merosotnya peratusan pelajar-pelajar bumiputera yang sedang menuntut di IPTA/IPTS di dalam dan di luar negeri sekarang.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Selaras dengan keputusan kerajaan pada tahun 2002,

dasar pengambilan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dilaksanakan berdasarkan prinsip meritokrasi bagi menggantikan dasar pengambilan mengikut kuota kaum yang diguna pakai sebelumnya. Dasar meritokrasi ini dilaksanakan dengan mengguna pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kurikulum untuk menjana markah merit pelajar.

Berdasarkan kepada statistik pengajian tinggi di Kementerian Pendidikan Malaysia, jumlah enrolmen pelajar Melayu termasuk Melayu Sabah dan Melayu Sarawak di IPTA dan institusi pengajian tinggi swasta, pada tahun 2012 ialah 51.8 peratus daripada keseluruhan pelajar. Statistik ini melebihi peraturan pelajar bukan Melayu di IPT. Begitu juga dengan statistik kemasukan pelajar ke IPTA dan IPTS. Sebanyak 57.57 peratus adalah pelajar Melayu. Statistik graduan pula menunjukkan 67.97 peratus graduan IPTA dan IPTS juga adalah Melayu. Walaupun meritokrasi dilaksanakan dalam pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi, rekod di Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa jumlah pelajar Melayu yang melanjutkan pengajian di IPT dalam negara masih lebih tinggi berbanding kaum-kaum lain.

Berdasarkan kepada statistik pengajian tinggi, jumlah enrolmen pelajar Melayu termasuk Melayu Sabah dan Melayu Sarawak di IPTA pada tahun 2012 ialah 77.56 peratus daripada keseluruhan pelajar. Statistik ini menunjukkan peratusan pelajar Melayu melebihi kaum lain di IPT. Begitu juga dengan statistik kemasukan pelajar ke IPTA sebanyak 79.11 peratus adalah pelajar Melayu dan 73.79 peratus graduan IPTA adalah Melayu.

#### ■ 1140

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia belum bercadang untuk menggantikan sistem meritokrasi dengan sistem kuota seperti mana sebelum ini. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pelajar yang layak dengan markah merit yang tertinggi tanpa mengira kaum, agama dan taraf hidup tidak akan dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA. Calon-calon yang layak dan memenuhi syarat am universiti, syarat khas program pengajian serta kriteria pemilihan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon, serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA. Bagi tajaan pelajar ke luar negara, sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa agensi-agensi penajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Majlis Amanah Rakyat dan lain-lain agensi kerajaan yang menyediakan bantuan kepada pelajar yang layak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berterima kasih tetapi pada masa yang sama berduakacita. Kenapa saya berduakacita, kerana statistik yang diberikan itu saya rasa tidak menggambarkan keadaan yang sebenarnya, terutama sekali statistiknya terlalu umum. Kita hendak tahu statistik pelajar-pelajar Melayu dan bukan Melayu, orang bumiputera dan bukan bumiputera di bidang perubatan, bidang kejuruteraan dan bidang perggian. Itu statistik IPTA yang saya harapkan.

Pada masa yang sama perlu juga diberikan statistik perbandingan pelajar-pelajar Melayu dan bukan Melayu yang belajar di luar negeri mengikut bidang-bidang yang saya katakan tadi. Saya tahu di Indonesia banyak pelajar keturunan India yang menuntut ilmu perubatan tetapi bilangan pelajar Melayu sangat sikit. Jadi inilah statistik-statistik yang saya rasa jangan digloss overlah. Sebab bila cara Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memberikan data-data ini seakan-akan pelajar Melayu telah mendominasi kedudukan pelajar-pelajar di IPTA itu yang tidak benar sama sekali. Selain dari itu, itu yang saya mengharapkan perlunya statistik yang lebih lengkap dan lebih *enlightening*. Bukan statistik untuk mengaburi mata.

Saya harap statistik Yang Berhormat Timbalan Menteri berikan tadi, saya ada statistik ini. Ini statistik yang dikumpulkan oleh Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung. Mengikut dalam sesi 2002 dan 2003, di bidang perubatan, dalam sistem meritokrasi dulu, pelajar-pelajar Melayu di bidang perubatan, bumiputera mengikut sistem kuota 103. Bukan bumiputera mengikut meritokrasi sekarang 78. Itu tahun lalu. Kemudian, bukan bumiputera, mengikut sistem kuota 51, sistem meritokrasi 84. Gambaran yang sama dapat kita lihat di bidang ekonomi dan perakaunan. Jadi inilah statistik yang harus diberikan kepada kita sebagai *legislator*.

Jadi janganlah hendaknya pihak eksekutif mengaburkan mata kita dengan perkara-perkara seperti ini. Itu satu perkara. Kemudian saya hendak tahu juga sebab dimansuhkan. Perlu diberikan sebab dimansuhkan tahun 2002 dulu dan perlu juga diberikan satu kajian akibat pemansuhan itu sekarang. Seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Syed Husin tadi yang akan memperlebar jurang antara kaum yang amat membahayakan perpaduan nasional. Jadi saya

rasa hendak bagi statistik itu bagus, terima kasih banyak. Akan tetapi berilah statistik yang tidak mengelirukan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Memandangkan soalan yang ditimbulkan adalah sama ada kementerian menimbangkan semula pelaksanaan sistem kemasukan pelajar-pelajar.

So jawapan diberi oleh kementerian adalah berdasarkan kepada soalan yang diminta. Statistik-statistik pelajar bumiputera dan bukan bumiputera secara terperinci boleh saya berikan kepada Yang Berhormat Senator secara bertulis.

Pada aspek mengapa ia dilaksanakan ialah pada masa itu, ia merupakan kaedah yang paling sesuai untuk memberi satu peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk mengikuti pelajaran mereka di IPTA. Itu kaedahnya pada masa itu atas keperluan. Akan tetapi pokoknya, sama ada kementerian akan melihat kembali, buat masa ini kita tidak ada perancangan. Akan tetapi untuk soalan asal iaitu soalan statistik pelajar-pelajar bumiputera dan bukan bumiputera secara terperinci akan saya edarkan secara tulisan kepada Yang Berhormat Senator. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ada satu perkara. Gambaran yang di luar negeri juga diberikan. Satu soalan yang saya tak dijawab dulu, akibat daripada pembatalan tahun 2002 itu. Yang ini memerlukan, saya tahu tidak akan dapat dijawab dengan serta-merta. Yang ini saya rasa memerlukan pengkajian yang lebih teliti. Tidak semata-mata mengatakan tidak ada perancangan. Apa lagi apabila sudah ditimbulkan di dalam Dewan ini, minta supaya dikaji balik. Dan juga bukan sahaja di Dewan ini...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, cuba ringkaskan itu dan...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Okey, ringkas sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** ...Kalau ada apa-apa itu, agaknya Yang Berhormat boleh bagi data-data itu untuk Yang Berhormat Menteri beri jawapan yang bertulis dan sebagainya.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Cuma saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua, supaya suara *legislator* didengar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan. Kita bagi...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Itu yang saya katakan tadi. Ini harapan daripada kita. Di samping itu juga harapan daripada NGO pendidikan Melayu, pendidikan GPMS yang diwakili oleh ribuan, jutaan pelajar Melayu yang telah menempa sejarahnya sendiri dan menggerakkan nasionalisme Melayu di bidang pendidikan negara ini, termasuk pernah menjadi setiausaha Yang Berhormat rakan saya dekat sana itu... [Menunjuk ke tempat berkenaan]

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Akibat pembatalan itu saya akan berikan seperti mana Yang Berhormat Senator maklum pada tadi, kerana persiapan untuk jawapan ini merupakan untuk menimbang semula pelaksanaan yang mana telah saya jawab. Akibat pembatalan itu, okey kita akan laksanakan satu kajian yang teliti akibat-kibat pembatalan sistem kuota.

Akan tetapi untuk maklumat Yang Berhormat Senator, saya rasa permintaan ini bukan sahaja daripada golongan-golongan NGO Melayu. Bukan Melayu pun ada di antara golongan yang minta juga permohonan untuk mereka menimbang balik kemasukan menggunakan sistem kuota ini. Akan tetapi berdasarkan sekarang, kementerian tiada berhasrat ataupun tidak ada hasrat untuk menggantikan sistem meritokrasi. Itu sahaja buat masa sekarang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya fikir apa yang dibangkitkan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus itu tadi, kalau Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus ada lagi hendak dipanjangkan, Yang Berhormat akan berucap dalam Titah Diraja nanti boleh bangkitkan secara lebih jelas. Sekarang saya mempersilakan soalan tambahan kedua Dato' Lim.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Sistem kuota untuk tawaran kepada pelajar-pelajar IPTA sebagai sistem yang menentang konsep 1Malaysia dan sistem itu sudah diganti oleh sistem merit bukan lama, baru-baru ini sahaja. Jadi saya fikirlah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat, soalan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kementerian tentang sistem kuota dan sistem merit, yang mana yang lebih bagus. Bila sistem merit ambil alih sistem kuota. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sistem kuota ini telah pun dimansuhkan kepada sistem meritokrasi pada tahun 2002. Sudah lebih kurang sepuluh tahun pelaksanaannya. Sistem merit ini diperkenalkan, benar seperti mana Yang Berhormat Senator kata, ia nampak adil untuk semua.

Oleh sebab itulah ia diperkenalkan. Nampak keadilan untuk semua. Mungkin ada pandangan seperti mana Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus kata tadi, ada pandangan-pandangan berbeza. Maka mungkin satu kajian diperlukan dilakukan tetapi seperti mana saya balik kepada pokok jawapan saya, buat masa ini kerajaan tidak berhasrat untuk menukar sistem meritokrasi yang sedia ada. Terima kasih Yang Berhormat Senator.

**12. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, berapakah jumlah peruntukan untuk latihan kemahiran belia di bawah kementerian dan apakah pengagihan untuk latihan kemahiran ini benar-benar mencerminkan komitmen kerajaan dalam memperkasakan belia-belia kita tanpa mengira bangsa dan agama serta kemahiran yang ditawarkan dan sejauh manakah rekod pencapaian latihan ini di kalangan belia.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat berhubung perkara yang dibangkitkan.

#### ■ 1150

Untuk makluman, bagi tahun 2013 jumlah peruntukan latihan kemahiran belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan adalah sebanyak RM165 juta. Pengagihan peruntukan ini adalah kepada 20 buah Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), sebuah Kolej Kemahiran Belia Negara (KKBN) serta sebuah Akademik Kemahiran Belia Golf (AKBG) yang menawarkan kursus dan latihan kemahiran untuk pembangunan belia. Kapasiti pelajar yang boleh diisi ialah seramai 13,500 orang dalam satu masa dengan penawaran 16 bidang utama merangkumi pelbagai kursus kemahiran dan latihan teknikal untuk melahirkan tenaga mahir dan separuh mahir.

Untuk makluman Yang Berhormat, penawaran kemasukan ke Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira bangsa, kaum dan agama serta menepati syarat-syarat yang ditetapkan. Berdasarkan kajian kebolehpasaran graduan IKBN yang telah dijalankan pada tahun 2012 ke atas 2,588 orang graduan lepasan IKBN mendapat bahawa seramai 1,541 orang atau 60 peratus telah mendapat pekerjaan dalam tempoh enam hingga dua belas bulan. Lepasan yang menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi berjumlah 577 orang ataupun 22 peratus dan peratusan lepasan yang sedang mencari pekerjaan bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 18 peratus bersamaan 469 orang. Terima kasih.

**Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab. Kita menerima baik hasrat kerajaan dalam membina masa depan belia-belia kita agar kehidupan mereka ini selesa dan terjamin. Soalan tambahan saya, apakah kementerian akan mengkaji semula kursus-kursus yang ditawarkan di institut kemahiran ini agar sentiasa menepati perkembangan teknologi dan industri serta keperluan dan permintaan mengikut peredaran masa. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Yang Berhormat terhadap soalan tambahan tadi. Adalah menjadi peranan Kementerian Belia dan Sukan untuk membina generasi belia yang mempunyai jati diri dan kompeten dalam kemahiran bagi memenuhi keperluan pembangunan negara maju. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sentiasa mengambil maklum tentang perubahan semasa. Ini termasuk perkembangan teknologi dan industri yang mana kursus-kursus yang ditawarkan di institut kemahiran di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan adalah menggunakan pakai *National Occupational Skills Standard* ataupun NOSS, dengan izin, yang diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Kementerian sentiasa mengambil inisiatif dalam membangunkan dan menstrukturkan semula kokurikulum selaras dengan kehendak NOSS semasa.

Di samping itu, kementerian turut mengambil kira elemen tambah nilai ataupun *value added*, dengan izin, seperti kreativiti dan inovasi dalam proses pembelajaran para pelajar. Hasil daripada *value added* ini banyak membantu para graduan dalam kebolehpasaran mereka di industri pekerjaan serta dapat bersaing dengan lepasan institut latihan awam atau swasta yang lain. Penawaran kursus-kursus baru seperti kursus minyak dan gas atau *oil and gas*, dengan izin di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bandar Penawar adalah bertepatan dengan keperluan

tenaga kerja dalam bidang tersebut. Sebagai contoh, pembangunan Koridor Wilayah Pembangunan Iskandar yang mana ia memerlukan 30,000 hingga 40,000 pekerja dalam industri minyak dan gas sepanjang tempoh lima tahun mendatang.

Diharapkan perkembangan ini akan dapat memberi peluang kepada masyarakat, khususnya para belia kita dapat latihan dan mengisi peluang pekerjaan yang bakal ditawarkan dalam industri ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut berkenaan dengan pusat latihan kemahiran golf. Kita sedia maklum bahawa permainan golf ini adalah satu permainan yang ramai peminatnya di Malaysia dan kita mempunyai banyak lapangan golf dan juga dalam masa yang sama sebenarnya kita melahirkan ramai pemain-pemain profesional daripada kalangan pemain Korea yang banyak berlatih di negara kita. Akan tetapi dalam masa yang sama agak mengecewakan bahawa kita masih gagal lagi untuk melahirkan pemain-pemain golf yang berwibawa untuk menjadi pemain yang hebat di negara kita. Jadi oleh sebab itu, apakah perancangan kementerian dalam memastikan di kalangan belia kita betul-betul berkemahiran di dalam permainan golf. Terima kasih.

**Datuk Saravanan a/l Murugan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana kita sedia maklum, hari ini aktiviti sukan telah beredar daripada sekadar sukan ke satu aktiviti yang boleh memperkasakan ekonomi. Maka permainan golf walaupun sebelum ini merupakan satu permainan yang melibatkan kos yang begitu tinggi yang tidak dapat disertai oleh golongan belia, khususnya daripada golongan berpendapatan rendah. Maka sebagai kementerian yang prihatin dan selaras dengan pendirian Kementerian Pendidikan Malaysia, '1Murid 1Sukan' maka satu Akademi Kemahiran Belia Golf telah pun ditubuhkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Di mana kita boleh memberi peluang kepada bukan sahaja belia-belia berpendapatan tinggi tetapi belia-belia daripada golongan berpendapatan rendah supaya mereka turut menyertai dalam latihan ini sehingga kita boleh mencapai tahap seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat, melahirkan pemain golf yang bertaraf antarabangsa dan berkualiber. Sekian, terima kasih.

**13. Dato' Boon Som a/l Inong** minta Menteri Kesihatan menyatakan, bilangan kes penyakit kencing tikus yang dikesan di negara ini, tahap kejadian penyakit berkenaan serta langkah-langkah dan tindakan bagi menangani kejadian penyakit berkenaan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan soalan daripada Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah yang jadualnya pada 30 Julai kerana tajuknya adalah sama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, leptospirosis ataupun penyakit kencing tikus ini sebenarnya makin bertambah di negara kita. Sejak 2010, penyakit ini telah pun dikategorikan sebagai penyakit yang wajib di *notify, notify disease*. Sejak tahun 2010 kalau dilihat perangkaannya adalah seperti di bawah:

Tahun	Jumlah Kes	Jumlah Kematian
2010	1,976	69
2011	2,268	55
2012	3,665	48
Sehingga Julai 2013	2,262	22

Maknanya kadar telah pun menurun tetapi kes makin bertambah. Ini mungkin disebabkan satunya, mungkin bertambah penyakitnya. Kedua, adalah *awareness* di kalangan masyarakat tentang penyakit ini dan oleh kerana kewajipan pengamal perubatan, doktor kena *notify*. Maka dia melaporkan iaitu kes telah meningkat, itu antaranyalah. Usaha untuk mencegah penyakit ini yang dijalankan oleh kementerian iaitu:

- (i) meningkatkan aktiviti pemeriksaan premis makanan, pastikan premis makanan bersih;
- (ii) meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai dan hebahan melalui kempen kesedaran, media cetak, elektronik dan juga laman web; dan
- (iii) bekerjasama dengan agensi-agensi lain seperti pihak berkuasa tempatan dan juga jabatan hutan untuk memastikan kebersihan kawasan premis makanan dan juga persekitaran pusat rekreasi.

Pihak kementerian menyediakan *guidelines for the diagnosis management, prevention, control and of leptospirosis in Malaysia*. Mengadakan kursus dan *leptospirosis surveillance*. Untuk orang ramai Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah pun mengeluarkan pelbagai nasihat, antaranya:

- (i) bila hendak pergi makan, pilih premis yang bersih, kalau boleh pergi ke dapur dan tengok;
- (ii) kerap membasuh tangan dan menggunakan air dan sabun dan menjaga kebersihan persekitaran;
- (iii) menjaga kebersihan persekitaran rumah, premis makanan dan tempat rekreasi agar bebas daripada tikus;
- (iv) elakkan aktiviti riadah di tempat-tempat yang kotor, ada timbunan sampah dan juga ada makanan yang bertaburan;
- (v) elakkan tempat berenang atau bermain air di kawasan air bertakung atau aliran air sungai yang perlahan;
- (vi) elakkan daripada minum air sungai atau air kolam yang tidak dimasak; dan
- (vii) elakkan diri daripada bermain air sewaktu musim banjir. Ini pun boleh membawa kepada penyakit.

#### ■ 1200

Bagi pekerja Tuan Yang di-Pertua, mereka dinasihatkan pakai pakaian perlindungan yang kalis air seperti but getah dan sarung tangan atau pun menutup luka-luka kulit dengan balutan yang kalis air, kemudian mencuci dengan air bersih selepas pendarahan. Kalau kita rasa demam atau tidak sihat bila pergi berenang di tempat-tempat riadah dalam masa dua minggu elok jumpa doktor kerana *incubation period* dia lebih kurang dua minggu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kerana masa tidak mengizinkan, setakat itu sahajalah soalan-soalan lisan yang dapat kita selesaikan pada hari ini.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat.]**

#### USUL

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak seperti dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parliment, memohon ampun mempersebahankan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan

menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas". **[24 Julai 2013]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini kerana hari ini adalah hari terakhir kita membahaskan Titah Yang di-Pertuan Agong dan saya rasa ramai ahli-ahli ingin bercakap. Saya tidak mahu menghamparkan kerana masa itu maklum sahajalah kerana Yang Berhormat semua ingin berucap. Ada separuh itu buat kali pertamanya di Dewan yang mulia ini.

Oleh yang demikian, saya akan beri peluang untuk semua berucap dan sila kemukakan nama-nama yang masih lagi belum menghantar nama untuk senang kalau perlu kita sambung kita punya persidangan hari ini sehingga semua dapat berucap. Sekarang, tanpa membuang masa lagi saya persilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar untuk menyambung ucapan beliau. Sekian, terima kasih.

**12.02 tgh.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan dengan pantun.

*Pucuk melati tinggi menjulang,  
Tinggi lagi puncak Gunung Trusmadi,  
Kuala Besut BN yang menang,  
Tahniah dan syabas kepada pengundi.*

Saya harap pakatan, jangan cari pasal. Sudah kalah, kalahlah. Jangan pula buat demo. Kalah Kuala Besut hendak demo. Kalau gatal sangat, kalau kecil sangat boleh buat petisyen. Saya ulang lagi sekali, kalau hendak, tidak puas hati sangat boleh buat petisyen. Bukan demo.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua, semalam saya bercakap tentang Ketua Pembangkang. Dahulu kononnya hendak jadi hero belia. Langsung dilantik menjadi Menteri Belia. Konon hendak bela orang miskin di Baling, dilantik menjadi Menteri Pertanian. Konon hendak bela pelajar, dilantik jadi Menteri Pelajaran. Konon hendak bela pembangkang, dilantik jadi Ketua Pembangkang. Konon cekap urus wang negara, dilantik jadi Menteri Kewangan. Konon hendak jaga negara, dilantik jadi TPM.

Saya hendak tanya, sepanjang beliau jadi Menteri Kabinet atau jaga kewangan apakah dia maha bijak, maha sempurna, maha tahu, maha berkesan, maha efektif? Nampaknya tidak ada juga. Kecewa, kecundang negara. Menteri Kewangan, mata wang jatuh, merudum. Nasib baik Tun Mahathir ada. Jadi, saya ingat tidak usah tuding kepada BN yang BN tidak boleh itu, tidak boleh ini. Tidak payah tuding jari kepada Najib. Ini, itu, ini salah. Tudng kepada diri sendiri. 'Anwar' tidak boleh jadi hipokrit. 'Anwar' tidak boleh. Bersifat dalam dua muka...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh saya bantu Yang Berhormat jangan sebut nama itu. Ketua Pembangkang boleh.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ketua Pembangkang. Sorry Tuan Yang di-Pertua. Beliau juga mendakwa konon-kononnya PR popular. Saya hendak hujah sedikit. Sebenarnya PR tidak popular. Hujah saya yang pertama, PKR bertanding 99 Kerusi. Menang cuma 30 Kerusi. Kalah 69 Kerusi. DAP bertanding 51 Kerusi. Menang 38 sahaja. Kalah 13 sahaja. PAS bertanding 73 Kerusi. Menang 22 Kerusi. Kalah 52. Jadi, mana yang lebih popular? Tentu PAS, DAP lebih popular daripada PKR, betul! Jadi, saya rasa mendakwa PKR lebih popular itu tidak betul.

Kedua didakwa pembangkang lebih popular dengan meraih undi sebanyak 51 peratus dengan mendapat undi lebih kurang 4.6 juta. Sedangkan BN dapat 4.2 juta. Jadi, pemimpin-pemimpin PR meroyan sebab dia popular tetapi kalah. Dia tidak sedarkan Kerusi kita lebih banyak dari kerusi dia sebab itu kita boleh menang. Contoh lagi, kalau tidak faham lagi buat contoh. Najib dengan Anwar...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong jangan sebut nama.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ketua Pembangkang lawan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Perdana Menteri.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Perdana Menteri badminton. Round yang pertama PM dapat 21 mata. Ketua Pembangkang dapat 19 mata. Round kedua, PM dapat 16.

Ketua Pembangkang dapat 21. Jadi seri. *Rubber set* PM dapat 21 mata. Ketua Pembangkang dapat 19 mata. Campur semua sekali mata PM dapat 59.

Jadi mata Ketua Pembangkang dapat 58. Jadi, yang penting ialah *final* iaitu *rubber set* itu. Bukan mata. Mata betullah Ketua Pembangkang dapat lebih. Akan tetapi dari segi *rubber set* PM menang. Jadi, itulah yang dia tidak faham. Jadi, 58 mata berbanding 59 mata tentu ada beza. Jadi, kita sudah perintah negara ini 55 tahun. Jadi, tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah kita nampak pembangkang ini nafsu besar tetapi kemampuan tidak ada.

#### ■ 1210

Jadi, PAS pun minta BN KO, BN kalah tetapi sebaliknya yang KO ialah bukan kita tetapi dia. Hendak tawan Putrajaya, kecundang, sebaliknya kita tidak tumbang. Keputusan orang semua tahu, BN dapat 133 dan PKR dapat 89. Jadi, saya hendak beri satu pantun.

*Dari Jeli ke Kota Tinggi,  
Jatuh ke paya terkapai-kapai,  
Hajat di hati hendak jadi Perdana Menteri,  
Apakan daya tangan tidak sampai.*

Tepuklah sikit... [Tepuk]

*Kuala Besut BN menang,  
Menang pula menang bergaya,  
BN menang rakyat pun senang,  
Negara maju aman sejahtera.*

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat isu keselamatan negara satu isu yang penting. Pencerobohan di Sabah membuatkan kita menyemak semula apa yang kita ada dan apa yang tidak ada. Parti juga penting. Bagi saya, keselamatan negara mesti diutamakan. Saya lihat alat-alat di Sabah semasa pencerobohan itu tidak cukup sebab itu penceroboh senang datang. Pantai kita di Sabah bukan pantai yang kecil. Ianya seluas 4,675 kilometer panjang. Panjang. Kita hendak pergi ke KK, Sabah bukannya dekat, sepanjang 1,600 kilometer. Di Sabah bukan sekali diceroboh tetapi banyak kali. Pada tahun 1996, Semporna diserang sebanyak dua kali oleh lebih kurang 20 orang asing yang dipercayai daripada Filipina.

Keduanya, pada tahun 2000, Abu Sayyaf telah sampai ke *Sipadan Resort Island*. Sekarang kita tahu diserang pula. Tahniah kepada pasukan keselamatan walaupun polis dan askar kita mati tetapi kita berjaya tumpaskan penceroboh-perceroboh. Kita jangan alpa bahawa mungkin mereka akan datang sekali lagi. Gelombang ancaman tidak berhenti. Gelombang kedua menanti kita. Apa yang saya harap...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh mencelah?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh. Suka mencelah.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Apakah pandangan Yang Berhormat tentang pencerobohan itu dirancang oleh BN?... [Disampuk] Ya, memang ada tuduhan begitu. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bukan dirancang oleh BN. Mungkin dirancang oleh pembangkang. Puas hati?

Jadi, saya syorkan supaya alat-alat kelengkapan tentera ditambah baik, bajet ditambah, pegawai ditambah. Saya lihat alat-alat tentera tidak cukup, contohnya radar. Semasa insiden di Sabah, radar tidak cukup. Terpaksa pinjam dengan pengawal pantai di tempat lain untuk membantu Sabah. Radar itu berguna untuk *detect* musuh dalam jarak 20 *nautical mile* tetapi tidak cukup. Harap beli lagilah.

Keduanya, alat *national automatic identification system*. Guna, cegah, guna, *detect* kawan atau lawan. Alat itu boleh diletakkan dalam kapal, *vessel* dan bot. Kita boleh *interlink* di antara polis, kastam, askar atau apa-apa sahaja, dipanggil NAIS. Akan tetapi setahu saya alat itu masih tidak ada lagi di Malaysia. Jadi, saya harap beli. Alat ini bukan sahaja boleh mencegah musuh tetapi boleh mencegah pendatang asing atau pendatang haram yang banyak masuk ke negara kita melalui laut. Akan tetapi kita tidak ada.

Ketiganya, alat yang bernama *unmanned aerial vehicles* (UAV). Bentuknya seperti sepasang mata. Selepas baling ia terbang macam burung bermata dua. *Target* untuk *high-risk area*. Dapat *detect* ke mana kuasa musuh tetapi kita tidak ada. Jadi, belilah. Jangan takut hendak beli. Bagi kita pencerobohan itu sesuatu yang tidak patut tetapi ada juga rahmatnya untuk kita kaji alat-alat kita yang tidak cukup.

Keempat, alat yang bernama *rotary wing aircraft*. Kecil tetapi ia boleh terbang tanpa pemandu yang ramai. Dua atau tiga orang. Tujuannya untuk mengawal pantai. Dia terbang sendiri.

Kelimanya ialah alat pemintas bot atau *interceptor boat*. Kecil, ringan, cepat, pantas, pun kita ada tetapi tidak cukup. Sebaliknya, lanun-lanun dari Pulau Tawi-Tawi. Nama pulau itu Tawi-Tawi bukan saya gagap tetapi nama dia Tawi-Tawi Tuan Yang di-Pertua.. [Ketawa] Tawi-Tawi? Dia tahu. Kalau tahu cakaplah. Jadi, dia datang ke Sabah dalam masa 20 minit atau 30 minit sudah sampai. Cepat pada *speed boat*. Bot kita, tentera?... Tidak cepat, tidak cekap. Ini kerana kuasa kudanya lambat, *slow*. Macam orang tua *slow* tidak mengapa, tetapi bot tidak boleh *slow*. Ia kena cepat. *Slow* macam-macamlah. Jadi, kita syorkan supaya kerajaan beli alat pemintas bot atau *interceptor* yang cepat, canggih, sofistikated untuk negara Malaysia.

#### ■ 1220

Ketiga alat yang bernama *Forward Looking Infrared (FLIR) advanced optic* yang digunakan masa siang atau malam, kabus atau jerebu, kena beli optik itu. Dia pasang *goggle* ambil alat itu lekat dekat mata macam Amerika *squad attack* Iraq. Tuan Yang di-Pertua, dia pakai alat itu, FLIR. Jadi alat itu tidak ada di Malaysia, jadi kena beli. Alat-alat ini semua untuk pertahanan negara, untuk cegah pendatang asing.

Saya ingat sudah jemu, bukan saya sahaja jemu malah semua Senator jemu sudah bercakap fasal pendatang asing, PATI. Satu juta, naik dua juta, naik tiga juta. Saya dapat bukan satu juta, saya ingat yang dapat dikesan dengan yang tidak dapat dikesan lebih daripada tiga juta. Yang sah sudah tiga juta yang tidak sah ini lagi tiga juta.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya hendak minta mencelah sedikit.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bolehlah.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya begitu tertarik dengan pendatang asing daripada lautlah, daripada payakah. Baru-baru ini Kerajaan Australia di bawah Perdana Menteri baru telah membuat satu polisi tidak boleh siapa datang dia tangkap dia akan hantar ke Papua New Guinea. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat kalau sekarang ini kita dapat tangkapan itu, pendatang asing itu apa yang kita buat sekarang? Apakah cadangan Yang Berhormat kalau ada orang asing yang datang kita tangkap apa sepatutnya kita buat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Hantar ke Pulau Jerjak boleh, Bedong boleh. Hantar ke hutan rimba boleh tetapi yang penting alat kawalan kita kena canggih. Kita punya kelemahan ketara ialah penguatkuasaan, lemah sangat, lemah sangat. Alat-alat yang saya sebut ini tidak cukup, Menteri kena beli. Yang Berhormat Shahidan kena beli, boleh sebut namakan.

Jadi untuk selamat negara pertama alat kena cukup, kena canggih daripada pendatang. Pendatang ini hendak tahu dia juga ada alat yang canggih. Boleh dia kesan polis, kastam, askar. Kita tidak boleh kesan dia sebab itulah sekarang berjuta pendatang asing datang ke mari sebab lemahnya kawalan sempadan, lemahnya alat-alat.

Kedua tidak cukup pegawai...

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat itu ada bangun seorang itu?

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Boleh minta mencelah?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh, boleh.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Apa pandangan Yang Berhormat mengenai barang senjata api semua ini sebab saya rasakan kita menggunakan banyak kewangan untuk membeli peralatan ini tetapi kita tidak tahu jangka hayat peralatan yang kita gunakan sekarang.

Mungkin di dalam Kementerian Pertahanan kita ada alat-alat itu tetapi mungkin sudah terlalu lama macam Yang Berhormat kata tadi enjin lama dia lambat, enjin baru dia laju. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat. Patutkah kementerian beri maklum balas kepada kita berapa peralatan dan berapa lama jangka hayat peralatan itu telah digunakan? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh saya mencelah sekejap.

Ahli-ahli Yang Berhormat semua, izinkan saya menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat bahawa saya ingin memaklumkan bahawa bersama-sama kita pada pagi ini adalah satu delegasi daripada *National Assembly of Vietnam* yang diketuai oleh Tuan Yang Terutama Mr. Huynh Ngoc Son, *Vice-Chairman* daripada *National Assembly of Vietnam* bersama-sama anggota rombongan seramai sepuluh orang... [Tepuk]

Saya bagi pihak Dewan ini mengalu-alukan kedatangan anggota rombongan tersebut dan berharap lawatan ini akan dapat mengeratkan lagi hubungan dua hala yang terjalin antara kedua-dua Parlimen Malaysia dan Vietnam.

Sekarang saya silakan Yang Berhormat teruskan ucapan dan juga untuk menarik sebagaimana saya katakan pada pagi tadi, kerana saya hendak beri peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat berucap dan manfaat, semua boleh berucap kerana hari ini adalah hari terakhir. Kalau sekiranya tidak cukup masa kita sambung pada sebelah malamnya. Untuk makluman, teruskan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya sokong pandangan Yang Berhormat senjata itu penting tetapi alat juga penting. Kalau senjata sahaja ada tetapi alat-alat tidak ada. Contoh macam Vietnam itu, Vietnam dia ada radar, dia ada UAB, dia ada NAIS, dia ada *aircraft*, dia ada bot pemintas tetapi kita tidak ada. Sebab itu pantai Vietnam tidak dimasuki oleh PATI. Pantai Vietnam lagi panjang lagi luas, saya sudah sampai Hanoi, Ho Chi Minh tetapi Vietnam dia boleh kawal sebab dia bukan sahaja ada senjata tetapi alat-alat yang canggih. Kalau delegasi tidak faham minta penterjemah terjemahkan nanti dalam bahasa Vietnam. Jadi kita kena *update*, kena canggih, puas hati Yang Berhormat? *Thank you*.

Bercakap dengan PATI, saya lihat jumlah Pas Lawatan Kerja Sementara yang diberi kepada pekerja asing...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat panjang lagikah?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Panjang lagi. Saya minta cadangkan supaya masa ditambah sampai malam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik, semua malam itu bukannya Yang Berhormat seorang sahaja kerana kita berbahagi-bahagi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, berbahagi-bahagilah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Walau bagaimanapun, saya terpaksa bersikap adil kepada semua kalau saya bagi Yang Berhormat lebih, semua juga kita kena bagi lebih. Okey cuba Yang Berhormat.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya ada masalah sedikit hendak bercakap, *slow...* [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nampak, saya faham, saya faham. Itu sebabnya saya bagi ruang masa sedikit. Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Ada 2.7 juta orang pendatang asing yang sah sekarang mengikut data KDN. Banyak sangat, kilang sahaja 813,129 orang. Saya hendak tanya adakah Malaysia buat undang-undang supaya ada peratus pendatang asing. Setahu saya ada tetapi undang-undang itu tidak dilaksanakan. Kilang-kilang semua pendatang asing, betul. Muak dan menyampah saya sebab anak di buaian ditinggalkan, kera di hutan disusukan, faham. Faham cakaplah.

Pembinaan - 433,313 orang, ladang - 372,632, kediaman - 263,000, pembantu rumah 194,171, pertanian 194,157. Jadi saya syorkan supaya *frontliner* macam hotel tidak payahlah Bangla. Kita pergi Pan Pacific - Bangla, pergi Legend - Bangla, pergi Shangri-La - Bangla campur Pakistan, campur Vietnam, campur Myanmar. Mana-mana hotel lima bintang, enam bintang semua pekerja asing. Jadi *frontliner* tidak boleh pendatang asing, pekerja asing, tetapi masuk juga...

■ 1230

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Mohon mencelah sedikit boleh?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh celah sedikit tidak?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh, boleh, boleh, boleh.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya dahulu.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Siapa dahulu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua orang ini. Mana satu Yang Berhormat bagi?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bagi yang jauh dahulu. Dekat kemudian.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenna dengan PATI tadi ini melibatkan sektor perkhidmatan. Saya hendak tanya Yang Berhormatlahkan. Ini sebab kalau kita tengok dekat sini, betul. Rata-rata sekarang ini kebanyakan pekerja asing ini memang berada di mana-mana sahaja dalam sektor perkhidmatan, pembinaan dan sebagainya. Jadi melibatkan sektor perkhidmatan bila Yang Berhormat berkata tentang mereka ini terlalu ramai sekarang dalam sektor perhotelan dan sebagainya. Saya hendak tanya Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat bersetuju, adakah ini satu diskriminasi yang dilakukan oleh pihak-pihak perhotelan ini sehingga mereka mengambil peluang di atas kebanjiran pendatang asing ini dan mengetepikan rakyat tempatan di dalam mereka menyertai sumber perkhidmatan ini? Adakah perkara ini berlaku ataupun macam mana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Betul, 100 peratus betul. Oleh itu, saya syorkan supaya hotel-hotel itu dia buat garis panduan dan diikuti. Sekarang *free* tidak ada undang-undang, tidak ada peraturan. Negara ini jadi negara Bangladesh, jadi Indonesia, jadi Filipina, jadi Myanmar, malu saya! Kita pergi hotel, cakap Melayu tidak pandai, cakap Orang Putih konon ek sangat. Sepatutnya Bahasa Malaysia. Sudahlah wajah Bangla, sudahlah wajah Myanmar. Jadi kita hendak syorkan supaya hotel-hotel sama sekali tidak boleh diberi pekerja asing. Kalau hendak sangat jadi *housekeeper* bolehlah. Angkat *tray*, angkat talam, *serve* pada Tuan Yang di-Pertua. Bangla buat apa?... Betul? *Serve* kepada kita semua orang asing. Ini Malaysia bukan negara Myanmar, bukan Bangla, Nepal!...

Pengawal keselamatan, semua kondo sekarang, pengawal keselamatannya adalah dari Nepal. Tidak bolehkah diadakan pengawal keselamatan dari Malaysia? Banyak bekas polis, bekas askar bersepah-sepah. Kenapa kena beri pengawal keselamatan Nepal, *security* Nepal? Tidakkah patut digantikan dengan polis Malaysia, askar Malaysia. Tidak begitu, betul?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya tanya?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sebenarnya apa Yang Berhormat kata tadi itu yang saya hendak tanyakan. Adakah kebanjiran tenaga-tenaga pekerja asing itu disebabkan kelalaian, kecuaian atau ketidakpedulian kita melalih orang-orang tempatan, memberi galakan kepada tenaga pekerja tempatan untuk bekerja untuk melaksanakan kerja-kerja yang diberikan kepada pendatang-pendatang asing itu? Mungkin masalah gaji, mungkin masalah sikap tetapi ini adalah perkara-perkara yang saya rasa perlu diatasi. Mungkin orang kata orang kita tidak suka jadi pelayan restoran. Harus ubah sikap. Mungkin tidak suka gaji kurang kerana sudah ada gaji minimum. Oleh kerana itu, saya mengusulkan supaya pelbagai transformasi program transformasi ekonomi, politik dan sebagainya itu mestilah diikut sertakan atau mesti dilengkapi dengan transformasi sikap orang tempatan terhadap profesi-profesi yang memerlukan yang selama ini kita bergantung kepada orang-orang asing.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya setuju. Tidak payah kupas. Setuju 100 peratus. Apa yang hendak saya timbulkan ialah yang kita boleh buat, kena buat. Contoh, pembantu rumah, kita boleh buat. Saya sudah mungkin Tuan Syed Shahir setuju dengan saya. Saya sudah syor banyak kali. Buat sekolah latihan pembantu rumah, buatlah. Ya, ya sahaja. Datang sini, buat lawak sahaja. Ek jadi Menteri konon-konon. Jadi orang besar konon-konon. Ya, kita akan buat, kita akan buat. Sudah sepuluh tahun tetapi tidak buat-buat. Buatlah sekolah latihan pembantu rumah macam Indonesia, macam Filipina, macam Vietnam, macam Kemboja [*Disampuk*] Sudah tidak ada Vietnam. Oh! Okey. Jadi kita tidak buat.

Oleh itu, saya syorkan Kementerian Sumber kena buat. Saya cakap ini praktikal. Buat ya. Sudah buat, baru jadi setahun, lima tahun. Saya suka negara ini bukan tidak ada pekerja asing tetapi hadlah. Jumlah tenaga kerja kita 12.8 juta. Daripada jumlah itu, kita ada pekerja orang asing sah, tiga juta. Tidak sah, dua juta, lima juta. Jadi berapa persen? Sebanyak 45

peratus, paling tinggi dalam dunia, betul? Mana lagi hendak cari satu negara dunia yang 45 peratus orang asing. Baik sungguh sampai jadi bodoh. Keras saya kata tetapi kenyataan.

Ini sebab kalau dibiarkan, semua orang tahu Malaysia ini syurga dunia semua orang hendak ke mari. Kalau buka, buka, habis. Jadi macam Dubai. *You tahu Dubai?* Saya sudah sampai Dubai. Rakyat tempatan hanya 25 peratus. Baki 75 peratus, semua orang asing. Sekarang Dubai merana, hidup merana. Ini sebab negara sendiri dikontrol oleh orang asing. Itulah saya cakap ini, takut jadi Dubai, Doha. Habislah.

Saya hendak bercakap lagi fasal kes ...

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Boleh mencelah tidak sedikit?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Bolehlah, lambat sangat.

**Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman:** Saya memang agak tertariklah fasal isu PATI ini memang jadi isu yang besar. Kita lihat walaupun kita mengadakan operasi-operasi Ops untuk mengurangkan PATI nampaknya masalah ini pendatang lebih ramai datang ke Malaysia. Saya hendak minta pendapat Yang Berhormat, bagaimana juga kesempatan yang kita lihat daripada pendatang asing ini mengambil alih daripada segi meniaga? Dia orang datang sini untuk bekerja akhirnya dia menguasai perniagaan. kita lihat rata-rata di Kuala Lumpur ini khususnya di Chow Kitlah tidak nampak lagilah orang-orang tempatan yang bermula, semuanya dikuasai oleh pendatang asing. Saya juga tertarik melihat kelemahan Kementerian Dalam Negeri daripada segi pemberian IC. Saya dengar cerita RM50 boleh dapat IC biru. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saya setuju 200 peratus... [Ketawa] Ini sebab Chow Kit sudah jadi mini Jakarta. Semua Minang, Jawa, tidak apa. *You tahu di Selayang, semua penuh dengan Vietnam. Vietnam, Vietnam, Myanmar. Air sirih, 'prit' air sireh.* Betul di pasar borong, air sirih 'prit', pekerja Myanmar. Myanmar makan sirih. Pakai kain, makan sirih, pakai *headphone*, canggih. Klang penuh dengan pendatang asing. Mana lagi? Semua tempat, asing. Jadi sedialah. So saya syorkan kepada Kementerian Dalam Negeri kena kuat. Jangan bercakap kuat tetapi kuat kuasa kena kuat.

Saya hendak bercakap lagi dengan kes berlambak. Pertama, mahkamah tidak kiralah Sesyenkah, Tinggikah, kes ini banyak sangat beratur *queue*, beribu-ribu.

#### ■ 1240

Kedua, yang berlambak juga petikan di Mahkamah Perusahaan antara majikan dengan pekerja. Banyak sekali. Beribu-ribu.

Semalam Tuan Syed Shahir timbulkan ini. Saya setuju. Hendaklah diselesaikan dengan cepat. Kalau tidak tunggu dua tahun, tiga tahun, empat tahun. Pertama, banyakkan hakim sama ada Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Perusahaan, itu pertama.

Kedua, kena bagi tempoh had masa yang tertentu. Katakan tiga bulan kena *settle*. Ketiga, banyakkan mahkamah. Ini ada mahkamah, ditutup. Contoh. Mahkamah Perusahaan Tuan Yang di-Pertua di Terengganu. Dahulu tubuh. Bila saya tidak ada dia ditutup balik. Nakal. Jadi saya syorkan supaya Mahkamah Perusahaan ditubuhkan balik. Mahkamah-mahkamah rendah, Mahkamah Seksyen, Mahkamah Tinggi dibanyakkan. Kalau kita pergi mahkamah Jalan Duta macam pasar, *queue*. Itu kes berlambak, kes-kes tertangguh jangan biarkan rakyat menunggu dan menderita. Kena cepat *settle*.

Saya juga hendak merujuk kepada kedudukan Malaysia dalam konteks ekonomi. Saya tersentuh hati bila Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong memuji kepimpinan negara Malaysia. Pujian Baginda ada asas.

Pertama, ekonomi negara berkembang dalam tahap 5 peratus tiap tahun. Tidak pernah fail. Berbanding dengan negara maju lain lebih rendah contohnya kita Malaysia 4.5 peratus suku tahun pertama. Jepun dalam masa suku tahun pertama 0.1 peratus. Saya pergi Jepun dengan Tuan Yang di-Pertua saya tanya orang Jepun saya jumpa Perdana Menteri Jepun, Tuan Yang di-Pertua jumpa juga. Bukan saya sahaja jumpa. Ekonomi Jepun walaupun dia maju 0.1 peratus sahaja. Amerika 2.5 peratus, UK 0 peratus, Korea Selatan 1.6 peratus, Singapore 0 peratus. Jadi kita syukurlah. Kita ingat 4.5 peratus itu rendah tapi jika dibandingkan dengan Amerika, UK, Korea, Jepun kita lebih baik. *We are better than them*, dengan izin.

Saya juga hendak sebut bahawa kita punya kedudukan eksport kita memberangsangkan. Berkembang dengan baik. Juga ada orang kata Malaysia tidak baik sebab hutang negara tinggi, betul. Hutang negara tinggi 53.6 peratus. Jangan bimbang. Ada negara

lain yang hutangnya lebih tinggi daripada Malaysia. Banyak negara lebih tinggi daripada Malaysia. Contoh *Singapore* 107 peratus, UK 90.4 peratus, Amerika 72.5 peratus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat go point-by-point Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Okey, saya akur. Jadi negara ini tidak muflis sebagaimana dakwaan pembangkang akan muflis, akan muflis. Tidak.

Kalau Amerika, kalau Singapura, kalau UK hutangnya lebih banyak daripada Malaysia tidak muflis, maka Malaysia juga akan tidak muflis.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh celah?

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cukup mencelah itu kerana masa. Saya hendak Yang Berhormat teruskan. Mencelah itu cukup setakat ini. Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Jadi saya hendak sebut sebagai kesimpulannya ialah negara Malaysia negara maju keempat belas paling kompetitif daya saing di dunia dan juga negara yang keempat selepas Hong Kong, Singapura dan Taiwan di Asia Pasifik kedudukan ekonominya.

Jadi saya sukalah menyatakan bahawa negara ini negara yang bertuah, berdaulat, kepimpinannya yang baik. Jadi saya harap pembangkang jangan cari pasal heret rakyat demo, buat perhimpunan haram, anak haram, buat yang tidak baik sebab negara ini negara maju, negara ada potensi, negara yang kedua aman di Asia, kesembilan belas di dunia. Jadi kita patut bersyukur dengan apa yang ada. Jangan sesekali kufur nikmat, jangan sesekali tidak berterima kasih. Allah kata kalau kita berterima kasih kepada nikmat yang kita dapat nescaya Allah tambahkan lagi nikmat itu.

Jadi saya faham masa sudah cukup. Jadi saya syorkan supaya kita bersyukur dan terima kasih. Saya menjunjung kasih kepada Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong agar negara ini terus selamat, aman dan maju jaya. Saya menyokong Titah Ucapan Diraja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah.

#### 12.48 tgh.

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta memberi ucapan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah yang telah sudi berangkat menyampaikan Titah di istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas pada 25 Jun 2013 yang lalu.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua di atas pelantikan semula sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Saya juga ingin melafazkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengemudi Barisan Nasional kepada kejayaan yang cemerlang dalam PRU Ke-13. Jelas rakyat telah bijak memilih sebuah Kerajaan Barisan Nasional yang stabil, progresif dengan rekod kecemerlangan lebih daripada 50 tahun. Saya hanya ingin menyeru kepada semua pihak supaya menerima dengan hati terbuka keputusan yang telah dibuat oleh pengundi dan meneruskan kerja-kerja kita tanpa gangguan supaya rakyat akan mendapat sepenuh manfaat daripada kerajaan yang ada.

#### ■ 1250

Kita harus lebih berfikir tentang kestabilan negara dan bukan kepentingan mana-mana pihak. Rakyat telah memilih Barisan Nasional kerana Barisan Nasional dapat memberi kestabilan dan menjamin masa depan yang lebih cemerlang. Tahniah dan terima kasih kepada pengundi-pengundi kerana bijak memilih.

Saya juga ingin melafazkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana sekali lagi semalam dengan izin Allah SWT, telah berjaya menang dengan cemerlang di Pilihan Raya Kecil Kuala Besut dengan majoriti yang lebih tinggi daripada Pilihan

Raya Umum Ke-13. Satu hadiah yang begitu istimewa dan manis bagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di hari jadi beliau.

Prestasi yang begitu cemerlang Barisan Nasional 8,288 manakala PAS hanya 5,696 jelas mencerminkan bahawa rakyat begitu yakin dengan kemampuan dan kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Walaupun pelbagai tohmahan dan fitnah telah dilemparkan kepada Barisan Nasional dan pemimpin-pemimpinnya dalam kempen-kempen mereka, tetapi rakyat tidak mudah diperdaya.

Mereka dapat melihat keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional dalam mempertingkatkan kualiti hidup rakyat dan menentukan bahawa Malaysia akan terus maju, rakyat akan terus dibela. Keamanan, kemakmuran, perpaduan, keselesaan dan kesejahteraan rakyat sentiasa diutamakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Dengan izin, "*I am for you*" (IM4U) itulah slogan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kepada rakyat, memperhambakan diri demi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Baginda menyentuh mengenai pertumbuhan ekonomi negara yang progresif sejak beberapa dekad yang lalu yang telah merubah Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi. Kini sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi dengan mengutamakan kesejahteraan rakyat.

Memang tidak dapat kita nafikan sejak mengambil alih teraju kepimpinan Kerajaan Pusat pada tahun 2009, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah merancang dan melaksanakan pelbagai program transformasi dengan hala tuju untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Natijah kepada segala usaha kerajaan ini adalah bahawa ianya akan membawa kepada peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan dan kemakmuran negara.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika mula-mula mengambil alih tampuk pemerintahan negara lebih empat tahun yang lalu telah menekankan bahawa era kerajaan mengetahui yang terbaik, *government knows best*, dengan izin, telah berakhir. Maka kita dapat kerajaan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah membina dan membuka platform perbincangan yang lebih luas dan terangkum dengan izin, *inclusive* yang melibatkan pelbagai pihak termasuklah ahli-ahli akademik, parti-parti politik, NGO's dan individu-individu yang berpengalaman dan berpengetahuan serta membawa beberapa teknokrat dari sektor swasta ke dalam Jemaah Menteri untuk sama-sama membantu kerajaan merancang dan melaksanakan program-program pembangunan ekonomi negara demi kesejahteraan rakyat untuk jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita bersyukur dan berbangga dengan pertumbuhan ekonomi negara yang baik terutamanya dalam persekitaran ekonomi global yang mencabar. Tidak dapat kita nafikan bahawa terdapat keluhan rakyat yang semakin meningkat mengenai kesempitan hidup kesan daripada kos sara hidup yang tinggi pada masa ini, terutamanya di kawasan-kawasan bandar. Kita sedia maklum bahawa pembangunan yang pesat di negara kita dengan bilangan projek-projek mega yang banyak, tidak semestinya membawa kepada peningkatan kualiti hidup rakyat.

Kita harus melihat apakah kesannya kepada kualiti hidup rakyat. Dalam istilah ekonominya kita harus dari semasa ke semasa mengkaji dengan izin, *the trickle-down effect* atau kesan aliran ke bawah program-program dan projek-projek mega yang dilaksanakan oleh kerajaan kepada kesejahteraan rakyat.

Saya terus mendengar rintihan dari rakyat terutamanya di negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan yang terus menghadapi pelbagai kesulitan dalam mengharungi hidup sehari-hari kerana kos sara hidup yang terus menerus meningkat. Maka antara persoalan-persoalan yang perlu kita beri perhatian adalah pertama, apakah manfaat projek-projek terutamanya projek-projek mega yang telah diumumkan oleh kerajaan kepada rakyat, terutamanya terhadap golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah.

Keduanya, siapakah yang sebenarnya mendapat manfaat terbesar dari projek-projek mega yang dilaksanakan oleh kerajaan. Ketiga, bagaimakah kita boleh memastikan bahawa projek-projek ini membawa kesan secara langsung kepada peningkatan kualiti hidup rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah yang terus menerus menghadapi kesempitan hidup. Saya memohon penjelasan kerajaan mengenai usaha-usaha dan strategi terkini kerajaan dalam mengurangkan kesempitan dan kesulitan hidup rakyat secara menyeluruh terutamanya di kawasan-kawasan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu isu yang memerlukan perhatian khusus dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat adalah isu pengangkutan awam. Kita sedia maklum bahawa di Wilayah Persekutuan dan Selangor, Kerajaan Persekutuan sedang melaksanakan pembinaan projek MRT dari Sungai Buloh ke Kajang yang dianggarkan menelan belanja sebanyak RM36.6 bilion.

Ini merupakan projek mega yang paling tinggi kos pembinaannya dalam sejarah negara kita setakat ini dan dijangka akan siap sepenuhnya menjelang tahun 2020.

Ia diharap dapat memberi khidmat pengangkutan yang lebih baik kepada enam juta penduduk *Greater KL*, dengan izin, pada masa ini yang dijangka akan meningkat kepada sepuluh juta penduduk menjelang pada tahun 2020.

Sistem pengangkutan awam sekiranya dirancang dan dilaksanakan dengan baik akan memberi kesan secara langsung kepada rakyat dan meningkatkan sebahagian daripada kualiti hidup sehari-hari. Akan tetapi sungguh pun kerajaan berusaha untuk mempertingkatkan keberkesanan sistem pengangkutan awam, kita harus menerima hakikat bahawa tahap kualiti sistem pengangkutan awam di negara ini masih ketinggalan jika dibandingkan dengan negara-negara maju seperti Jepun, Australia dan United Kingdom.

Dengan sistem pengangkutan awam yang masih banyak memerlukan penambahbaikan, rakyat terutamanya di kawasan-kawasan bandar terpaksa bergantung kepada pemilikan kenderaan-kenderaan persendirian untuk menjalankan rutin harian. Ini telah membawa kepada kesesakan jalan raya bukan sahaja di kawasan-kawasan bandar tetapi juga di semua lebuh raya-lebuh raya seluruh negara terutamanya ketika musim-musim perayaan.

Peningkatan penggunaan kenderaan-kenderaan persendirian telah membawa kesan yang pelbagai. Kemalangan semakin meningkat. Kos dari segi kemalangan jiwa dan kecederaan juga meningkat. Jalan-jalan raya memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi dan kos sara hidup juga meningkat kerana rakyat terpaksa membayar ansuran bulanan untuk pemilikan kenderaan persendirian.

Pemilikan kenderaan persendirian bukan lagi dianggap satu keperluan semata-mata tetapi seakan-akan satu kemestian yang tidak boleh dielakkan. Sekiranya kita mempunyai sistem pengangkutan awam yang baik dan berkualiti bukan di kawasan-kawasan bandar sahaja tetapi di seluruh negara, saya percaya kualiti hidup rakyat akan dapat dipertingkatkan.

Oleh yang demikian saya berharap Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan dapat melaksanakan peranan dengan sebaik-baiknya kerana ia berkaitan secara langsung dengan kualiti hidup rakyat. Mungkin Dewan yang mulia ini, boleh diberitahu mengenai strategi jangka panjang yang dijalankan oleh SPAD untuk mempertingkatkan kualiti sistem pengangkutan awam di negara ini dan jangka masa di mana kita boleh melihat kesannya kepada rakyat secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan teknokrat-teknokrat dari sektor swasta seperti Dato' Sri Idris Jala, Tan Sri Amirsham dan yang terbaru Datuk Seri Abdul Wahid Omar telah memberi pendekatan baru tentang bagaimana kerajaan merancang, melaksana dan memantau keberkesanan program-program pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Kita maklum akan konsep makmal yang telah diwujudkan ketika Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala ketika mula-mula menyertai Jemaah Menteri beberapa tahun lalu untuk menangani isu-isu tertentu.

Di suatu masa dahulu Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala juga telah memberi penerangan lanjut mengenai program-program makmal tersebut kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Sukacitalah saya sekiranya kalau kerajaan dapat memberi maklumat-maklumat terkini mengenai perkembangan program-program ini dan bagaimana ia telah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat kerana masa telah menunjukkan tepat jam 1 tengah hari, kita tangguhkan persidangan kita buat seketika dan kita sambung semula jam 2.30 petang.

Di samping itu sukacita saya memaklumkan semua Ahli Yang Berhormat sekarang saya dapat menerima sejumlah sembilan orang lagi ingin berucap. Mereka ialah Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar, Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad, Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah. Seterusnya Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Dato' Maznah binti Mazlan, Yang Berhormat Tuan Lihan Jok dan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

Saya ingin maklumkan bahawa kita akan beri peluang Yang Berhormat berucap. Kalau sekiranya lebih pada jam 5.30 petang, kita akan teruskan sehingga jam 7 petang. Selepas itu buka puasa dan kita sembahyang Maghrib. Lepas itu sambung semula jam 8.30 malam. Kita hendak beri peluang kepada Yang Berhormat berucap. Kalau sekiranya ini dapat kerjasama, *insya-Allah* kita akan dapat memanfaatkan majlis kita. Tujuan saya ialah hendak beri peluang supaya Yang Berhormat dapat berucap. Kalau sekiranya ada lagi sesiapa yang masih belum hantar nama, sila kemukakan. Saya fikir Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus tidak ada. Sudah hantar atau belum?

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Ya, sudah hantar sudah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, saya masukkan sekarang. So, tambah lagi satu maknanya, ada lagi. Sesiapa lagi hendak berucap? Yang di kalangan Yang Berhormat pembangkang? Kalau sekiranya tidak ada setakat itu sahaja yang saya dapatkan. Bagi prioriti itu mengikut budi bicara kita. Sekian. Kita tangguhkan Mesyuarat. Kita sambung pula pada jam 2.30 petang nanti.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang.]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]*

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat.]*

### 2.31 ptg.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baiklah, sebelum kita meneruskan sesi perbahasan kita pada tengah hari ini saya ingin menjemput seorang Menteri untuk mengemukakan satu usul. Silakan Yang Berhormat.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

### 2.32 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bawaha mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga setelah selesai perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 29 Julai 2013.”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy]:** Tuan yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah untuk menyambung perbahasan.

### 2.33 ptg.

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tadi sedang menyentuh tentang makmal NKRA dan ingin menyambung. Saya meminta kerajaan memberi maklumat-maklumat terkini mengenai perkembangan program-program ini.

Bagaimana ia telah meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat terutamanya usaha-usaha memerangi rasuah dan juga usaha-usaha untuk mengurangkan kadar jenayah di negara ini.

Saya juga berhasrat untuk bertanya bagaimanakah kerajaan melihat kepada peranan yang dimainkan oleh sektor swasta dalam menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat? Berapakah nilai dari segi peratusan pembayaran cukai korporat kepada jumlah keseluruhan pendapatan cukai kerajaan pada masa ini? Dalam pembangunan negara secara keseluruhan, sektor swasta memainkan peranan yang penting untuk bersama-sama dengan kerajaan dan sektor awam untuk memacu pertubuhan ekonomi negara.

Akan tetapi seperti apa yang saya tekankan pada awal tadi, peranan yang dimainkan oleh sektor awam juga haruslah menjurus kepada peningkatan kualiti hidup rakyat dan bukanlah menjadi penyebab kepada peningkatan kos sara hidup yang tinggi.

Dalam sistem ekonomi kapitalis yang dominan di dunia pada masa ini, kita harus mencari jalan penyelesaian kepada isu-isu yang sering dikaitkan dengan sistem kapitalis iaitu peningkatan dan pelebaran jurang antara golongan kapitalis yang kaya dan berpendapatan tinggi dengan golongan pekerja yang berpendapatan rendah dan sederhana rendah. Membiarkan keadaan ini berlarutan akan membawa akibat yang buruk kepada mana-mana negara di dunia ini. Ini adalah kerana rakyat yang terhimpit oleh kesempitan hidup, lambat laun akan membangkit satu sistem yang lebih adil, yang memberi agihankekayaan dengan lebih baik. Maka telah menjadi tanggungjawab kerajaan yang dipilih oleh rakyat untuk memastikan bahawa kesejahteraan hidup rakyat secara keseluruhan adalah adil dan terbela.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan Dasar Komoditi Negara (DKN) menggariskan langkah strategik dalam memperkuatkannya daya saing industri komoditi yang akan meningkatkan pendapatan eksport komoditi negara kepada kira-kira RM242.5 bilion menjelang 2020. Saya difahamkan bahawa pelaksanaan strategi dalam DKN juga di sasar untuk menguatkan lagi sumbangan sektor komoditi negara kepada Keluaran Dalam Negara Kasar, yang mana dalam tempoh 2011 hingga 2020 sektor huluan dijangka tumbuh 2.7 peratus kepada RM29 bilion pada tahun 2020. Menurut Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, ini akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan baru dan memberi kesan berganda kepada pelbagai sektor ekonomi serta meningkatkan pendapatan isi rumah.

Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kementerian, berapakah bilangan dan peratusan pekerja-pekerja tempatan jika dibanding dengan bilangan dan peratusan pekerja-pekerja asing di sektor ini pada ketika ini? Siapakah sebenarnya yang akan mendapat manfaat terbesar dalam penciptaan peluang pekerjaan baru dan kesan berganda ini? Apakah dasar kerajaan dalam pengisian pekerjaan dalam sektor perladangan dan komoditi yang dianggap sebagai sektor 3D iaitu pekerjaan yang kotor, yang merbahaya dan sukar ataupun dengan izin, *dirty, dangerous and difficult*.

Saya sebenarnya menyambut baik pelaksanaan Dasar Komoditi Negara ini kerana ia memberi hala tuju kepada peningkatan pendapatan eksport komoditi negara. Akan tetapi kekhawatiran saya adalah kepada keutamaan yang terlalu besar diberi kepada syarikat-syarikat gergasi yang terlibat dalam perusahaan perladangan dan komoditi ini. Bagaimanakah dengan nasib pekebum-pekebum kecil? Di manakah tempat mereka dalam perancangan kementerian, dalam memperkuatkannya daya saing industri komoditi negara. Saya memohon penjelasan lebih lanjut mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan sesuatu isu yang dekat pada hati saya iaitu isu kebersihan negara. Saya merasa agak sedih apabila melihat bahawa tahap kebersihan di negara kita masih lagi berada pada tahap yang amat kurang memuaskan. Di merata tempat di negara kita sama ada di pasar-pasar, di jalan raya, di kawasan perumahan, bangunan-bangunan, premis-premis makanan, tandas dan lain-lainnya, persekitaran yang tidak bersih seolah-olah menjadi sinonim dengan cara hidup kita. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, *“Kebersihan adalah sebahagian dari iman”*. Dengan kata lain, keimanan seseorang akan menjadi lengkap kalau dia dapat menjaga kebersihan. Orang yang tidak menjaga kebersihan bererti keimanannya masih belum sempurna. Secara tidak langsung hadis ini menegaskan bahawa kebersihan bagi umat Islam merupakan sesuatu yang sangat penting untuk diterapkan.

Oleh yang demikian, bagi sesebuah negara yang mempunyai majoriti penduduk beragama Islam adalah tidak wajar jika kita tidak mengambil berat tentang isu kebersihan. Hari ini umpamanya, Menteri Kesihatan telah memaklumkan bahawa 85 buah kantin sekolah telah diarah ditutup dari Januari hingga Mei tahun ini kerana tahap kebersihan yang tidak memuaskan.

Bayangkanlah, berapa ribu murid-murid sekolah yang telah menjadi mangsa kepada pengusaha kantin yang pengotor ini.

Mungkin kita memerlukan penguatkuasaan yang lebih ketat dalam aspek kebersihan, mungkin kita perlukan pendekatan yang lebih radikal dalam menangani isu kebersihan. Mungkin kita perlu berbelanja lebih untuk memastikan tahap kebersihan optimum. Akan tetapi saya percaya tindakan yang lebih berkesan dan lestari adalah dengan membina budaya Malaysia.

#### ■ 1440

Saya ulang ya, membina budaya Malaysia yang mementingkan dan mengutamakan kebersihan sebagai satu cara hidup. Kita seharusnya merasa malu sekiranya kita dilihat tidak bersih. Malu, sekiranya persekitaran kita tidak bersih. Malu sekiranya mengamalkan perbuatan yang menyebabkan kekotoran kepada persekitaran kita. Ini adalah budaya yang perlu kita hidupkan dan amalkan. Akan tetapi bagaimanakah kita hendak melaksanakannya? Saya berharap isu kebersihan ini akan terus diperbincangkan di Dewan yang mulia ini dan terus mendapat liputan media agar sedikit demi sedikit masyarakat kita akan belajar untuk memperbaiki kualiti hidup mereka. Kerajaan mesti merangka satu pelan tindakan, undang-undang yang ketat, PBT-PBT serta mengadakan kempen kebersihan negara secara besar-besaran. Untuk memberikan kesedaran kepada rakyat, untuk mengamalkan kebersihan sebagai cara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, asas kepada pemerintahan kepada sesebuah negara seharusnya adalah untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat sebagai matlamat utama. Ini melibatkan hal-hal kebajikan, keselamatan, pendidikan, kesihatan dan banyak lagi. Bantuan Rakyat 1Malaysia atau lebih dikenali sebagai BR1M telah dapat mengurangkan sedikit sebanyak beban kos sara hidup rakyat. Akan tetapi kita semua sedia maklum bahawa ini bukanlah kaedah yang lestari kerana ia tidak mewujudkan penjanaan pendapatan secara berterusan. Apa yang diharapkan adalah kesan pengganda atau *multipayer effects*, dengan izin, terhadap ekonomi tersebut hasil dari penambahan pendapatan sejumlah individu tertentu. Kita difahamkan bahawa kerajaan akan terus memberi BR1M kepada golongan yang memerlukan pada masa-masa akan datang.

Oleh yang demikian saya ingin mendapat penjelasan mengenai dasar kerajaan dalam pemberian bantuan tunai secara demikian. Adakah ia akan menjadi suatu dasar tetap kerajaan ataupun ini adalah bantuan sementara untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat pada masa ini? Saya memberitahu hal ini kerana saya difahamkan bahawa terdapatnya individu-individu tertentu yang layak tetapi tidak mendapat bantuan ini. Akan tetapi terdapat juga keluarga-keluarga yang mendapat lebih daripada satu pemberian BR1M. Adakah kerajaan sedar tentang perkara ini dan bagaimanakah kerajaan akan memperbaiki sistem penyampaian BR1M pada masa-masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada di dalam Titah Ucapannya ada menyuarakan keyakinannya terhadap potensi wanita di negara ini dan menyeru agar wanita-wanita Malaysia terus diperkasakan dan dimajukan selaras dengan matlamat negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Terdapat banyak dasar yang telah diwujudkan untuk memperkasakan wanita di negara ini. Selaras dengan matlamat kita menuju negara maju. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada kerajaan.

Dalam konteks ini pada hari ini, saya ingin merujuk kepada dasar sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat membuat keputusan dalam sektor korporat. Dilaporkan bahawa dalam syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Kini terdapat seramai 106 wanita dalam 68 syarikat Menteri Kewangan diperbadankan. Pencapaian ini merupakan 15 peratus daripada jumlah keseluruhan ahli lembaga pengarah.

Soalan saya, kenapakah masih belum mencapai matlamat 30 peratus walaupun kita telah melaksanakan dasar ini sejak sekian lama lebih daripada sembilan tahun dan kita kini terkebelakang jika dibandingkan dengan negara-negara jiran seperti Filipina, Indonesia, Singapura dan lain-lain? Sejauh manakah kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan serta sektor swasta dalam hal ini? Saya mencadangkan agar Kementerian mengadakan satu mekanisme yang lebih tegas bagi memastikan negara kita mencapai matlamat 30 peratus wanita terlibat dalam sektor korporat ini secepat mungkin. Mungkin dengan cara menggubal undang-undang bagi memastikan pihak terlibat melaksanakan dasar-dasar ini dengan lebih berkesan dan efektif.

Dilaporkan juga bahawa Program Pengarah Wanita yang diwujudkan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga melibatkan kursus ke atas kemahiran teknikal dan kemahiran *soft skill* dan dilaporkan sejumlah 406 orang telah pun menjalani Program Pengarah Wanita bersedia untuk ditawarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyakkah Yang Berhormat? Yang Berhormat, masih banyak lagikah?

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Ya, tadi saya dapat sedikit sangat. Saya baru start terus habis masa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat sudah diberi sebelas minit Yang Berhormat, sebelah pagi.

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Saya masih ada sedikit lagi ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lima minit, ya.

**Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah:** Okey. Daripada jumlah ini saya difahamkan sedikit sangat. Malu hendak sebut angka pun. Memang sedikit sangat dan saya mempersoalkan apakah masih wujud diskriminasi terhadap wanita dalam hal ini? Ini kerana polisi ini sudah hampir tiga tahun. Saya percaya mereka yang dilatih tersebut amat layak dan bermerit kerana pastinya mereka telah dipilih dengan teliti. Jadi, adakah program tersebut dianggapkan gagal? Kita perlu mengambil tindakan yang lebih tegas melalui *affirmative approach*, dengan izin, menyediakan kuota untuk pengarah wanita di syarikat-syarikat tersenarai awam agar arahan dan peraturan yang disediakan dipatuhi. Kerajaan juga diminta untuk membuka ruang kepada wanita yang terlatih ini dengan menyediakan modal berbentuk geran kepada mereka untuk memulakan perniagaan dan membuka peluang kepada mereka untuk terus maju.

Dalam hal ini saya ingin mengambil kesempatan untuk mencadangkan agar kerajaan memberi peluang kepada syarikat-syarikat usahawan wanita dan kontraktor-kontraktor wanita dalam projek-projek besar terutamanya pembangunan Wilayah ECER, NCR, Wilayah Iskandar dan lain-lain. Dengan sokongan kerajaan dalam hal ini dapat membantu wanita dalam penglibatan ekonomi negara dan seterusnya menyumbang kepada ekonomi dan pembangunan negara.

Akhir sekali, saya ingin bertanya, sama ada kerajaan adakah cadangan untuk menyediakan Skim Insurans Perubatan untuk rakyat. Seperti mana yang kita sedia maklum, kos rawatan kesihatan makin meningkat naik. Rawatan di klinik atau hospital kerajaan agak terhad. Maka sebagai sebuah kerajaan yang mendahuluikan rakyat dalam konsep Rakyat Didahuluikan, Pencapaian Diutamakan, maka antara penyelesaian dalam hal ini adalah menyediakan insurans untuk rakyat untuk mendapatkan rawatan yang lebih baik dan berkesan.

Saya difahamkan hal ini pernah diutarakan dan bila ditanya di dalam Dewan yang mulia ini, kementerian akan menyatakan ianya masih di peringkat kajian. Jadi sampai bilakah lagi kerajaan akan dilaksanakan? Kos kehidupan terutamanya kesihatan makin meningkat dan penyakit juga makin bertambah. Justeru kerajaan wajar mempercepatkan kajian Skim Insurans Kesihatan untuk rakyat ini dengan segera agar rakyat merasa lebih lega dan selesa. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Seterusnya saya ingin mempersilakan Tuan Baharudin bin Abu Bakar. Tuan Baharudin, tidak ada dlm Dewan? Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh... [Berucap dalam bahasa Arab] dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya terlebih dahulu Menjunjung Kasih di atas Titah Pembukaan Dewan, Penggal Ketiga Belas, oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Ibni Almarhum Muadzam Shah yang mana kebetulan Seri Paduka Baginda juga ialah Sultan daripada Kedah dan Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan yang *insya-Allah* dapat memberi kesan dan pengajaran kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada lebih kurang tujuh tajuk yang akan dibahaskan dan harap-harap boleh sampai yang ketujuhlah. Selalunya tidak pernah boleh sampai. Pertama sekali saya ingin menyentuh tentang saranan Seri Paduka Baginda mengenai dengan peranan Ahli Parlimen dalam paragraf empat yang disebut dalam Titah Ucapan tersebut. Mungkin kita boleh meletakkan berbagai-bagai persepsi bagaimanakah peranan dan tanggungjawab Ahli Parlimen yang dikehendaki oleh Seri Paduka Baginda.

**■ 1450**

Sama ada dia adalah merupakan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara. Sama ada dia merupakan daripada parti kerajaan ataupun parti pembangkang. Saya bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua di dalam sesi dialog bersama, supaya di dalam Dewan Negara ini tidak dijadikan tempat untuk terlalu banyak *politikizing*. Di mana biarlah Dewan Negara ini kita jadikan sebagai medan untuk kita bersama-sama memberikan pandangan, memberi kritikan yang membina supaya pentadbiran kerajaan yang ada pada masa ini kita dapat tegur dan berjalan lancar di mana manfaatnya akan diterima oleh rakyat secara langsung.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong apabila ada sidang DUN, contohnya di Kedah, di mana di Wisma Darul Aman di Kedah ini ada pejabat Baginda dan dipasang peralatan *PA system* supaya Baginda boleh mendengar persidangan yang berjalan dalam Dewan Undangan Negeri Kedah. Terutamanya semasa perbahasan belanjawan, di mana Baginda mendengar sendiri perbahasan dilakukan oleh Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri itu. Oleh sebab itu berlaku sejarah di Kedah, walaupun dia daripada ADUN parti pembangkang, Allahyarham Datuk Sudin Wahab diberikan Anugerah Datuk. Walaupun dia daripada parti pembangkang ketika itu dan merupakan satu sejarah. Ini adalah kerana saya mengagaknya, barangkali hasil perbahasan dalam Dewan yang membina, yang memberikan teguran secara ikhlas terhadap pentadbiran kerajaan walaupun dia daripada parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, kita seharusnya mengambil apa juga langkah untuk memperkasakan Dewan Negara. Di mana Dewan Negara adalah merupakan satu tempat yang paling tinggi, *Upper House* untuk melakukan penapisan apa sahaja yang datang daripada bawah. Apa yang akhirnya daripada Dewan Rakyat sampai kepada Dewan Negara dibincangkan, dibahaskan, sesuatu RUU, sesebuah bajet dan apa juga yang akan dilaksanakan oleh kerajaan di bawah, dibincangkan di sini. Hasilnya, apabila diluluskan di sini, dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan akhirnya ditandatangani dan diluluskan serta dilaksanakan.

Jadi, di dalam hal ini, barangkali ada terdapat di Dewan Rakyat itu ada benda yang terpaksa disekat di sini. Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh di dalam sidang yang lepas. Dalam Rang Undang-undang Hakmilik Strata kalau tidak silap saya, mengenai dengan pengurusan perumahan. Selepas projek itu siap dan sebagainya. Di mana ketika itu Yang Berhormat Datuk Abdul Rahim dan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain berbahas amat tidak bersetuju. Di mana syarikat perumahan itu dia juga boleh menjadi pengurus harta ataupun menjaga perumahan yang siap itu di mana semuanya dimonopoli oleh beliau. Akan tetapi akhirnya terpaksa diluluskan juga kerana barangkali ada arahan-arahan tertentu.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Minta mencelah sedikit.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Amboi, tak dan lah. Sila.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Sebab saya rasa Yang Berhormat bercakap atas dasar tanpa mempunyai fakta-fakta yang mengatakan itu adalah satu arahan. Maka, kami ini Ahli-ahli Dewan yang bersetuju supaya rang undang-undang itu diluluskan menerima arahan. Akan tetapi saya rasa itu tidak sesualah untuk disebut kerana saya rasa itu bukan satu arahan, itu adalah daripada permuafakatan kami berbahas. Jadi, kalau dikatakan ada arahan, saya minta kalau boleh berikan dengan fakta sekali sebab ini agak terlalu *general* perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih. Saya sebut arahan ke? Saya kata barangkali ada arahan... [Ketawa] Barangkali itu bermakna satu benda itu yang saja itu adik saya itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal memperkasakan Dewan Negara saya ingin merujuk Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 45(4) (a), (b) dan (c), iaitu di mana di dalam Perkara 45(4), Parlimen boleh dengan undang-undang.

Perkara 45(4)(a) menambah bilangan Ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu negeri hingga tiga orang. Ini sudah ada di dalam Perlembagaan kita.

Perkara 45(4)(b) membuat peruntukan supaya Ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu negeri dipilih dengan undi terus oleh pemilih-pemilih negeri itu.

Perkara 45(4)(c) mengurangkan bilangan Ahli-ahli yang dilantik atau menghapuskan Ahli-ahli yang dilantik.

Ini jelas disebut di dalam Perlembagaan dengan syarat rujuk kepada Perkara 45(4), Parlimen boleh dengan undang-undang. Ini saya tidak faham, maksudnya kena bawa satu rang undang-undang supaya perkara ini dilaksanakan.

Ini di antara barangkali orang yang buat perlembagaan dahulu ini faham, telah sampai barangkali masanya perkara ini dilaksanakan. Cadangan saya kepada pihak kerajaan, Yang Berhormat Menteri berkenaan pun ada, supaya perkara ini diambil pertimbangan. Kehendak perlembagaan ini perlu atau tidak perlu dengan kehendak undang-undang supaya ia dapat dilaksanakan bagi tujuan untuk memperkasakan Dewan Negara, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus terang bahawa amat berkecil hati. Ini tahun kelima saya di dalam Dewan yang mulia ini. Di mana sahabat-sahabat daripada parti kerajaan ada peruntukan tetapi kami lapan orang ini tidak ada. Jadi, saya sudah penggal kedua, kalau kira sudah RM400,000. Saya tidak tahu. Sebab saya suka memperingatkan diri saya. Kita ini, hebat mana kita, besar mana kita, banyak mana gaji kita, tinggi pangkat mana tetapi bagi orang Islam, dia sedar bahawa tempat dia enam kaki bawah tanah. Dalam kubur disoal Mungkar dan Nakir, berhadapan dengan di Padang Mahsyar, depan Kadi Rabbuljalil. Di situ boleh tuntut siapa yang pernah kena zalim. Barangkali saya akan menuntut RM400,000 yang saya tidak dapat... [Ketawa] Yang patut...

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Itu kena masuk Barisan Nasional dahulu.

**Dato' Haji Muhammad Yusof bin Husin:** Kalau masuk Barisan Nasional, saya tidak ada di sini sahabat... [Ketawa] Perkara kedua yang disentuh oleh Seri Paduka Baginda ialah mengenai dengan pilihan raya. Banyak dibahaskan oleh sahabat-sahabat yang lalu. Baginda menyeru agar keputusan pilihan raya ini diterima dengan hati yang terbuka. Kita terima. Saya Pengarah Pilihan Raya PAS Kedah, lagi terima... [Tepuk] Kita bahas dalam Dewan yang mulia ini, di dalam ucapan bajet dahulu, saya sudah menyebutkan bahawa dalam politik ini macam-macam boleh berlaku. Kita terima keputusan itu tetapi apa yang kita tidak terima, bagi saya sendiri ialah tentang kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki.

Contohnya, dakwat yang didakwa kekal, tidak kekal. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam parti kerajaan pun ada menyebutnya. Ini perlu diberikan perhatian. Apakah masalahnya? Contohnya di Kedah, pegawai saya dapat mengesan lebih kurang 2,000 lebih nama yang bertindan. Kad pengenalan hanya beza satu nombor sahaja. Nama yang sama tetapi tempat mengundi tidak sama. Di mana orang ini dia boleh pergi mengundi di kedua-dua tempat mengundi tersebut hanya dengan mengisi Borang 11. Ini bermakna mengaku bahawa kad pengenalan itu, nama itu adalah dirinya. Katalah satu dia mengundi di DUN 'A', yang kedua dia mengundi di DUN 'B'.

#### ■ 1500

Akan tetapi, kalau dakwat yang kekal tadi tercemar, mana ruang 2,000 orang yang dikesan ini. Saya boleh bagi senarai itu. Ada. Dia boleh mengundi dua kali sebab dakwat itu sudah tidak jadi kekal. Ini kelemahan yang perlu diperbaiki. Mudah-mudahan dengan PRK Kuala Besut ini dapat menjadikan satu...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh celah ya? Kalau boleh dapat senarai nama minta serah kepada SPR.

**Dato' Haji Muhammad Yusof bin Husin:** Yang itu saya akan bagi dekat SPR.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Kesemua Ahli. Kita memang hendak tahu lah.

**Dato' Haji Muhammad Yusof bin Husin:** Ini Yang Berhormat minta mencelah kah ini?... Pakai tidak boleh tapi tidak minta pun.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Oh, minta maaf, minta maaf. Minta maaf. Ya, jadi hendak dapat senarai namalah sebab kita memang pun hendak tahu kelemahan SPR. Okey, terima kasih.

**Dato' Haji Muhammad Yusof bin Husin:** Saya cuba. Oleh sebab sebenarnya ada dalam kereta, saya cari tadi tidak terlekat. Akan tetapi, memang sudah ada senarai itu. Kena fotostat banyaklah, nanti saya bawa dalam minggu depan *insya-Allah*. Minta Yang Berhormat Shukor tolong ingatkan. Okey.

Undi pos. SPR sepatutnya sudah mencari jalan bagaimana mengelakkan daripada adanya masih wujudnya lagi undi pos. Tidak kiralah cara mana, saya tidak ada masa sudah untuk buat cadangan itu di sini. Begitu juga undi awal. Undi awal, kira lewat? Apa salahnya kalau proses undi awal itu diselesaikan pada hari itu? Dalam sesi pertemuan dengan SPR untuk negeri

Kedah, saya cadangkan ini. Jawapan pegawai berkenaan ini atas. Itu sahaja. Tidak timbullah kontroversi peti undi hilang, peti undi dalam lokap hilang tidak timbul sudah kalau selepas undi proses itu dibuat seperti mana undi yang biasa.

Kemudian satu lagi SPR tidak mempunyai kuasa yang penuh untuk mengendalikan pilihan raya. Contohnya SPR tidak ada kuasa tentang keselamatan, tidak ada kuasa tentang media, tidak ada kuasa tentang harta-harta kerajaan. Sedangkan mengikut pemahamannya apabila dibubarkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, kerajaan yang ada itu hanya sekadar kerajaan *caretaker*. *Caretaker government*, dengan izin. Ini RTM hendak bagi 15 minit untuk parti pembangkang. Munasabahkah selama kempen 14 hari.

Jadi, ini semua patut diberikan kuasa kebebasan kepada SPR untuk memantau supaya perjalanan pilihan raya ini benar-benar bersih.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, jaminan bekalan makanan. Ini Tuanku Titah dalam perenggan 17. Saya tidak mahu sentuh TPPA sebab ramai Yang Berhormat sahabat saya Yang Berhormat Shukor, Yang Berhormat Syed Shahir sudah sentuh dan saya mengulangi sekali lagi minta supaya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan datang ke Dewan Negara menjawab berkenaan dengan TPPA ini agar pelaksanaan, perjanjiannya ini mendapat persetujuan semua pihak, *insya-Allah*. Saya hendak tekankan yang itu sahaja. Akan tetapi, negara kita untuk masa akan datang kerajaan, kementerian yang berkenaan mestilah memikirkan supaya jaminan food security, dengan izin, makanan di dalam negara kita ini tidak bergantung kepada negara luar. Oleh sebab itu di Kedah, sebelum ini semua projek yang melibatkan sawah padi dibekukan kecuali yang lama sudah lulus sebab hendak menjaga hasil padi itu dan memberi sumbangan kepada negara.

Saya seperti yang saya sebut dahulu pernah ke China dan baru ini ke Vietnam. Dalam perjalanan sama ada dengan bas, dengan kenderaan yang kita lalu, kita tidak nampak tanah yang kosong. Semuanya dipenuhi dengan tanaman-tanaman. Akan tetapi, di Malaysia kita sama ada di Kedah, sama ada di Johor, sama ada di Terengganu, terlalu banyak tanah yang terbiar, yang sepatutnya boleh dimanfaatkan. Ini kena dididik di mana kementerian yang berkenaan haruslah menjalankan satu kempen yang menyeluruh supaya tanah-tanah terbiar ini boleh menghasilkan pertanian.

Dahulu, kita cuba di Kedah di mana kita menjalankan kempen satu rumah, 10 pokok. Saya tidak ingat Yang Berhormat mana ada sebut pokok kelapa "matek". Akan tetapi, di Kedah kata "mataq". Yang mana betul? Kita tidak tahu, *wallahu alam*. Jadi, kempen ini tidak berjaya, tidak berkesan. Saya cuba praktik di rumah saya. Saya ada belakang rumah saya ada tanah sedikit, yang terbiar 20 tahun lebih, terbiar. Saya tanam 23 pokok kepala mataq yang sekarang sudah dua tahun usia. Pokok pun cantik. Saya tanam sembilan pokok harum manis. Benihnya Yang Berhormat Khalid bagi pada saya. Beliau bagi buah, saya simpan buat benih. Pokok itu sudah dua tahun, tinggi. Oleh sebab itu, saya dengan Yang Berhormat Khalid jangan siapa pelaga, Tidak berkelahi punya. Baik... [Ketawa] Berjaya dan saya tanam 40 perdu pisang, pisang emas. Saya hendak tinggal masa saya hendak hadir ke sidang Dewan ini, 30 tandan. Jadi, kawan tepi rumah itu dia bagi dekat saya RM300. Saya kata ini boleh jadi.

Akan tetapi, soalnya Tuan Yang di-Pertua, rakyat kita orang Melayu, sebab itulah Tan Sri Ali Hashim, tokoh korporat kita, dia kata, "*Ajarlah orang Melayu memancing*". Oleh sebab itu Yang Berhormat Hajah Ropiaah tadi betul kah kita bagi RM500 ini bukan hendak jadikan satu polisi kerajaan? Saya pun suka bagi. Ini kerajaan bagi bonus. Bukan bonus, duit raya pada kakitangan RM500. Tidak tululah Ahli Dewan dapat tidak?... [Ketawa] Kena tanya Yang Berhormat Menteri, jangan tanya saya.

Saya sudah terima telefon. "*Huh, RM500? Selangor dapat sebulan gaji*". Ha, kata tanya Selangor lah. Mana saya tahu. Akan tetapi, ini lain. Kira ini pemberian kepada pegawai kerajaan lain sebab dia berkhidmat dengan kerajaan. Dia kakitangan kerajaan. Akan tetapi, kalau kita bagi BR1M, RM500 selepas itu dia nanti minta lagi. Oleh sebab itu, Tan Sri Ali Hashim kata ajar orang Melayu cara pancing. Yang ini kerajaan terutamanya Kementerian Kewangan, pembangunan luar bandar dan sebagainya yang bertanggungjawab, biar kita menyediakan satu peruntukan tetapi peruntukan itu ialah mengajar memancing.

Ini kerana kalau kita hendak berpendapatan tinggi, barulah akhirnya jurang kemiskinan, perbezaan antara yang kaya dengan miskin akan dapat dikurangkan. Saya sudah cakap dahulu. Pegawai tinggi kerajaan dengan yang paling bawah, jurang semakin jauh setiap kali ada perubahan skim gaji. Cuma, pemberian raya ini semacam RM500 semua.

Jadi, tanah terbiar ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan. Yang keduanya, kos pertanian sekarang. Kalau sawah padi, saya pernah cakap dalam Dewan yang mulia ini dalam

sesi yang lepas di mana satu relung, orang Kedah kata satu relung. Dia terpaksa mengeluarkan modal RM1,200. Dahulu saya *detail* kan apa yang dia tengah buat.

### ■ 1510

Hasil padi dia boleh dapat RM1,300 kalau padi dia tak kena serang penyakit. Itu termasuk subsidi selama enam bulan kerana kos pertanian sama ada benihnya, sama ada racunnya, sama ada bajanya, sama ada upah jenteranya, semuanya dengan kos yang mahal sedangkan negara jiran kita Thailand, teknologinya begitu tinggi. Ini kementerian yang berkenaan kena buat satu *research*, tubuh satu pasukan bagaimana supaya kita dapat dalam bentuk pertanian ini terutama padi dan sebagainya itu, dapat kita hasilkan dengan kos yang murah dan harga yang lebih.

Ini kerana di Thailand sampai dia boleh arah durian itu ‘hang’ hendak berbuah, hendak berbunga bulan berapa. Menyalahi musim supaya ada pasaran dan sebagainya. Akan tetapi kita jadi sebaliknya. Jam ini sudah sampai masa untuk generasi yang akan datang supaya pertanian ini benar-benar menjadi suatu perniagaan dan kos dapat menampung makanan dalam negara kita.

Keempatnya saya hendak sentuh tentang pendidikan negara yang mana Seri Paduka Baginda menyentuh dalam perenggan 14, Baginda menekankan supaya ada penyelidikan berimpak tinggi dalam bidang yang strategik.

Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai masanya pendidikan negara kita mesti kita asuh pelajar-pelajar kita ini supaya dapat mencipta keperluan-keperluan sama ada dalam bentuk peralatan atau bentuk pemakanan, guna pakai dan sebagainya untuk masa akan datang. Mesti ada daya cipta yang tinggi dan ini mestilah melalui sistem pendidikan yang disusun atur supaya kita boleh melahirkan cerdik pandai anak-anak kita ini menjadi pencipta kepada bahan-bahan tersebut. Mungkin dia boleh mencipta jet yang lebih canggih, kenderaan yang lebih canggih, dia boleh buat *research*, boleh memikirkan macam mana hendak atasi kesesakan di jalan raya.

Bayangkanlah sekarang ini kita sudah tidak boleh hendak pandu sudah tua-tua macam kita. Orang muda lainlah, ini orang tua. Tidak boleh sudah dengan *jam*, dengan puasa, lelah. Biar ada pelajar kita yang dididik bagaimana dia fikir cara mana hendak atasi seperti Pulau Pinang dulu. Kalau hendak pergi ke Pulau Pinang dulu feri *jam*. Panggil satu orang untuk buat *research*, dia kata senang sahaja. Tambang, ambil masa hendak pergi sahaja, balik tidak payah. Itu di antara satu cara. *Simple* tetapi dia kena fikir dan kena *research*. Barangkali pendidikan kita sudah hendak kena fikir ke arah itu. Bukan setakat sekolah teknik dan sebagainya. Kena lebih ke depan, kena *advanced*. Ini perlu dirancang supaya kita lebih *advanced* ke depan.

Tuan Yang di-Pertua, kesediaan modal insan dalam bentuk pendidikan. Ini juga ditekankan oleh Seri Paduka Baginda. Saya sedih kalau kita tengok pelajar-pelajar kita sekarang terutama disiplin. Baru-baru ini saya dan isteri jumpa seorang budak dalam Tingkatan 3 atau Tingkatan 4 hisap rokok. Saya tegur. “*Siapa hang hendak tegur aku?*”. Kalau dulu, kanak-kanak, dia tidak akan bercakap dengan orang tua macam itu. Akan tetapi sekarang sudah berlaku. Kita kena akui disiplin pelajar kita di sekolah semakin parah, semakin teruk. Saya tidak tahu. Sudah dua kes guru ditembak. Satu di Kelantan dan satu di Kulim.

Ada maklumat mengatakan guru ditembak itu ada hubungan dengan pistol yang dirampas yang dibuat sewa di mana yang ditahan itu baru berumur 15 tahun, buat sewa pistol. Mungkin dia sewa kepada kawan dia. Tidak puas hati dengan cikgu, dia pergi tembak. Mungkin. Ini bukan satu tuduhan. Kalau ini berlaku, cukup sedih. Sebelum ini pelajar kalau dia marah dengan guru ataupun guru disiplin, dia toreh kereta, dia buka angin kereta, dia simbah cat di rumah. Akan tetapi kalau sekarang dia boleh sewa pistol untuk pergi tembak guru. Apa akan jadi kepada sistem pendidikan negara kita pada masa akan datang? Hal ini kena tengok betul-betullah. Panggillah pakar ‘tara’ mana pun supaya disiplin pelajar balik kepada asal macam dulu.

Ini Dato' Ahmad Bashah ini orang lama. Dulu ini kalau tok guru mengajar, dulu tidak ada air paip. Kena angkat air bawa pergi rumah tok guru hendak baca al-Quran. Sekarang kalau tok guru suruh “*Pergilah. Boleh jalan. Boleh blah*”. Ini kalau undur ke belakang pun tidak apa, sebab disiplin pelajar. Ini kerana anak kita, pelajar kita akan mewarisi kita untuk mentadbir negara ini.

Kalaulari mereka rosak daripada awal..., sebab itu kalau dalam Islam, pendidikannya lain. *Awalluddin makrifatullah*. Ini guru ada, saya kata sahaja. Awal-awal agama kena kenal Tuhan dulu. Sebab itu masa pemerintahan Sultan Ar-Rashid di Iraq, dia *round* sekolah. Masa itu terkenal dengan Iraq ini sebagai pusat pendidikan tinggi, banyak. Bila dia *round*, tanya pelajar, “*Apa cita-cita kamu? Doktor. Apa cita-cita kamu? Jadi khalifah. Apa cita-cita kamu? Jadi*

*presiden. Apa cita-cita kamu? Jadi doktor". Tanya pada seorang, "Apa cita-cita kamu? Aku ingin mencari keredaan Allah". Sultan Ar-Rashid kata, "Kalau tidak kerana kamu, aku bakar habis pusat pendidikan". Tidak ada makna. Sebab hendak cari dan dapat keredaan Allah, yang lain itu semua dapat. Orang yang jawab itu kalau tidak silap saya ialah Imam Ghazali, pelajar itu. "Aku menuntut ilmu hendak cari keredaan Allah". Itu Islam. Ini pun kita kena tengok.*

Sebab itu dalam hal ini, apa juga yang berhubung dan berkaitan dengan pendidikan terutama Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) ini tujuan asas itu untuk kita mendidik remaja.

Bukan sahaja dalam hal kewarganegaraan, bukan sahaja hal perpaduan tetapi juga hal kerohanian. Kalau dalam PLKN itu sudah ada enam kes yang beranak dalam PLKN, tidak ambil kira yang bergaduh, tidak ambil kira yang kena rogol, tidak ambil kira yang lain-lain. Ini yang melahirkan anak dalam pusat latihan itu sudah enam kes. Sudah tentulah sistem ataupun modul PLKN ini kena dikaji semula agar kerohanian untuk melahirkan modal insan yang dapat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat masih ada dua lagi perkara. Dua poin lagi kan? Jadi saya bagi lima minit untuk Yang Berhormat habiskan.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya tidak lawan Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua kata berhenti, sekarang saya berhenti sebab ini peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak. Saya bagi lima poin.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Lima minit.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Okey, baik. Terima kasih. Itu saya minta Program Latihan Khidmat Negara, Kementerian Pertahanan kalau boleh kaji balik modul supaya ia betul-betul memberi kesan agar pelajar itu dia keluar, dia berubah sifat dan cara hidupnya, *insya-Allah*.

Satu lagi saya hendak sebut di Kedah. Ini pengurus perhubungan, Timbalan Menteri pun ada ini. Masalah KUIN. Saya tidak mahu komen apa-apa. Cuma saya hendak minta Kementerian Pendidikan di peringkat pusat tolong bantu. Sudah agak kelam kabut sekarang ini. Tolong bantulah sebab bekas Menteri Besar dulu Tan Sri Azizan ini dia orang pendidikan. Dia buat benda itu bukan sahaja-sahaja tetapi sebab ada wawasan dia bagi generasi yang akan datang. Cuma saya hendak minta Kementerian Pendidikan tolong bantu KUIN di Kedah. Ini kerana dengar Fakulti Perubatan sudah ditutup dan sebagainya. Itu sahaja yang saya hendak minta. Saya tidak mahu ulas panjang. Saya tidak ada masa. Okey, rasuah yang kelimanya. Baru yang kelima Tuan Yang di-Pertua. Tidak apa. Sampai takat ini pun tidak apa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dalam catatan saya, ini keenam Yang Berhormat.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Oh! Begitu. Saya baru lima.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Pertama tadi peranan Ahli Parlimen. Keduanya, peruntukan Ahli Dewan Negara.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Itu dalam bahagian peranan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Termasuk dalam ...?

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tidak apa. Teruskan.

#### ■ 1520

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Okey, rasuah. Seri Paduka Baginda sebut dalam paragraf 28. Rasuah ini benar dalam perniagaan ini Tuan Yang di-Pertua. Rasuah ini kalau ada peluang, dia buat. Dia tidak rasa dia buat rasuah. Saya ada sedikit pengalaman orang beri mandat menjadi pengurus GLC Bina dan Kuari di Kedah. Dia ada cara. Akan tetapi kalau kita betul-betul kental, *insya-Allah* tidak mengapa. Akan tetapi soalnya bagaimana hendak bendung. Saya tidak baca ranking yang ke berapa apa semua, saya tidak ada hendak sebut, masa tidak cukup.

Cuma saya hendak minta kepada kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional yang baik hati ini supaya berilah kepada SPRM ini mandat yang penuh. Biar dia betul-betul bebas. Jangan letak di bawah Jabatan Perdana Menteri, jangan letak di bawah Peguam Negara, beri mandat

yang penuh dan letak di bawah Parlimen. Biar dia boleh dakwa sesiapa. Dengan harapan itu, caranya lebih telus dan barangkali orang lebih takut sedikit.

Keduanya, dalam kes laporan audit yang selalu kita lihat. Barang beli mahal tidak patut-patut, *screw driver* pun sampai RM40 satu dan sebagainya. Saya hendak cadangkan kepada kerajaan untuk pelaksanaan pembelian, jangan beri kuasa kepada Ketua Jabatan sahaja. Contohnya, kalau di sekolah jangan beri guru besar seorang, dia order, dia beli. Begitu juga jabatan-jabatan yang lain. Biar ada jawatankuasa pembelian supaya semua boleh lihat dengan harga pasaran yang ada. Jadi semua boleh lihat.

Barangkali ini cadangan daripada saya. Kalau kerajaan rasa itu baik, laksanakan. Jangan serah kepada Ketua Jabatan seorang, bahaya. Ruang rasuah terbuka, jalan terbuka.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Gulung Yang Berhormat.

**Dato' Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Gulung sudah? Tidak gulung lagi, saya ada sembilan. Akan tetapi tidak mengapa, setakat enam iaitu memartabatkan Islam. Tadi tujuh, sudah naik sembilan pula. Memartabatkan Islam. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada masalah. Saya pun marah orang hina orang Islam. Di Kemunting saya bergaduh dengan penguasa kem kerana semasa di Kemunting itu, kami orang tahanan ini, semasa itu Yang Berhormat Tuan Syed Husin sudah keluar sudah. Saya tidak ingat. Mereka buat *hunger strike*, mogok lapar. Saya kata saya Islam, tidak boleh mogok lapar, saya puasa. Apabila puasa, penguasa kem dia angkat juga makanan siang, dia suruh makan. Saya buat *request* minta kepada penguasa, saya terang ini ibadat orang Islam. Dia kata, "Apa ibadat, ibadat? Saya tidak kira, ini peraturan." Dia naik angin, masa itu umur 31 tahun. Marah. Ini pasangan yang hina Islam, marah.

Oleh sebab itu, dalam hal ini kita perlu, sudah banyak Yang Berhormat cakap hal ini, tetapi kita tidak boleh cakap, marah suruh hukum semata-mata. Akan tetapi bagaimana cara kita hendak mendidik supaya sahabat-sahabat kita faham tentang Islam, supaya orang bukan Islam, rakyat bukan Islam di Malaysia ini dia faham tentang Islam. Apa yang boleh, apa yang tidak boleh. Apa yang amat mendukacitakan lagi kalau orang Islam sendiri yang hina Islam seperti ratu cantik yang empat orang itu, yang keluar kenyataan hukum lapuk, undang-undang lapuk dan sebagainya. Kita pernah dengar dahulu berbagai-bagai sebutan sedangkan Islam dalam hal ini amat sensitif. Kalaulah, saya baca ini kitab *Mustika Hadis Jilid 1* keluaran Jabatan Perdana Menteri. Contohnya orang hina Islam, dia kata hukum ini sudah lapuk. Kalau kita kata hukum hudud potong tangan dan sebagainya, dia kata hukum ini sudah lapuk dalam *Mustika Hadis* ini, dia terkeluar daripada Islam, murtad. Ada 14 contoh di sini. Saya tidak ada masa hendak baca Tuan Yang di-Pertua.

Satu lagi, Tuanku memberi jaminan supaya kerajaan jaga betul-betul Islam ini sebagai negara Islam, agama rasmi Islam, *maqasid syariah* iaitu mencari jalan untuk menjaga Islam, syariah Islam dalam konteks *wasatiyyah*. Semalam Yang Berhormat Dr. Johari sudah cerita, *wasatiyyah* ini mencari jalan terbaik. *Maqasid syariah* ini mencari jalan bagaimana hendak dapat yang terbaik.

Saya sokong, Kerajaan Barisan Nasional hendak buat yang ini saya sokong sebab ini hendak beri baik Islam. Akan tetapi mestilah disertakan dengan kena orang yang betul-betul faham, kena ahli dia. Dalam hal ini, kerajaan harus melantik orang-orang yang mampu untuk memberi nasihat supaya melaksanakan *maqasid syariah* ini dalam konteks *wasatiyyah*. Hendak cari *wasatiyyah*, hendak cari yang terbaik, mesti ada ahlinya. Kalau hendak beri maju pendidikan, cari orang pakar pendidikan. Ini saya cadangkan kepada kerajaan supaya mengenal pasti tokoh-tokoh hari ini yang dapat membantu kerajaan untuk melaksanakan *maqasid syariah* dalam bentuk *wasatiyyah* untuk mencari yang terbaik agar Islam dan negara kita ini dapat dipertahankan dan tidak dihina, dicemuh oleh sama ada orang Islam sendiri, terutamanya orang bukan Islam.

Saya dengan ini Tuan Yang di-Pertua, sudah lebih lima minit, saya tahu, mohon menyokong Titah Ucapan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Puan Norliza Abdul Rahim. Silakan Yang Berhormat.

### 3.26 ptg.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih dan saya juga ingin turut sama mengambil bahagian berbahas akan Usul Menjunjung Titah Diraja oleh Seri Paduka

Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah yang telah sudi mencemar duli dan berangkat menyampaikan Titah sempena Persidangan Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri serta Kerajaan Barisan Nasional yang telah berjaya mengekalkan kuasa pemerintahan di peringkat Kerajaan Pusat serta tahniah juga kepada pengundi di Kuala Besut kerana kita telah menang dengan majoriti yang lebih tinggi semalam... [Tepuk]

Seterusnya saya pergi kepada isu-isu yang ingin saya bangkitkan. Memandangkan hari ini masa terhad, jadi saya akan cuba secepat yang mungkin. Isu yang pertama, saya ingin menyentuh mengenai Kementerian Pelancongan. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pelancongan ini adalah suatu kegiatan aktiviti yang sangat penting dalam menjana aliran tunai masuk ke negara kita. Saya ingin menyentuh sedikit mengenai pelancongan warisan. Negara kita ini kaya dengan bermacam-macam warisan silam. Sebagai contohnya, kalau kita lihat di waktu era Portugis dan Belanda di Melaka, kawasan peninggalan perang di Kota Bharu serta bunga emas di Kelantan. Akan tetapi, berapa ramaikah di kalangan golongan-golongan muda kita yang mengetahui dan mengingati balik mengenai sejarah pelancongan warisan.

Sebagai contoh, Pertubuhan Pendidikan Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengiktiraf Lembah Lenggong di Hulu Perak sebagai tapak warisan dunia. Akan tetapi saya percaya bukan semua masyarakat dunia mengetahui, malahan kita sebagai rakyat tempatan juga mungkin belum pernah melawat ke tempat itu. Saya rasa Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof pun tidak pernah pergi lagi ke Lembah Lenggong.

Mungkin sudah pernah, belum lagi. Itu warisan tetapi kita sendiri pun tidak tahu. Jadi saya rasa mungkin ini perlu ditingkatkan di mana Kementerian Pelancongan harus mencari jalan agar kita dapat meningkatkan atau mempromosikan sejarah pelancongan warisan ini. Sebagai contoh, sekiranya kita ke Mesir, kita tahu ke Mesir itu masyhurnya Piramid. Kalau kita yang biasa pergi ke Saint Petersburg di Rusia yang mana sejarah *Peter the Great*, istana dan tamannya. Sebenarnya hanya istana dan taman, tidak ada apalah sangat. Kita pun banyak istana di Kuala Kangsar, di sana sini.

#### ■ 1530

Akan tetapi mungkin kaedah promosi kita kurang berkesan. Jadi soalan saya kepada Kementerian Pelancongan, apakah langkah-langkah kerajaan untuk mempromosikan pelancongan warisan negara ini yang kaya dengan sejarahnya? Sekiranya ini dapat digiatkan maka secara tidak langsung kita akan dapat meningkatkan juga perniagaan industri seperti *homestay*, rumah-rumah inap dan juga kita dapat mempromosikan produk-produk kita dan mempersiapkan diri kita untuk menghadapi Tahun Melawat Malaysia pada 2014 yang akan datang.

Selain daripada kita mempromosi pelancongan, kita juga harus meningkatkan ekonomi rakyat negara kita dengan membantu mempromosikan produk-produk negara kita. Sebagai contoh di Malaysia kita amat sinonim, kita mempunyai produk yang baik seperti batik, songket, sutera dan lain-lain. Jadi adakah kementerian mengkaji mengapakah batik Indonesia lebih dikenali berbanding dengan batik Malaysia? Adakah kaedah promosi yang kita gunakan kurang berkesan? Atau tidak cukup kreatif atau inovatif. Sebagai contohnya kalau kita hendak mempromosi mungkin Senator-senator diberi *coat* yang dibuat daripada songket kah supaya kita mempromosi songket. Mungkin Tuan Yang di-Pertua memakai jubah yang diperbuat daripada songket kah dan bentara-bentara diberi uniform batik kah. Jadi apabila kita ada pelawat, delegasi daripada Vietnam daripada mana akan melihat, "Oh, ini produk Malaysia."

Jadi saya rasa ada kalanya kita kena lebih kreatif dan lebih aktif untuk mempromosikan barang kita supaya di mata dunia, oh, Malaysia mempunyai jenamanya tersendiri. Sebagaimana kalau kita tahu, kalau kita ke Rusia sebagai contoh, dia masyhur dengan *Russian doors*nya, kalau ke setengah tempat dengan *leather good designers*, dengan izin. Jadi Malaysia juga saya rasa harus mencari satu jenama barang yang boleh kita pasar secara antarabangsa.

Jadi soalan saya kepada kementerian, apakah cadangan kementerian dan jenama barang apa yang kita boleh tonjolkan kepada pelancong-pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Sejauh manakah persediaan kementerian untuk menjayakan Tahun Melawat Malaysia 2014.

Dan kalau kita lihat juga untuk menghadapi kedatangan pelancong-pelancong daripada luar, rakyat kita juga harus diberi pendedahan dari segi pertuturan, kelengkapan, logistik dan yang lain-lain. Jadi saya ingin mengetahui adakah kementerian memberi kursus juga kepada masyarakat kita yang akan berurusan secara langsung dengan pelancong-pelancong daripada luar. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman tadi ada kalanya kita pergi ke hotel, yang menyambut kita di kalangan Bangladesh, Nepal dan yang lain-lain. Jadi saya rasa ianya tidak melambangkan rakyat Malaysia. Jadi kalau saya datang daripada Amerika Syarikat kah, daripada manakah, masuk-masuk pergi ke hotel yang tunggu di depan itu bukan rakyat Malaysia.

Jadi bolehlah Kementerian Pelancongan memantau dan mensyaratkan supaya di hotel-hotel ini perlu berapa peratus yang berada di hadapan perlulah di kalangan rakyat Malaysia. Ramai lagi masyarakat kita tidak mempunyai pekerjaan dan ini akan membantu mengurangkan kedatangan warga asing.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh isu yang kedua iaitu isu kenaikan harga barang binaan. Sebenarnya kalau kita sedia maklum sektor pembinaan di Malaysia ini adalah satu penyumbang utama kepada pembangunan negara. Akan tetapi kalau kita lihat terdapat banyak projek-projek terbengkalai terutama sejak akhir-akhir ini. Jadi kita kena mengkaji semula kenapa projek-projek ini terbengkalai dan salah satu faktor utama adalah disebabkan kenaikan harga barang binaan yang begitu mendadak sejak akhir-akhir ini.

Jadi saya rasa baru-baru ini kerajaan ada mewujudkan kaedah pengiraan perubahan harga atau *Variation of Price*, dengan izin, VOP bagi mengurangkan kerugian kepada kontraktor akibat kenaikan harga binaan. Saya melihat kementerian masih lagi gagal untuk mengekang masalah ini dan ini menyebabkan banyak projek-projek yang terbengkalai. Memang sukar kalau kita hendak menangani isu kenaikan harga, tapi saya ingin memberi cadangan kepada kementerian sekiranya kementerian boleh menambahkan senarai bahan binaan dalam VOP supaya tidak terhad kepada 16 bahan sahaja, mungkin boleh lebih khususnya kepada bahan-bahan asas untuk projek-projek pembinaan.

Saya juga berharap agar kerajaan turut menimbal kemungkinan mewujudkan stok penimbang dengan izin, *loading stock* berkenaan bagi mengawal harga-harga binaan utama. Kalau kita tengok kita ada Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), kedai, macam-macam 1Malaysia, Kedai Kain Rakyat 1Malaysia semua. Mungkin kita boleh ada gudang bidaan 1Malaysia. Maknanya kita mengimport secara terus daripada luar di mana harganya lebih murah memandangkan Ringgit Malaysia sekarang boleh dikatakan stabil berbanding dengan lima tahun yang lalu.

Jadi kita mengimport dan letak di gudang itu sebagai stok pengimbal yang mana kepada kontraktor yang membuat perumahan mampu milik, perumahan kos rendah bolehlah mendapatkan fasilitet ini di mana harga pembinaan ini dijual dengan pada kadar yang murah. Jadi dengan ini kita memberi satu inisiatif dan pada masa yang sama subsidi kita disalurkan kepada golongan yang betul. Jadi untuk rumah yang mahal itu tidak perlulah. Yang ini kita *concentrate* bahan binaan untuk perumahan kos rendah atau sederhana rendah. Saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian dan kerajaan sama ada bagi kontraktor yang menjalankan perumahan kos rendah, sederhana rendah ini dikecualikan daripada cukai mengimport simen. Jadi saya rasa cukai simen dan juga besi ini kalau boleh dimansuhkan sebagai insentif kepada mereka untuk membina lebih banyak rumah mampu milik.

Dengan kaedah ini kita berharap agar lebih ramai lagi, lebih banyak lagi rumah-rumah mampu milik yang dapat dibina. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia dan SPNB. Sebagai mana yang kita ketahui Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia atau dikenali TP1M telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan dengan tujuan memberi impak kesejahteraan rakyat.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri meluluskan peruntukan RM20 juta bagi TP1M bagi tahun 2013, di mana kerajaan bersetuju agar program TP1M diperluas ke seluruh negara dengan skop sebagaimana yang dilaksanakan di Wilayah. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, masalah penyelenggaraan ini saya ingat sudah berkali-kali kita bahas di Dewan Negara. Ini adalah satu masalah yang amat penting dan harus diberi perhatian.

Kalau kita tengok baru-baru ini juga ada seorang kanak-kanak yang tersepit lif sehingga meninggal, disebabkan penyelenggaraan terhadap lif tersebut tidak berkesan. Jadi saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri prihatin. Cuma soalan saya adalah apabila ia dipraktikkan di peringkat negeri-negeri seperti di negeri yang ditadbir oleh pembangkang, peruntukan itu akan disalurkan ke bawah jabatan mana. Adakah di bawah

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau di jabatan mana yang akan disalurkan peruntukan tersebut. Dan soalan saya juga seluas manakah skop penyelenggaraan yang diberi peruntukan? Adakah hanya mengecat, menyelenggarakan lif atau apa dia? Jadi boleh dinyatakan skop, apakah skop-skop yang dibenarkan.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian berapa cepat ia dapat dimulakan di peringkat negeri-negeri dan siapa yang bertanggungjawab untuk mengenal pasti dan memantau kerja-kerja penyelenggaraan yang akan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai Suruhanjaya Perumahan Negara Berhad. Mengikut statistik sebanyak 888 daripada 8,914 kontraktor yang dilantik SPNB bagi melaksanakan perumahan mesra rakyat di senarai hitamkan pada tahun 2012 kerana gagal menyiapkan projek. Tahun 2011 seramai 120 kontraktor. Soalan saya kepada SPNB, tujuh bulan tahun ini, sudah berapa bilangan kontraktor yang di senarai hitamkan. Bilangan kontraktor yang di senarai hitamkan ini amat tinggi dan saya rasa amat membimbangkan. Soalan saya kepada kementerian juga mengapakah ini terjadi?

#### ■ 1540

Apakah kriteria yang ditetapkan oleh SPNB dalam pemilihan kontraktor-kontraktor pembinaan? Adakah SPNB mempunyai jawatankuasa penilai dalam hal ini? Kita tidak mahu niat murni Kerajaan Barisan Nasional disalah ertikan oleh pihak-pihak yang tertentu. Jangan kita selalu memomokkan hanya rumah yang telah siap sedangkan masalah lantikan kontraktor tidak dapat kita selesaikan. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai inovasi. Kalau kita melihat dalam usaha kita untuk mencapai sebuah negara membangun yang berpendapatan tinggi, kita memerlukan pembangunan daripada aplikasi teknologi baru yang lebih inovatif. Malaysia tidak boleh hanya bergantung kepada syarikat multinasional sahaja untuk memacu inovasi dan berintegrasi di rangkaian global. Tahap R&D di Malaysia, saya rasa masih rendah berbanding dengan negara-negara jiran. Pendaftaran paten kita juga amat rendah.

Jadi soalan saya, adakah kementerian mempunyai statistik pendaftaran paten bagi tahun 2011 dan 2012 termasuk dari SIRIM Berhad. Apakah langkah kerajaan dalam memastikan negara mempunyai tenaga kerja berpengetahuan di peringkat global bagi memajukan R&D, sekali gus mengelakkan berlakunya *brain drain*? Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh kementerian untuk menggalakkan inisiatif bagi aktiviti R&D supaya ianya lebih memberangsangkan? Bolehkah kementerian mewujudkan insentif-insentif kepada penghasilan inovasi baru dan sebagainya?

Soalan saya lagi, bagaimanakah kerajaan dapat memberi pendedahan kepada rakyat mengenai budaya dan komuniti inovasi. Saya juga ingin bertanya beberapa soalan kepada MIMOS. Berapakah jumlah geran yang diperuntukkan oleh kerajaan pada 2011 dan 2012? Berapakah jumlah yang telah diluluskan dan apakah contoh-contoh produk yang telah membawa hasil? Ini kerana ada kalanya inovasi ini, kreativiti ini, kita memberi geran yang banyak tetapi kita tidak tahu apakah hasil daripada geran yang dikeluarkan. Jadi, kita merasakan ianya satu kerugian dan kita rasa rakyat perlu tahu peruntukan itu disalurkan dan menghasilkan sesuatu produk yang baik dan boleh kita ketengahkan di peringkat antarabangsa.

Seterusnya, saya ingin bertanya kepada SIRIM Berhad, berapakah jumlah prototaip yang telah dipatenkan dan juga yang berjaya dikomersialkan? Apakah insentif yang diberikan SIRIM kepada mana-mana syarikat yang sanggup mengkomersialkan prototaip mereka? Sebelum saya menutup perbahasan Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Muhamad Yusof tadi, mengenai ratu cantik yang empat orang daripada kaum Melayu.

Saya rasa bukan sekadar ratu cantik itu yang harus kita mempersoalkan, kita harus mempersoalkan penganjur yang menganjurkan, yang membenarkan mereka ini menyertai pertandingan tersebut sebab saya rasa benda ini telah termaktub dalam perlumbagaan. Sepatutnya kita perlu mengenakan tindakan kepada penganjur itu bukan hanya kepada pesertanya. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang kita beralih kepada Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar, silakan Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya juga untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bagi Parlimen Ketiga Belas pada 25 Jun yang lepas. Kita tahu, Baginda ada menyentuh pelbagai aspek yang di antaranya berkenaan dengan kedudukan perlembagaan negara, pencapaian ekonomi negara, prestasi perkhidmatan awam dan juga pembabitan belia dalam mencorakkan masa depan negara.

Jadi di sini Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan hujah-hujah, saya ingin merakamkan dahulu ucapan tahniah, walaupun yang lain dah mengucapkannya, saya kena ucap juga sebab ini Kerajaan Barisan Nasional. Jadi, saya kena ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita kerana telah berjaya di atas kepimpinan beliau maka Barisan Nasional sekali lagi telah berjaya menjadi kerajaan pada pilihan raya umum kita yang ketiga belas. Walau apa pun analisa yang dibuat ataupun tanggapan mana-mana pihak terhadap keputusan pilihan raya kali ini sebab yang pastinya Barisan Nasional apabila telah menubuhkan kerajaan, kita adalah kerajaan yang sah daripada segi undang-undang.

Kita menubuhkan kerajaan tidak melalui perkara-perkara yang luar daripada batasan seperti demonstrasi jalanan, yang mana kita tahu ia lebih mendatangkan kemudarat kepada negara. Saya amat yakin keputusan PRU Ke-13 adalah keputusan mutlak rakyat dan ini adalah amanah, keyakinan rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional untuk terus mentadbir negara. Semoga hasrat rakyat ini diterjemahkan oleh Kerajaan Barisan Nasional dengan mengekalkan kemakmuran ekonomi negara. Meningkatkan daya saing negara di peringkat global dan yang paling penting yang utama untuk memastikan keharmonian sosial politik negara agar rakyat dapat hidup aman damai, tenteram dan sentiasa boleh bergurau walaupun dalam Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah amat tepat sekali apabila Baginda menyeru Ahli-ahli Parlimen memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Persekutuan adalah dokumen tertinggi negara yang mengandungi 183 Perkara iaitu ia adalah untuk bertujuan mewujudkan satu bentuk pemerintahan yang adil, mengelakkan penyalahgunaan kuasa oleh pemerintah, mengawal pergerakan kerajaan dan rakyat. Sebagai alat untuk menyelesaikan masalah, menjamin rakyat riwayat negara bangsa dan menjamin keamanan dan kestabilan negara. Bila baca teks inilah jadinya, terbabas-babas tetapi kalau tidak baca, tak boleh sebab kita dah buat research. Ini kerana perkara ini kita kena cakap walaupun kita rasakan banyak yang dah bercakap.

Saya tahu, saya tidak berhajat untuk membahaskan dengan lebih lanjut mengenai kepentingan Perlembagaan Persekutuan kerana saya amat yakin bahawa setiap Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini amat arif mengenainya. Namun apabila ada sesetengah pihak, baiklah saya sebut nama dia terus. Yang Berhormat Tuan Karpal Singh, apabila mempersoalkan dan mempertikaikan apa yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan terutama sekali mengenai peranan Dewan Negara di dalam sistem pentadbiran negara. Saya merasakan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini perlu mengingatkan pihak-pihak tersebut bahawa Dewan ini berfungsi sama pentingnya dalam menjamin kepentingan Perlembagaan Persekutuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali yang saya ingin sentuh ialah Dewan Negara penting kerana ia adalah sebahagian daripada komponen Parlimen. Tanpa Dewan Negara, maka tidak lengkaplah komponen Parlimen kerana Perkara 44, Perlembagaan Persekutuan menyatakan komponen Parlimen hendaklah terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua Majlis Parlimen yang dikenali sebagai Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Ini sesuai dengan Parlimen Malaysia yang mengamalkan sistem dua Dewan dan bukannya Dewan tunggal. Selagi peruntukan Perkara 44, Perlembagaan Persekutuan tidak dipinda, maka tentunya Dewan Rakyat sahaja tidak memadai kerana komponen Parlimennya tidak mencukupi. Dewan Negara juga penting kerana peranannya untuk menyemak undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan juga bagi membincangkan perkara-perkara yang menjadi kepentingan umum.

Dewan Negara mempunyai kuasa untuk menangguhkan sesuatu rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat sebelum dikemukakan untuk mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong. Contohnya, Dewan Negara boleh menangguhkan Rang Undang-undang Kewangan selama 30 hari dan rang undang-undang yang lain selama setahun. Tempoh penangguhan ini penting untuk membolehkan rang undang-undang yang tidak menepati kepentingan umum diteliti dan dibincangkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin kepentingan-kepentingan inilah maka Perkara 47(a), Perlembagaan Persekutuan menetapkan orang-orang yang layak menjadi Ahli Dewan Negara hendaklah berumur tidak kurang daripada 30 tahun. Memang pun kalau kita tengok dalam Dewan ini semua dah lebih daripada 30 tahun, walaupun saya ini orang kata masih lagi dalam keadaan macam ini tetapi bukan bujang tetapi itulah keadaannya.

#### ■ 1550

Jadi kita kena tahu Ahli-ahli yang berumur lebih 30 tahun. Ini kerana Ahli-ahli yang sudah berumur lebih daripada 30 tahun itu dianggap cukup matang untuk menilai penggubalan rang undang-undang terbaik untuk negara. Selain itu bagi menjaga tahap kemajuan, Perkara 45(a), Perlembagaan menetapkan Ahli-ahli yang dilantik oleh Agong hendaklah orang yang pada pendapat baginda telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang atau telah mencapai keunggulan dalam profesi, perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan ataupun perkhidmatan sosial atau yang mewakili ras minoriti atau yang berkebolehan mewakili kepentingan Orang Asli seperti Yang Berhormat Senator Olian kita.

Jika begitu, pentingnya Dewan Negara ini mengapa? Persoalannya mengapa ada sesetengah pihak mencadangkan supaya Dewan Negara ini dimansuhkan? Adakah cukup hanya berlandaskan kepada faktor merasakan Dewan Negara adalah *rubber stamp*, dengan izin kepada Dewan Rakyat. Adakah sesetengah pihak tidak berpuas hati kerana ada Ahli-ahli Dewan Negara yang dilantik sebagai menteri ataupun timbalan menteri yang dianggap sebagai pelantikan melalui pintu belakang dan sekali gus meningkatkan perbelanjaan wang negara katanya. Dewan kita ini Dewan yang melakukan pembaziran wang rakyat. Saya pun tidak faham kenapa. Mungkin sebab dia tidak baca Perlembagaan ini sampai habis agaknya.

Atau adakah sesetengah pihak merasakan ada di kalangan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini sebenarnya layak dilantik menjadi anggota pentadbiran tetapi perlu dipinggirkan kerana pembentukan Dewan Negara tidak perlu...

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Mohon mencelah.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Baru hendak *start*. Teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyebut bahawa Dewan Negara ini membazirkan kewangan negara. Oleh sebab itu, apa pandangan Yang Berhormat. Kalau dikatakan membazir, maknanya Dewan Rakyat pun kita kena bubar sekali kerana ia pun boleh dikatakan membazir wang rakyat. Jadi biar negara ini diperintah macam ada sesetengah negara. Sistem monarki. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Pertama, saya hendak buat *correction* sikit. Bukan saya kata tetapi Yang Berhormat Karpal Singh cakap. Kita ini cuma berbahas tentang apa yang beliau beritahu.

Kedua, bagi saya kalau kita berbalik kepada sistem monarki, saya rasa kita ini sudah balik kepada zaman sebelum merdeka. Jadi untuk kita meningkatkan lagi apa yang kita perjuangkan selama ini terutamanya dari segi pembangunan ummah, pembangunan dari segi infrastruktur dan sebagainya, kita tidak akan mencapai ke tahap yang ada sekarang ini. Jadi saya rasakan dalam keadaan yang sebegini Yang Berhormat, saya merasakan kita tidak perlu sangat melihat bahawa isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Karpal Singh ini sebagai isu yang kita perlu ber perhatian yang sekadar seimbang laju.

Akan tetapi apa yang saya ingin cadangkan di dalam Dewan ini kerana perkara ini telah menyentuh kita seluruh ahli-ahli di dalam Dewan termasuk juga pihak-pihak daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang yang kita panggil. Mereka juga adalah Ahli-ahli di dalam Dewan ini yang kita bersama-sama berbahas. Maka mereka juga telah dihina sebenarnya oleh Yang Berhormat Karpal Singh ini terhadap apa yang kita telah lakukan selama ini di dalam Dewan ini. Maka dengan itu, saya merasakan dan saya minta persetujuan Dewan supaya kita membuat satu usul ataupun cadangan ataupun apa sahaja yang boleh kita serahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tentang apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Karpal Singh ini kerana ini melibatkan dua perkara.

Pertama, Yang di-Pertuan Agong yang kita tahu adalah pemerintah yang tertinggi di dalam negara kita dan kerana Yang di-Pertuan Agong jugalah maka terbentuknya Dewan ini.

Jadi disebabkan beliau bila mengatakan ini adalah sebagai Dewan yang tidak efisien, Dewan yang melakukan pembaziran wang rakyat dan Dewan yang dikatakan lantikannya berlaku mengikut pintu belakang, jadi ini adalah sesuatu perkara yang sangat tidak baik ataupun satu penghinaan yang sangat tinggi sebenarnya kepada kita. Kita tidak boleh pandang rendah perkara ini sebab memang sudah ramai tadi berbahas tentang isu ini. Akan tetapi apa tindakan yang mesti kita sebagai Ahli Dewan perlu lakukan dan untuk memastikan manusia yang bernama Karpal Singh ini tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan kenyataan yang begitu hina dan sebegitu rupa terhadap kita semua.

Kalau kita dianggap sebegitu, bagaimana pula beliau yang berada di Dewan Rakyat? Jadi kita nampak perkara ini adalah satu perkara yang tidak boleh dianggap ringan dan tidak boleh dianggap semberono sahaja dan sesiapa boleh mengeluarkan kenyataan tanpa melihat akan kesan-kesan yang berlaku. Ini kerana terhinanya kita di kalangan ahli yang dilantik oleh Kerajaan Barisan Nasional, maka terhinanya juga rakan-rakan kita yang lapan orang itu yang dilantik oleh parti mereka juga. Jadi bagaimana? Saya hendak tanya juga rakan-rakan kita yang lapan orang ini. Bagaimana perasaan Ahli-ahli Yang Berhormat apabila kita ini adalah Ahli-ahli Dewan yang tidak relevan? Kalau ada yang hendak bercakap, silakan. Saya bagi ruang.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Boleh saya mencelah?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang hendak mencelah. Silakan, Yang Berhormat.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Tuan Yang di-Pertua, tentang pandangan Yang Berhormat Karpal Singh terhadap Dewan Negara, itu pandangan peribadinya. Tidak semestinya pandangan itu disokong oleh parti ataupun oleh kami yang berada di Dewan ini. Maka tidak payahlah kita hendak jawab tentang pandangan ini. Berapa kali telah Yang Berhormat Karpal Singh telah mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang kadangkala tidak dipersetujui oleh parti dan individu-individu dalam partinya sendiri. Itu terpulang kepada kita kerana kita mengamalkan sistem demokrasi. Maka dia berhak hendak kata apa pun. Kalau kita sokong, sokong sama dia. Akan tetapi setakat ini saya memang sedar DAP memang tidak membantah tentang Dewan Negara. Ramai daripada kami yang berada di sini kita setuju Dewan Negara kekal. Itu pandangan peribadi Yang Berhormat Karpal Singh. Terima kasih.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Ariffin. Itulah masalahnya sekarang ini. Kita sebagai manusia selalu berbalik-balik. Bila kita bercakap dalam satu keadaan, kita kata ini pendapat peribadi. Bila dalam sektor politik, kita mengambil *advantage* tentang apa pendapat kita tentang yang kita katakan tentang peribadi. Saya rasa selagi Yang Berhormat Karpal Singh adalah seorang pemimpin dan beliau juga adalah pengurus parti kepimpinan DAP, saya merasakan ini bukan masalah pandangan peribadi tetapi ini adalah satu kenyataan jahat yang cuba dilakukan dan dikeluarkan oleh beliau hanya semata-mata untuk menunjukkan dan mengatakan kepada rakyat di luar sana bahawa kita Ahli-ahli Dewan Negara ini adalah ahli-ahli yang tidak relevan dan tidak perlu pembentukan Dewan Negara ini diwujudkan lagi. Cukup sekadar apa yang dia cuba perjelaskan bahawa kononnya Dewan Rakyat sahaja yang berfungsi.

Sedangkan tadi saya telah memperjelaskan apa yang berlaku di dalam pembentukan sistem pemerintahan kita. Bukan saya hendak menyangkal tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ariffin sebab walaupun kita menganggap ia sebagai pandangan peribadi, tetapi sebagai manusia dan sebagai pemimpin tertinggi, itu tidak boleh dianggap sebagai pandangan peribadi sahaja. Bagaimana kalau saya mengeluarkan satu perkataan yang menghina seseorang ataupun menghina Yang Berhormat Karpal Singh kemudian di luar saya mengatakan itu pandangan peribadi saya. Saya bukan bercakap atas platform sebagai Senator. Jadi bayangkan bagaimana pandangan rakyat di luar sana.

Jadi kita tidak perlu hendak memanipulasi atau memutar belitkan keadaan-keadaan yang berlaku ini. Waima apa pun keadaannya, walaupun kita bercakap atas dasar apa pun, kita buat masa sekarang tetap sebagai di kalangan orang-orang kepimpinan yang tertinggi di peringkat negara kita.

Jadi sekali lagi saya hendak tegaskan, pada saya itu bukan pandangan peribadi tetapi itu adalah pandangan yang jahat yang cuba dilemparkan oleh beliau terhadap kita semua termasuk Ahli Yang Berhormat yang lapan orang. Itu anggapan saya dan kalau boleh dianggap ini sebagai pandangan peribadi, terpulang. Itu yang hendak saya perkatakan dalam Dewan ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan lagi perbahasan saya berkeraan dengan Dewan Negara juga kerana tadi saya tidak habis lagi hendak sebut tentang peranan Dewan Negara ini supaya biar kita jelas betul-betul bahawa inilah peranan Dewan Negara, inilah

peranan kita bersama-sama membincangkan perkara-perkara yang tidak lain dan tidak bukan hanya untuk memastikan keharmonian rakyat kita dan juga kepimpinan dari segi pentadbiran negara kita berjalan menuju ke hadapan bukannya terus menghala ke belakang. Ini kerana kalau ini berlaku, maka Malaysia tidak lagi boleh dianggap sebagai antara kuasa di dalam negara Asia yang boleh menguasai baik dari segi ekonomi, dari segi teknologi dan sebagainya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap lagi berkenaan dengan Dewan Negara kerana kita tahu Dewan Negara adalah Dewan Senat bagi Persekutuan Malaysia. Ia bertindak sebagai dewan perwakilan rakyat yang tertinggi di Malaysia. Tugas Dewan Negara adalah mengkaji semula dan meluluskan rang undang-undang yang dibawa naik oleh Dewan Rakyat.

#### ■ 1600

Kedua-dua Dewan perlu meluluskan rang undang-undang yang dibuat sebelum akhirnya dihantar kepada yang di-Pertuan Agong untuk perkenan Baginda. Dewan Negara mempunyai kuasa untuk menolak dan membatalkan sebarang rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang memerlukan kelebihan suara majoriti dua per tiga dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat pada bacaan kali yang kedua dan juga kali ketiga. Kuasa veto yang dipunyai oleh Dewan Negara berkenaan rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah diperuntukkan di bawah Artikel 68(5), Perlembagaan Persekutuan.

Sungguhpun demikian Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara dinamik di bawah pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab, transformasi yang diperlukan dalam mengukuhkan institusi Dewan Negara ini dan bukan memansuhkan, saya yakin Ahli-ahli di Dewan yang mulia ini ingin mengetahui apakah pelan tindakan kerajaan dalam memperkasa dan memastikan kelangsungan Dewan Negara yang akan memperbaiki *check and balance*, dengan izin, sistem pentadbiran negara dan menyuburkan lagi sistem demokrasi di negara ini. Jadi, itulah antara ulasan berkenaan kepentingan Dewan Negara terhadap sistem pemerintahan di dalam negara kita. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada topik saya yang seterusnya berkenaan dengan prestasi perdagangan dan perindustrian negara. Sebab kalau kita bercakap terlalu lama sangat pun topik berkenaan dengan Karpal Singh ini saya rasa dia tidak akan boleh membangunkan negara sebab dia pun tidak berkuat hendak bangun.

Jadi, saya hendak bercakap tentang prestasi perdagangan dan perindustrian negara. Dalam usaha untuk kita memacu ekonomi negara ke arah sebuah ekonomi yang berpendapatan tinggi, usaha secara berterusan perlu sentiasa difikirkan dan dilaksanakan. Organisasi ekonomi dalam negara mesti mampu meningkatkan daya saing melalui pencapaian produktiviti yang tinggi yang disertai berkemampuan menghasilkan barang dan perkhidmatan yang bermutu, mampu mengatasi mutu barang dan perdagangan negara lain.

#### *[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

Taraf produktiviti yang tinggi dan menghasilkan barang dan perkhidmatan bermutu memungkinkan negara berperanan secara berkesan di peringkat perdagangan antarabangsa. Ada beberapa faktor penting dalam mempengaruhi prestasi bermutu dapat dihasilkan oleh sesebuah organisasi.

Pertama, mutu kepimpinan sesebuah organisasi bermula jaya atau mundurnya sesebuah organisasi berkait rapat dengan kelayakan pemimpin. Pemimpin seharusnya menganggap peluang untuk memimpin sebuah organisasi itu sebagai satu amanah untuk menerajui organisasi mencapai taraf paling cemerlang. Faktor kedua ialah sikap, akhlak dan juga kemahiran pekerja. Pekerja sebagai tonggak sesuatu organisasi perlu mempunyai sikap yang positif terhadap tugas yang diamanahkan.

Faktor ketiga adalah struktur penyusunan organisasi. Jika penstrukturan organisasi disusun menepati bidang tugas dan matlamat yang hendak dicapai oleh organisasi, prestasi organisasi akan mudah menghasilkan matlamat organisasi. Mengambil kira faktor-faktor yang disebutkan sebentar tadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah di atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pada tahun 2012 dalam memastikan tahap perdagangan dan industri negara sentiasa dalam keadaan optimum.

Antara usaha yang dibuat oleh pihak kementerian adalah dengan menandatangani dua perjanjian FTA iaitu *Malaysia-Chile Free Trade Agreement*, MCFTA dan *Malaysia-Australia Free Trade Agreement* (MAFTA). Selain itu, dua FTA yang telah bakal disambung rundingannya adalah *The European Free Trade Association* (EFTA), *Free Trade Agreement* (MEFTA) dan *Regional Economic Comprehensive Partnership* (RCEP) yang dianggotai oleh ASEAN, China, Jepun, South Korea, Australia, New Zealand, India.

Perjanjian yang masih di dalam peringkat rundingan pula ialah *Malaysia-European Union Free Trade Agreement* (MEUFTA), *Malaysia-Turkey Free Trade Agreement* (MTFTA) dan *Trans-Pacific Partnership* (TPP) yang banyak diperkatakan di dalam Dewan pada kali ini. Kesemua perjanjian perdagangan ini dijangka meningkatkan *market access*, dengan izin, produk keluaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon pihak kementerian dalam memberikan lebih pemahaman mengenai usaha-usaha yang dijalankan dan bakal dijalankan untuk memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini. Impak setakat ini dari segi perdagangan yakni pelaburan jika ada dan perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani dan bakal dirundingkan. Adakah ini akan turut membabitkan pengurangan kadar pengangguran dan sekali gus meningkatkan pendapatan isi rumah di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha-usaha yang dibuat oleh kementerian dalam menerokai sektor perdagangan yang baru, keprihatinan kementerian dalam menurunkan harga kereta juga perlu diberi perhatian. Seperti yang Ahli-ahli Dewan ini sedia maklum, pemilikan kenderaan yang berkualiti melibatkan perbuatan *fuel efficiency* iaitu, dengan izin, perkhidmatan *after sales* dan *resales value*, dengan izin. Berulang kali kementerian telah mengatakan bahawa pengambilan untung yang tinggi oleh pengeluar merupakan salah satu faktor utama harga kereta popular tempatan lebih mahal berbanding negara-negara lain di rantau ini. Bukan disebabkan duti eksais semata-mata. Kerajaan tidak boleh dengan mengelakkan kemasukan lebih banyak jenama baru untuk mengurangkan kadar pengambilan untung berkenaan.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, adakah Proton dan Perodua mempunyai strategi dalam menghasilkan kenderaan-kenderaan mewah setanding dengan jenama-jenama terkenal dari Eropah, Jepun dan juga Korea. Jika ada, saya mohon untuk dinyatakan secara ringkas di dalam Dewan yang mulia ini. Jika tiada, apakah faktor-faktor yang menghalang pengeluaran kenderaan-kenderaan mewah tersebut oleh Proton dan juga Perodua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara seterusnya yang ingin saya sentuh adalah mengenai prestasi perkhidmatan awam kerana perkhidmatan awam adalah nadi dan tunjang kepada pengurusan negara. Titah Yang di-Pertuan Agong menekankan bahawa perkhidmatan awam telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pelbagai program transformasi kerajaan, ekonomi, politik dan juga sosial, penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan awam yang cepat, tepat, berintegriti dan perlu diteruskan.

Dengan penubuhan satu *1Malaysia One-Call Centre* atau lebih dikenali dengan 1MOCC adalah inisiatif kerajaan yang merupakan pusat panggilan setempat yang beroperasi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, untuk menjawab pertanyaan, aduan, cadangan dan maklum balas rakyat melalui panggilan telefon, sistem pesanan ringkas, SMS, faks, e-mel, media sosial. Usaha ini bagi saya amat memberikan impak kepada penyampaian perkhidmatan awam secara langsung kepada rakyat.

Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, dari hari diwujudkan 1MOCC ini, berapakah jumlah pertanyaan, aduan, cadangan dan maklum balas rakyat yang diterima dari pelbagai sumber komunikasi. Berapakah jumlah yang telah berjaya diselesaikan. Berapakah jumlah yang tidak berjaya diselesaikan dan bagaimanakah peranan 1MOCC ini diselaraskan dengan Biro Pengaduan Awam iaitu BPA dan adakah prestasi penyampaian perkhidmatan awam berjaya benar-benar ditingkatkan?

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai kajian telah dijalankan dalam memotivasi penjawat awam yang saya percaya amat berkait rapat dengan prestasi perkhidmatan awam itu sendiri. Saya yakin Perdana Menteri memandang berat perkara ini dan antara faktor meningkatkan motivasi penjawat awam itu adalah apabila diberikan bonus oleh kerajaan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, motivasi yang ingin saya nyatakan di sini bukanlah hanya semata-mata dari segi pemberian bonus tetapi lebih kepada latihan-latihan yang dijalani oleh penjawat awam itu sendiri dan meningkatkan prestasi kerja.

Pelbagai bentuk latihan sama ada dalaman atau luaran digalakkan oleh kerajaan terutama sekali yang berkait rapat dengan meningkatkan taraf akademik penjawat awam itu. Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, berapakah jumlah peruntukan yang disediakan melalui hadiah latihan Persekutuan iaitu HLP setiap tahun kepada penjawat awam. Adakah apabila penjawat awam itu telah tamat pengajian, ditempatkan di agensi-agensi kerajaan yang berkaitan jurusan yang dipelajari. Saya difahamkan bahawa ada sesetengah penjawat awam yang terpaksa berkhidmat di agensi-agensi kerajaan yang mereka sendiri tiada kemahiran atau pengetahuan yang berkaitan. Ini pasti sedikit sebanyak menguji tahap motivasi penjawat awam tersebut dan seterusnya menjelaskan tahap penyampaian perkhidmatan awam.

Di sini juga saya ingin bertanya, adakah kerajaan berhasrat untuk menaikkan gred perjawatan penjawat awam tersebut selari dengan kelulusan yang ada seperti mana yang dilakukan kepada penjawat awam di dalam bidang akademik.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali bila tak bercakap tentang modal insan, pastinya saya rasa tak habis teks ini untuk dibaca. Jadi, dengan itu kita tahu belia adalah di antara yang boleh dijadikan contoh untuk sebuah negara. Tanpa belia, maka pembangunan untuk sesebuah negara tidak akan berjalan atau berkembang dengan baiknya. Maka dengan itu, pembentukan dan pembangunan belia adalah merupakan satu pelaburan yang penting demi menyambung serta mewarisi sesebuah negara di masa hadapan. Maka, dengan itu program yang menjurus serta melibatkan belia adalah merupakan satu pelaburan jangka masa panjang dan ia adalah merupakan pelaburan yang serius dalam sosiopolitik dan sosioekonomi negara.

#### ■ 1610

Sehubungan itu, penubuhan Yayasan Usahawan Baru dan Dana Usahawan Muda adalah amat dialu-alukan. Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah penubuhan yayasan dan dana tersebut menggantikan Tabung Usahawan Siswazah iaitu TUS, jika tidak apakah prestasi terkini tabung tersebut dari segi promosi, pengagihan dan jenis perniagaan yang dijalankan. Ini kerana kita tahu ramai juga di antara Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap tentang pembangunan belia bukan sahaja di peringkat tertinggi tetapi juga di peringkat luar bandar. Jadi kita mohon kepada pihak kementerian supaya dapat menyelaraskan kembali dari segi bantuan untuk pembangunan program dan juga pembangunan belia di peringkat kawasan-kawasan di luar bandar kerana kita tahu kalau kita lihat dari segi pengurusan pejabat belia itu sendiri baik di peringkat daerah atau peringkat negeri, harus dikaji semula oleh kementerian.

Jadikanlah mereka yang duduk di jabatan itu seorang yang benar-benar memahami tentang kehendak belia di peringkat setempat. Sebagai contoh saya berikan di tempat saya sendiri, di kawasan saya, di kawasan Alor Gajah ada dua kawasan Parlimen iaitu Parlimen Alor Gajah dan juga Parlimen Masjid Tanah. Di sana ada satu pejabat belia daerah di mana pegawainya cuma ada empat orang, empat orang pegawai belia hendak menyelaras hampir seratus lebih cawangan-cawangan yang telah ada persatuan-persatuan belia. Bayangkan empat orang pegawai untuk menyelaraskan, sudah pasti tidak boleh. Perkara ini saya sudah cakap pada tahun lepas tetapi masih lagi tidak ada apa-apa tindakan yang dilakukan oleh pihak kementerian untuk menyelaraskan semula tentang pembangunan belia di peringkat luar bandar ini.

Sampai ke hari ini, saya tidak nampak langsung perkembangan sebab bila saya balik kampung, belia di kampung saya sama juga keadaannya. Bila saya balik, tidak ada lain, Yang Berhormat ada peruntukan, tolonglah kami sedikit, kami hendak program. Yang Berhormat ada peruntukankah? Tidak larat saya hendak layan, bukan tidak boleh, bukan tidak mampu tetapi sampai bila. Sedangkan kalau dulu seperti kata Yang Berhormat Datuk Noriah sebentar tadi, diminta kalau boleh dikembalikan balik peruntukan untuk persatuan belia ini. Jangan lagi dibiarkan persatuan belia ini terus tergantung begitu rupa. Jadi dari segi pemantauan, saya rasa pihak kementerian boleh menyusun atur semula.

Kita lihat balik bagaimana kita mengolah para belia ini supaya mereka boleh menjadi seorang belia yang bakal menerajui kepimpinan negara baik dari segi aspek apa sahaja sekalipun kerana kalau kita tengok kalau dibiarkan terus, apa yang saya nampak di kawasan saya sendiri, persatuan-persatuan belia sudah mula tidak bermaya sebab mereka tidak boleh hendak bergerak, mereka tidak boleh melakukan program-program tertentu baik dalam pembentukan masyarakat dan sebagainya kerana mereka tidak ada bantuan pengupayaan, bantuan penyelarasan, bantuan untuk menyelaraskan program dan sebagainya.

Jadi sebab itu kadang-kadang, Ahli Parlimen di kawasan itu, Yang Berhormat di dalam DUN itu pun kadang-kadang tidak sanggup. Tidak sanggup bukan sebab apa, tidak berkemampuan untuk membantu mereka-mereka ini sebab bukan mereka tidak mahu

menyayangi rakyat, bukan mereka tidak mahu untuk memastikan belia di kawasan mereka sentiasa terbelia dan menjadi seorang belia yang begitu baik. Akan tetapi kadang-kadang terkekang disebabkan oleh sesuatu keadaan terutamanya yang melibatkan bantuan pengupayaan untuk program-program tersebut.

Jadi kita minta kepada Menteri kita yang baru ini yang kita tahu memang sayangkan orang-orang muda, sayangkan belia, jadi minta balik, wujudkanlah beberapa perkara. Seperti dulu saya pernah merasa di setiap DUN kita ada kelab, yang dulu pernah ada di bawah Dato' Azalina untuk peringkat DUN, untuk peruntukan di peringkat DUN dan setiap peringkat cawangan juga kita diberi peruntukan tahunan.

Itu sebab, dulu jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian, dia kata sebab penyalarasan dari segi peruntukan terpaksa diberhentikan sebab ada penyalahgunaan katanya. Jadi saya juga ada mencadangkan dulu, bagaimana untuk setiap tahun berikut sebelum sampai ke tahun tersebut, kita arahkan persatuan belia rangka aktiviti mereka untuk tahun hadapan, bermaksud mereka ada kalender-kalender mereka dari segi program, diolah sendiri dan diperiksa oleh Jabatan Belia Daerah. Kemudian kalau tengok program itu relevan, maka diberikanlah kelulusan peruntukan dan sebagainya untuk mereka menjalankan program-program mereka, itu berkenaan dengan belia.

Kita tahu juga kebelakangan ini, kita sudah lepas daripada pilihan raya kecil di Besut, kita masih lagi dengar suara-suara orang memperlekehkan SPR. Saya pun tidak tahu lah, SPR ini salah di mana lagi, saya pun tidak faham. Hari-hari cerita fasal dakwat, hari-hari cerita dakwat, dakwat, dakwat. Saya tidak tahu kenapa kita ini negara yang sudah maju, kita ada sistem yang begitu baik dari segi biometrik dan sebagainya dan kita juga mempunyai satu sistem pendaftaran pengundi yang antara terbaik di dunia tetapi kita bertekak, kita memperlekehkan SPR hanya kerana setabung dakwat, saya pun tidak faham kenapa.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya mencelah.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya rasa kerana tidak ada benda lain yang hendak dikritik, itulah ia semata-mata kerana kekurangan modal. Bila kurang modal maka lari ke jalan raya. Itu pandangan sayalah, bagaimana pandangan Yang Berhormat, kurang modal.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Saya setuju, memang kadang-kadang bila orang yang kurang modal, dia hendak cari modal, dia terpaksa buat sahaja modal apa yang sepatutnya dulu supaya dia mendapat modal yang baru tetapi itulah keadaannya. Saya kadang-kadang kasihan sebab SPR sudah melakukan sesuatu...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Yang Berhormat, boleh mencelah sedikit?

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Aiyo, ini *my brother*, okey.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Siapa yang kurang modal Yang Berhormat? Boleh beritahu siapa yang kurang modal?

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Okey, kita kena teruskan sebab masa ini, *it's okay* Dato' Nalla, nanti fasal modal dan sebagainya kita boleh berbincang dengan Dato' Firdaus. Jadi saya setuju dengan pandangan kedua-dua Ahli Yang Berhormat.

Jadi waima apa pun keadaannya sebab bukan apa, saya tengok SPR ini kan, ia dah menjalankan 12 pilihan raya, yang lepas pilihan raya yang ketiga belas tetapi bila kita membuat penambahbaikan dari segi SPR, kita ada sepuluh tuntutan dulu kalau tidak salah saya dalam kuasa Parlimen. Jadi lapan tuntutan sudah pun diselaraskan oleh kerajaan termasuk dengan dakwat. Dalam panel tersebut ataupun Jawatankuasa Pembaikan Sistem Pilihan Raya, ada juga wakil-wakil bukan sahaja daripada pihak kerajaan tetapi pembangkang pun ada.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Mohon mencelah Yang Berhormat.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Akan tetapi kenapa dipertikaikan. Sila, sila.

**Dato' Muhammad Olian bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kita ini hendak melaksanakan sesuatu sistem ataupun hendak mengendalikan pilihan raya umpamanya macam penggunaan dakwat kekal. Disebabkan oleh ada permintaan daripada satu puak yang mana kita tahu bahawa penggunaan dakwat kekal ini adalah digunakan di negara-negara yang tidak mempunyai sistem pendaftaran pengundi yang baik. Sedangkan di negara kita, kita mempunyai sistem pendaftaran pengundi yang baik dan kita mempunyai kad pengenalan setiap pengundi, jadi tidak mungkin berlaku pengundian dua kali. Jadi oleh sebab

itu, apa pandangan Yang Berhormat? Maknanya kerajaan tidak boleh, tidak semestinya kita melayan kerenah-kerenah pembangkang yang tidak memberikan kebaikan kepada kita. Apa komen Yang Berhormat?

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Olian. Betul, saya setuju sebab sebenarnya penggunaan dakwat kekal ini kalau kita tengok untuk negara-negara seperti mana kata Yang Berhormat tadi. Maksudnya dari segi rakyatnya masih lagi tidak berdaftar di bawah satu sistem yang terbaik. Jadi kerana itu, untuk mengelakkan dari segi permasalahan semasa mengundi, jadi digunakan dakwat kekal. Saya hendak beritahu, kita bercakap tentang orang bercakap tetapi saya hendak bercakap tentang apa yang saya hendak cakap sekarang.

Fasal dakwat kekal ini, saya juga antara pengundi yang berdaftar di Malaysia. Bila saya dicalit dengan dakwat itu, memang saya tiap-tiap hari mandi sehari dua tiga kali, dakwat itu seminggu baru hilang, seminggu di tangan saya baru hilang.

Jadi saya tidak faham kenapa ada persoalan yang timbul hanya sekadar cakap-cakap dan untuk memperlekehkan SPR sampai SPR diperlekehkan di dalam Dewan Rakyat oleh Yang Berhormat Rafizi dan bila dicabar oleh Tan Sri Penggerusi dan Timbalan Penggerusi untuk menyatakan pendirian beliau di luar Dewan, beliau tidak berani pula hendak bercakap. Akan tetapi di dalam Dewan iaitu dalam Dewan Rakyat, beliau mengatakan bahawa ada perkara yang di sekongkol oleh penggerusi dan timbalan penggerusi terhadap pembekal dakwat, jadi ini saya tidak faham. Jadi saya rasa kita kurang-kurangkanlah tentang isu masalah ataupun perkara-perkara yang melibatkan SPR terutama yang berkenaan dengan dakwat-dakwat ini sebab pada saya itu tidak membantu untuk peningkatan dan tidak membolehkan apa pun untuk pembangunan kita dari segi prospek-prospek tertentu sebab kalau dikatakan penggunaan dakwat itu boleh menjadikan Kerajaan Barisan Nasional mendapat 2/3 majoriti dalam Dewan Rakyat, pun tidak.

Kalau kita lihat, kita tengok ada beberapa negeri yang dikuasai oleh pembangkang, adakah ini bukan kerja SPR? Ada juga 89 Ahli Parlimen di dalam Dewan Rakyat, ini bukan kerja SPR kah? Kalau bukan kerja SPR, kerja siapa yang membolehkan mereka ini menjadi Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Rakyat. Jadi kalau hari-hari kita hendak bercakap tentang SPR, saya rasakan rakyat akan menjadi bertambah bosan sebab kita tidak menunjukkan kepada rakyat kita sebagai wakil yang dipilih menjalankan tugas dan tanggungjawab kita di peringkat kawasan-kawasan yang telah kita wakili. Kerja kita buat ceramah mengadu domba dan mengatakan segala-galanya permasalahan itu berlaku datangnya daripada kerajaan iaitu Kerajaan Barisan Nasional.

## ■ 1620

Apakah kita daripada parti-parti yang lain ini baik sangat? Adakah kita ini daripada parti-parti yang lain langsung tidak melakukan apa-apa permasalahan di dalam konteks menjalin ataupun mentadbir rakyat? Pastinya berlaku. Kadang-kadang mengakulah kesalahan dan kesilapan. Tidak perlulah setiap apa yang kita hendak buat, kalau salah sedikit, ini pandangan peribadi saya. Saya bukan wakil rakyat, saya pandangan peribadi. Kalau kita buat salah sedikit. Ini kerja UMNO.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Mencelah sedikit ya.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Sila.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Majoriti yang terbesar di seluruh negara ialah Teresa Kok daripada pembangkang. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Itu pasal dia diam sebab dia dapat banyak. Cuba dia dapat kurang sedikit, dia mesti cakap. Ada sahaja yang tidak betul tentang SPR. Akan tetapi tidak perlulah lagi kita hendak bercakap baik di luar sana, di dalam *blog*, di dalam media dan sebagainya kononnya kita cuba mencari publisiti hendak menunjukkan kononnya kita yang terlalu telus dan begitu baik di dalam menjalankan sesuatu keadaan. Jangan sesekalilah. Kita elakkkan itu sebab saya rasa selama 13 pilihan raya sudah berlaku, SPR pada saya kita di dalam Dewan ini saya mintalah kita berilah satu ucapan tahniah kepada SPR kerana telah berjaya menjalankan tugas yang sebeginu baik terhadap kerajaan kita selama ini [Tepuk] Tidak salah untuk kita cakap itu tetapi mereka tidak pernah cakap. Tidak apalah, terpulang kepada mereka sebab apa yang penting, kita tahu SPR sentiasa menjelaskan tugas mereka dengan begitu baik dan sebagainya.

Lagi satu saya hendak tanya juga serba sedikit, kena bercakap jugalah tentang orang cakap pasal agama-agama ini hendak juga masuk-masuk sedikit sebab kita kena sambil-sambil itu kita bercakap. Baru-baru ini, kita tahu Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa bahawa *shisha* itu adalah haram. Okey, menghisap *shisha* adalah haram. Okey, *fine*. Itu bukannya undang-undang tetapi adalah fatwa daripada Persatuan Ulama' kita.

Jadi, di sini saya hendak tahu lah peranan kerajaan bila fatwa ini telah dikeluarkan. Kita di Malaysia agama rasmi kita adalah agama Islam. Bagaimanakah penguatkuasaan ini boleh dilakukan terhadap penggunaan *shisha* ini terutamanya di kedai-kedai mamak, di restoran-restoran dan sebagainya? Sebab saya merasakan bila fatwa telah keluar, kita pengamal terbesar agama Islam di dalam negara kita.

Jadi, kita minta Jabatan Agama Islam baik PBT, Majlis Agama Islam dan juga Kementerian Kesihatan mungkin boleh duduk berunding melihat bagaimana perundangan ini perlu diolah untuk memastikan bahawa penggunaan *shisha* ini tidak lagi berlaku di dalam negara kita sebab sekarang ini tidak ada undang-undang, tidak ada akta, dan tidak ada penguatkuasaan yang dilakukan. Cuma yang berlaku sekarang fatwa. Fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Jadi, yang ini saya sarankanlah kepada kerajaan supaya perkara ini diambil perhatian. Kalau sudah dikatakan *shisha* ini memang memudaratkan, maka dengan itu eloklah diolah satu undang-undang ataupun akta untuk membolehkan supaya perkara ini tidak menjadi lagi amalan untuk rakyat kita di masa akan datang.

Jadi, untuk perkara seterusnya ...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Boleh saya celah sedikit? Tambahan.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Silakan Yang Berhormat. Saya kalau Yang Berhormat tidak mencelah, tidak boleh.

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin menambah sedikit bahwasanya kita di Kelantan telah sekian lama mensyaratkan melarang penjualan *shisha* di premis-premis perniagaan di Kelantan dan kita tidak pernah melesenkan *shisha* di Kelantan. *Alhamdulillah*, dengan fatwa yang dikeluarkan itu selaras dengan apa yang telah dibuat di Kelantan selama ini, *alhamdulillah*.

**Tuan Baharudin bin Abu Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, saya rasa kalau katakan di Kelantan ada modul yang terbaik, apa salahnya bak kata Datuk Yusuf tadi pun, kalau perkara yang baik beliau juga akan menyokong Barisan Nasional. Akan tetapi kalau untuk perpaduan ummah, untuk agama kita sendiri, saya rasa tidak salah. Kalau Kelantan ada modul yang baik, mungkin boleh dipersembahkan kepada kerajaan dan mungkin boleh diolah untuk memastikan bahawa fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan ini dapat diselaraskan dan dapat dikuasakan daripada segi perundangannya macam mana.

Sebab kita selalu bila pergi di luar kadang-kadang memang betul penghisap *shisha* ini kadang-kadang mengganggu juga. Bila kita duduk meja sebelah kadang-kadang asap dia terlalu banyak dan sebagainya. Walaupun saya sebagai seorang perokok saya pun tidak selesa keadaan *shisha* ini. Ya, mungkin boleh. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat.

Seterusnya, dalam masa yang sama berkenaan dengan yang melibatkan juga kegunaan daripada segi rakyat terutamanya. Kita pun hendak menjelang hari raya ini. Jadi, kita minta juga daripada Kementerian Pengguna supaya pastikan pemantauan daripada segi harga-harga barang pengguna kita sentiasa dikawal dan dipastikan supaya rakyat tidak teraniaya. Ini disebabkan kalau berlakunya kadang-kadang kesempatan yang diambil oleh pemberong atau peniaga-peniaga tertentu di dalam menaikkan harga barang di musim perayaan ini memang berlaku. Ada kawasan-kawasan tertentu sudah pun berlaku. Jadi kita minta penguatkuasaan dan juga perundangan itu diambil kira dan diperketat oleh kementerian untuk memastikan terutamanya orang-orang Islam bila menyambut hari raya ini tidak menyambut hari raya dengan masalah hutang.

Itu yang paling penting yang kita minta sangat daripada kementerian. Pastikan pemantauan tersebut bukan sahaja berlaku untuk musim perayaan hari raya sahaja. Kalau boleh biarlah berterusan terutamanya barang-barang kawalan tersebut. Itu yang perlu diberi perhatian terutamanya untuk rakyat sebab kita tidak mahu rakyat kita di luar sana sentiasa sahaja teraniaya disebabkan oleh golongan-golongan tertentu yang cuba mengambil kesempatan di dalam masa-masa yang tertentu. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya

sebenarnya sudah kering, tidak boleh bercakap banyak lagi sebab makin lama makin kering. Jadi, saya dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya sudah habis olahan saya.

Cuma, di sini saya ingin mengambil kesempatan. Saya menyokong Titah Tuanku untuk sesi Parlimen Ketiga Belas. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah. Sebelum Yang Berhormat berucap, saya amat gembira melihat masih ramai Ahli Yang Berhormat ada dalam Dewan. Inilah semangat yang saya harapkan.

Kita hanya ada lapan hari sahaja bersidang dan inilah peluang dan rakyat di sana melihat betapa seriusnya setiap hari Yang Berhormat duduk dalam Dewan, betul-betul memainkan peranan sebagai Yang Berhormat dilantik sebagai seorang Senator. Tanpa buang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Silakan.

#### 4.27 ptg

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk turut serta mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Tuanku. Saya akan bekerjasama dengan Tuan Yang di-Pertua supaya tidak tarik banyak masa. Akan tetapi ada lebih kurang tiga atau empat perkara yang / perlu sentuh dan / perlu bawa ke perhatian kementerian berkenaan.

Pertama sekali isu mengenai Sekolah Kebangsaan Seri Pristana di Sungai Buloh. Saya sedar isu mengenai kantin Sekolah Pristana. Saya sedar kenyataan yang dibuat oleh Timbalan Menteri melalui akhbar bahawa isu ini telah diselesaikan di mana anak murid di sekolah tersebut tidak payah lagi pakai bilik persalinan tetapi sudah balik ke kantin asal. Akan tetapi saya masih berpendapat bahawa masih perlu satu penyiasatan pasal apa yang diberitahu oleh Timbalan Menteri Pendidikan dan juga guru besar, bercanggah dengan apa yang dimaklumkan oleh ibu bapa.

Pertama sekali berkenaan dengan bila benda ini berlaku? Menurut guru besar dan Timbalan Menteri, kantin ditutup mulai bulan Mac dan terpaksa pakai bilik persalinan. Akan tetapi mengikut ibu bapa, bukan satu dua orang tetapi berpuluhan ibu bapa, mereka memberitahu bahawa kantin itu hanya tutup pada awal bulan Ramadhan. Ini bercanggah. So, saya rasa perlu satu penyiasatan.

Kedua, alasan yang diberi. Alasan yang diberi oleh guru besar ialah kantin terpaksa tutup kerana hendak buat kerja-kerja *renovation*. Apa yang kita dapat tahu ialah *renovation* yang dilakukan hanya hendak pasang satu pintu kaca. Tidak akan hendak pasang pintu kaca ini perlu masa lima bulan dari bulan tiga sampai hari Selasa lepas. Pada saya tidak masuk akallah kalau lima bulan hanya hendak pasang satu kaca.

Pada saya, saya tidak hendak bangkit isu niat guru besar atau niat sekolah. Bukan tujuan saya. Bukan daripada segi isu agama, menghina agama lain, bukan isu saya. Isu saya adalah mengenai tempat yang dipilih. Kalau betul hendak buat *renovation*, tempat yang dipilih sebagai tempat ganti kantin itu, tidak sesuai. Pada saya tidak sesuai. Saya tidak soal niat guru besar atau niat pentadbiran sekolah atau integriti guru besar.

#### ■ 1630

Apa yang saya soal ialah *judgment* dia sebagai seorang guru besar. Dia sepatutnya pilih satu tempat yang lebih sesuai. Di sini saya juga ingin mengatakan kalau betul apa yang Timbalan Menteri Pelajaran beritahu bahawa kantin ini tutup kerana kekurangan tempat akibat dari penambahan murid, ini mempermalarkan kelemahan bagi pihak kementerian. Dari bulan Januari sehingga sekarang macam mana kementerian pun tidak tahu bahawa tidak cukup kemudahan di sekolah tersebut. Kalau kita baca dalam repot-repot tidak ada apa-apa yang menyatakan bahawa sekolah tersebut sama ada guru besar atau pentadbiran sekolah telah membawa perkara ini ke perhatian kementerian. Pada saya kementerian masih perlu menjalankan satu siasatan.

Kalau tidak ada ianya akan dianggap sebagai satu *cover-up*. Pada saya perlu dijalankan satu siasatan dan hasil siasatan perlu diumumkan secara *public*. Ini kerana kalau kita tengok persepsi, kita baca mana-mana, persepsi orang awam sekarang dan persepsi ibu bapa, jawapan Menteri atau pun keterangan yang diberi oleh Timbalan Menteri Pelajaran dianggap

sebagai satu *cover-up* pada saya. So, untuk mengelakkan tuduhan sedemikian, saya memohon kepada Kementerian Pelajaran untuk menjalankan satu siasatan yang dalam dan mengumumkan hasil siasatan itu. Sekiranya dalam siasatan itu terdapat mana-mana pihak yang salah *then* tindakan yang wajar perlu diambil. Itu isu yang pertama. Saya cuma hendak ringkas-ringkas kerana kesuntukan masa.

Isu yang kedua adalah isu MAIKA Holdings yang pernah dibangkit Dato' Jaspal Singh dua hari yang lalu. Pada saya isu MAIKA Holdings ini adalah satu isu yang penting. Dia bukan satu isu yang hanya melibatkan kaum India sahaja. Ini melibatkan seramai 66,000 pemegang saham dan juga melibatkan satu parti anggota Barisan Nasional. Biar saya jelaskan. Semasa *buy out*, isu MAIKA Holdings bermula 25 tahun dahulu di mana seramai 66,000 pemegang saham dipujuk untuk membeli saham dalam MAIKA Holdings. Mereka beli.

Selepas 25 tahun masih tiada pulangan, tidak ada apa-apa. Pada mulanya dia dipujuk dengan bermacam-macam janji bahawa dia akan dapat menambah taraf kehidupan dan sebagainya.

Akan tetapi sehingga tahun 2010, kalau tidak salah pada bulan Jun 2010, masih tidak ada apa-apa. Duit yang dia labur itu macam itu juga. Tidak ada apa-apa faedah kecuali satu atau dua *bonus shares*. Apa yang berlaku pada bulan Jun, satu *Special Purpose Vehicle* ditubuhkan *G Team* untuk membeli balik saham ini. *G Team* ini menawarkan pada masa itu 80 sen untuk membeli balik saham itu *and* semua orang dipujuk jual pada masa itu oleh parti MIC, dipujuk jual balik saham itu kepada *G Team*. *G Team* pun beli. Orang pada masa itu pun cakap kenapa saya beli dengan harga 80 sen bila saya melabur dengan harga RM1? *G Team* beli balik saham ini mengeluarkan modal dia sebanyak RM103 *million* pada masa itu.

Akan tetapi pada masa yang sama *G Team* melalui akhbar secara terbuka memberi satu jaminan kepada pemegang saham MAIKA bahawa selepas aset MAIKA Holdings dijual, selepas diambil duit yang dilabur itu, bakinya akan dipulangkan kepada pemegang saham MICA. Apa yang berlaku pada bulan April 2013 ialah MAIKA Holdings ada dua aset. Satu aset ialah Oriental Assurance dan lagi satu adalah Ladang Tumbuh. Kedua-dua aset ini telah dijual. Oriental Assurance dijual dengan harga RM153 *million*. Di situ juga, *G Team* sudah untung RM50 juta. Ladang Tumbuh pun sudah dijual tetapi / tidak tahu dengan berapa harga dia jual. Kalau kita ambil...

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh celah? Cakap itu tidak ada dalam Titah Ucapan. Keluar tajuk.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Kalau kita tengok Titah Ucapan, pelbagai isu yang liputi oleh Tuanku termasuk ekonomi, termasuk hendak mengeratkan perhubungan. *First issue* yang / sentuh tadi ialah mengeratkan perhubungan. Ini berkenaan dengan ekonomi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Akan tetapi saham tidak ada.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** / tidak bagi jalan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Saham tidak ada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana kita semua sedia maklum bahawa MAIKA Holdings ini tergulung dalam masalah MIC. Perkara ini apabila kita membahaskan Titah Diraja kita boleh menyentuh perkara yang melibatkan ekonomi dan rakyat. Kita dengar sahajalah. Saya benarkan.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, patuh.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih. Soalan saya ialah bukan apa yang berlaku 25 tahun dahulu. Saya soal perjanjian yang diberi pada bulan Jun 2010 di mana diberi satu perjanjian...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, satu perkara yang saya terfikir kalau Yang Berhormat bangkitkan berkenaan tentang MAIKA Holdings khusus kepada masyarakat India atau MIC, pihak kerajaan tidak terlibat. Siapa hendak jawab nanti bila beri jawapan semasa jawapan Menteri-menteri? Ini kerana bukan bidang kuasa mana-mana kementerian. Oleh itu kalau Yang Berhormat ada masalah MIC cuba ringkaskan dan tidak usah lama sangat. Saya benar bangkitkan itu supaya Yang Berhormat boleh keluarkan sebagai bentuk permasalahan dalam sekumpulan masyarakat di negara ini dalam kaum India.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Tuan Yang di-Pertua, secara *indirect* kerajaan terlibat kerana dahulu kerajaan telah membantu kaum India pada masa itu dengan

memberi saham kepada MAIKA Holdings. Tidak mengapa. Saya cuma ringkaskan. Cuma minta kalau...

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu ini ringkaskan. Selepas itu Yang Berhormat boleh bangkitkan isu lain.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Minta satu siasatan dari mana-mana jabatan berkenaan. Apa yang jadi isu pada saya ialah ucapan Perdana Menteri yang dia minta kaum India supaya memberi ‘nambikei’ kepada dia. Kalau isu ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak siasat, / rasa tidak boleh ‘nambikei’ kepada dia. Itu isu yang kedua.

Isu ketiga yang saya ingin sentuh ialah isu permohonan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk menentukan...

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta laluan sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini ada... [Ketawa] Silakan.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagus, bagus.

**Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai:** “Nambikei” itu apa? Semua orang tidak tahu. Beritahulah apa dia “nambikei”.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Perkataan “nambikei” ertiannya ialah kepercayaan. Dengan apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minta kaum masyarakat India ialah supaya memberi kepercayaan kepadanya. Ini cuma terjemahan perkataan “nambikei”.

Berbalik kepada perkara yang ketiga iaitu isu permohonan dari Pihak Berkuasa Tempatan untuk menubuhkan pasukan polis bantuan khususnya dari MBPJ. MBPJ telah memohon untuk menubuhkan pasukan polis bantuan dengan alasan kadar jenayah meningkat. Saya tidak hendak debat mengenai kadar jenayah kerana menteri akan cakap kadar telah turun, ini isu persepsi dan realiti, dan sebagainya. Akan tetapi apa yang jelas ialah salah satu cara untuk membanteras jenayah ialah dengan menambah bilangan anggota keselamatan termasuk polis bantuan.

Di dalam hal ini, saya pun tidak faham macam mana Ketua Polis Negara dan Kementerian Dalam Negeri tolak permohonan MBPJ. / ingat sudah tiga kali sejak tahun 2009. Pada mulanya alasan yang diberi ialah *overlapped of duties*, maka tidak boleh lulus. Akan tetapi baru-baru ini alasan yang diberi ialah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Saya pun tidak tahu macam mana permohonan untuk menubuhkan satu pasukan polis bantuan boleh bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan sedangkan banyak pemaju diberi kelulusan untuk menubuhkan pasukan polis bantuan dengan izin, *auxiliary police*.

#### ■ 1640

So, saya hendak satu keterangan dari kementerian yang berkenaan, kenapa permohonan MPKJ ini ditolak. Isu yang terakhir ialah isu yang mengenai apa yang saya tuduh *selective prosecution*. Pada saya *selective prosecution* ini kita semua tahu kes Alvin Tan dengan Vivian Lee dengan apa yang dia cakap perbuatan jijik mereka itu semua / tidak mahu sentuh. Apa yang / hendak sentuh ialah tindakan *Attorney General*. Kenapa *Attorney General* ini mengambil sikap *selective prosecution*. Di dalam kes Alvin Tan dan Vivian Lee ini sepatutnya dengan betul dia memulakan caj di mahkamah. Akan tetapi dalam kes Dato' Zulkifli Noordin yang juga menghina agama tidak ada apa-apa tindakan diambil. Dari segi ini saya hendak satu jawapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh tanya soalan itu dalam bentuk berlainan sedikit. Yang Berhormat seorang peguam, saya tahu, so jangan sebut peranan nama seseorang, kedudukan jawatannya, dari segi *Attorney General* boleh...

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan soal dari segi kedudukan spesifiknya fasal dia orang tidak ada dekat sini. Boleh tanya pihak Peguam Negara isu-isu macam ini. Akan tetapi jangan sebut macam fasal Alvin itu sebab kes dalam mahkamah, *sub judice* kalau sekiranya Yang Berhormat teruskan melampaui batasan.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih panduan Tuan Yang di-Pertua. So, apa yang saya pohon adalah apa yang saya nampak sebagai *selective prosecution*,

di mana satu pihak yang menghina agama dengan tindakan itu betul tetapi lagi satu pihak itu tidak ada apa-apa tindakan. Saya harap saya boleh dapat keterangan dalam isu-isu ini. Itu sahaja pada hari ini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingatkan tadi Yang Berhormat ini orang baru hendak cakap panjang, saya sanggup hendak benarkan. Tidak apalah bagus sudah pun selesai bagi Yang Berhormat tadi, sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad. Silakan.

#### 4.42 ptg.

**Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin bersyukur kepada Allah SWT kerana saya dan rakan-rakan dapat sekali lagi kembali ke Dewan yang mulia ini untuk bersidang bagi sesi pembukaan Dewan Negara bagi sesi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ke-13 ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang menaruh harapan dan memberi kepercayaan kepada saya untuk bangun mengambil bahagian berucap dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Begitu juga tahniah kepada pelantikan semula Tuan Yang di-Pertua sebagai Ahli Dewan Negara sekali gus sebagai Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Tahniah juga kepada Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim yang telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri lebih-lebih lagi menjaga hal-ehwal Parlimen.

Kelmarin ramai Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan kebijakan Yang Berhormat Senator berkaitan dengan kebijakan elaun dan peruntukan. Saya yakin kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat semua bersetuju lebih baik kita berjumpa dengan Menteri kita iaitu Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim. Dia tiada dalam ini, bila dia tidak ada saya berani cakap. Saya pun hormat dia, dia Ketua Bahagian saya... [Ketawa] Dia tidak ada dia balik Perlis kot. Kemudian kita buat surat kita jumpa dia, sebab kita ada Majlis Senator-Senator, jumpa dengan dia buat kunjungan hormat menyatakan hasrat kita sebab sebelum ini kita hanya cakap rambang sahaja.

Saya masih ingat lagi dahulu Datuk Norhayati Dato' Onn berjuang habis-habisan setiap kali cakap, akan tetapi sampai hari ini apa pun tidak ada apa-apa. Sudah berapa tahun Datuk Norhayati berhenti, sudah tiga tahun sudah. Jadi tidak berhasil. Jadi kali ini, Datuk Norhayati berjuang bukan kerana menang untuk dia. Kita berjuang bukan untuk kita. Kita berjuang untuk orang yang kemudian dari kita lebih-lebih lagi kalau tempias itu bagi kitalah.

Tuan Yang di-Pertua, sejak hari Isnin, Selasa, Rabu, Khamis, hari ini kebanyakan cakap berkaitan dengan pilihan raya. *Alhamdulillah* selepas pelbagai rintangan dilalui kita berjaya mengharungi Pilihan Raya Ke-13 Mei lalu dengan aman dan tenteram tanpa ada sebarang insiden yang boleh menggugat ketenteraman negara. Selain dari kepercayaan bila ada keputusan diumumkan ada pihak yang tidak senang duduk dengan kemenangan tersebut. Akan tetapi bagi saya biarlah apa pun keputusan tanggungjawab dan peranan kita sebagai warganegara Malaysia perlu diteruskan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Pengerusi Pilihan Raya Kecil (1) Kuala Besut iaitu Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin dan beberapa Ahli Jawatankuasa tersebut Dato' Seri Haji Idris Jusoh dan Dato' Seri Haji Ahmad bin Said yang telah berjaya mempertahankan kerusi di Kuala Besut.

Tuan Yang di-Pertua, bila cakap bab pilihan raya, kita Malaysia ke arah negara maju seperti mana yang dicapai oleh kawan-kawan lain memakai cap jari ataupun sapu dakwat di jari dan sebagainya, itu adalah kaedah-kaedah yang kemungkinan di negara-negara yang kurang maju. Sebab apa, sebab demikian negara-negara maju dia tidak ada daftar pemilih. Bila tidak ada daftar pemilih dia gunakan jari dia sebagai membuktikan dia telah mengundi. Jadi dengan itu saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya meneliti semula bab-bab pilihan raya ini.

Pilihan Raya Umum Ke-13 telah pun berjaya dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya pada 5 Mei 2013 yang lalu. SPR mengumumkan bahawa 84 peratus atau 11, 257,147 daripada 13,368,002 pengundi sudah keluar mengundi bagi 222 Kerusi Dewan Rakyat pada

pilihan raya yang lalu. Dengan peningkatan jumlah peratus undi yang begitu tinggi, ia juga telah meningkatkan jumlah perbelanjaan mengurus Pilihan Raya Umum kali ini.

Perbelanjaan yang tinggi ini bukan sahaja melibatkan SPR malah perbelanjaan yang diguna pakai oleh calon-calon pilihan raya, perbelanjaan paling tinggi adalah merupakan perbelanjaan yang diguna pakai semasa kempen pilihan raya. Justeru itu wujud cadangan bagi mengurangkan kos di dalam kempen pilihan raya menggunakan poster dan bunting digantikan dengan *electronic campaign*.

Tuan Yang di-Pertua, apabila dalam pilihan raya dua minggu dan dalam dua minggu itu banyak sumber-sumber kewangan yang kita guna untuk memastikan bagi kempen pilihan raya tersebut. Contohnya poster-poster, *banners* dan lain-lain cukup banyak dan dalam dua minggu kita buang balik pun menggunakan kos perbelanjaan. Saya yakin perkara ini akan dipersetujui juga oleh kawan-kawan kita di sebelah sana sebab ini kos, melibatkan kos.

Oleh yang demikian, saya berharap pihak SPR atau kerajaan mengkaji semula keadaan ini. Walaupun beberapa negara maju telah menggunakan *internet* sebagai medium untuk berkempen seperti di United Kingdom sejak tahun 2010, negara kita di Malaysia juga tidak terlepas menerima tempias kempen-kempen menggunakan *electronic campaign* seperti media sosial, *facebook*, *twitter* dan juga laman web, *blog* dan sebagainya.

Kempen menggunakan media sosial begini telah pun mula digunakan bagi Pilihan Raya Umum Ke-13 sejajar dengan keadaan pengguna *Facebook* di Malaysia pada tahun 2013 telah pun mencecah tiga juta orang. Malahan di Amerika Syarikat penggunaan *internet* bukan sahaja digunakan untuk berkempen malah untuk mengutip dana bagi kempen pilihan raya Presiden Amerika Syarikat. Contohnya pada tahun 2010 penyokong Presiden Obama telah membuat 350 *online community event* dan membuat berjuta-juta ringgit telefon dan berjaya mengumpulkan USD690 juta. Kesemua ini dikumpulkan hasil daripada kempen melalui video yang dikongsi melalui media sosial bagi *blog* dan laman web mereka.

#### ■ 1650

Di Malaysia sudah ada parti-parti politik yang menggunakan laman web bagi mengumpulkan dana semasa kempen pilihan raya. Contohnya, pada Pilihan Raya Umum Ke-13 sebuah parti mohon sumbang di atas talian yang membantu kempen-kempen mereka. Persoalannya, adakah kerajaan akan membantu undang-undang yang jelas berhubung penerimaan dana melalui kempen di atas talian? Di mana Malaysia masih lagi tiada peruntukan undang-undang mengenai ini. Ini kerana di Amerika Syarikat dan Britain, wang yang diterima sama ada di atas talian ataupun persendirian, peruntukan diisyiharkan kepada badan yang bertanggungjawab berhubung dengan pilihan raya iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya.

Selain itu kempen pilihan raya khususnya di media sosial juga kadangkala membimbangkan tanpa kawalan. Kajian yang dilakukan oleh Junaidi Awang dan Dr. Mohd. Fuad Mat Jali berhubung dengan impak akses *internet* terhadap parti politik pengundi menceritakan pada pilihan raya umum 2008. Berkenaan kempen dengan menggunakan perang siber amat ketara. Peringatan khususnya selepas penamaan calon di dalam PRU 2008 yang lalu fitnah yang kadang kala dikatakan di dalam kempen yang boleh menimbulkan kegusaran. Hubungan di antara kaum ini juga perlu diambil perhatian. Ini kerana sudah sampai masa melihat kempen di atas talian khususnya ketika pilihan raya bagi memastikan pihak baru dan bertanggungjawab mendapat tempat di Malaysia. Ini kerana kita tidak mahu akses seperti mana kes Alvin dan Vivian yang menggunakan media sosial untuk mengganggu gugat keharmonian kaum di Malaysia.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan meminda undang-undang berhubung Akta Pilihan Raya 1958 bagi mengambil kira isu semasa khususnya kempen di atas talian yang menggunakan media elektronik. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan yang dinamakan e-Kempen sebagai wadah baru berkempen di Malaysia sebagai ke arah negara maju Malaysia.

Ada Yang Berhormat cakap bab senjata api, saya pun ingin bercakap bab senjata api. Kebelakangan ini negara kita dikejutkan dengan beberapa kes pembunuhan yang berkaitan dengan senjata api. Mangsa yang terlibat adalah mereka dari ahli perniagaan dan profesional lain. Akan tetapi mangsa senjata api kini tidak lagi mengira siapa. Motif yang dilaporkan dalam akhbar berdasarkan kepada dendam. Upah yang ditawarkan berunsur kewangan. Mereka yang terlibat dalam jenayah terancang, penglibatan terhadap jenayah berkaitan dengan dadah. Malah ia juga menguji kepada sejauh manakah polosnya sempadan atau senang membawa masuk senjata api itu sendiri.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan iaitu adakah Kementerian Dalam Negeri dapat kesan senjata api atau pistol dibawa masuk ikut pintu mana, sama ada jalan darat atau jalan

udara? Kedua, adakah Kementerian Dalam Negeri sudah tahu atau sedar dengan mesin pengimbas yang berada di Kompleks Kastam Padang Besar itu telah rosak sekian lama? Ini boleh menjelaskan kemasukan, barang-barang yang haram mengikut jalan itu sebab mesin pengimbas telah rosak begitu lama. Ketiga, apakah Kementerian Dalam Negeri kenal pasti penembak-penembak upahan ataupun kongsi gelap? Keempat, saya ingin tahu berapakah jumlah kes tembak dalam lima tahun kebelakangan ini? Berapa kes tembak yang telah diselesaikan dan telah dihukum?

Tuan Yang di-Pertua, bab belia. Tadi Yang Berhormat Baharudin bercakap bab belia, saya ingin sentuh sedikit bab belia. Ramai bercakap bahawa belia adalah waris kepimpinan negara. Sikap dan pandangan mereka pada hari ini menentukan kelangsungan Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur pada masa hadapan. Cuma adakah kita pernah bertanya, siapakah belia ini dan apakah mereka mahu?

Apakah cabaran dan masalah yang dihadapi oleh belia di dalam negara kita? Berdasarkan definisi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) belia boleh dikategorikan di kalangan individu yang berumur antara 15 tahun hingga 24 tahun. Agak berbeza di Malaysia iaitu Dasar Belia Negara masih menetapkan bahawa belia berada dalam lingkungan umur 18 tahun hingga 40 tahun.

Bagaimana saya mendapati terhadap usaha untuk menggunakan Dasar Belia Negara yang baru yang menetapkan umur belia dalam lingkungan 18 tahun dan 25 tahun. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik 2012, Jabatan Perangkaan Malaysia populasi belia Malaysia ialah sebanyak 12,015,700 orang yang mana 6.11 juta adalah lelaki dan 5.905 juta adalah wanita. Ini merangkumi 42.5 peratus jumlah populasi Malaysia secara keseluruhannya. Isu hangat yang dibincangkan ini adalah berkenaan isu belia terpinggir. Sekurang-kurangnya terdapat dua bentuk belia terpinggir yang memerlukan perhatian dari pihak kerajaan. Iaitu terpinggir dari segi sosioekonomi dan aspek politik. Dari segi sosioekonomi, mengikut Jabatan Perangkaan lebih kurang 4.5 juta belia Malaysia dari lingkungan umur 15 tahun hingga 25 tahun iaitu 25 peratus daripada jumlah belia negara adalah berada dalam kategori yang bermasalah ataupun terpinggir.

Ramai belia daripada kategori ini berhadapan dengan masalah tidak tamat persekolahan, terbabit dengan aktiviti jenayah, seks rambang, kemiskinan dan luar bandar. Peluang pendidikan dan kesihatan terbatas dan banyak lagi. Belia juga terbeban dengan kos kehidupan yang tinggi khususnya di bandar yang tidak selari dengan pendapatan serta hutang kad kredit. Pinjaman kereta dan pinjaman peribadi yang boleh menyebabkan 120,000 belia menjadi muflis sepanjang tahun 2020. Malah kadar pengangguran di kalangan belia juga agak tinggi meskipun kadar pengangguran negara adalah agak rendah di dalam lingkungan 30 tahun.

Akan tetapi mengikut laporan kaji selidik Tenaga Buruh 2007-2012 oleh Jabatan Perangkaan, pengangguran belia berada dalam trend yang sedang meningkat daripada 10.9 peratus ke 11.3 peratus, antara 2008-2011. Trend ini membimbangkan kerana ia akan memberikan impak kepada negara khususnya dari segi ekonomi dan kebudayaan Malaysia dalam proses globalisasi.

Dari segi aspek politik pula, ramai belia merasa terpinggir kerana suara mereka tidak didengar dan interaksi antara pemimpin dan belia juga agak terbatas. Gerakan masyarakat sivil ataupun pertubuhan bukan kerajaan dalam kalangan belia juga agak perintis atau bergerak atas berdasarkan politik kepartian, tidak bergerak secara bebas sebagai kumpulan pendesak. Media arus perdana juga dilihat memperlekehkan golongan belia sebagai mentah dan darah muda yang sering memberontak, ingin menentang kerajaan. Malah golongan ini juga yang ramai menyertai parti bukan kerajaan tetapi parti-parti sebelah sana oleh kerana menyertai parti pemerintah, khususnya UMNO, MIC, MCA dan lain-lain serta komponen Barisan Nasional dilihat sebagai ancaman kepada pemimpin tempatan. Oleh kerana mereka mahir dengan *internet*, mereka menggunakan media sosial untuk mengkritik kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang pasti Kementerian Belia dan Sukan melalui Menterinya yang baru Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin telah sedar tentang perkara ini. Dalam satu temu bual dengan radio Australia baru-baru ini Yang Berhormat Tuan Khairy Jamaluddin telah berjanji dan lebih usaha untuk mendekati golongan belia ini. Pilihan Raya Umum Ke-13 telah mengajar kerajaan akan kepentingan golongan ini dibela dan dijaga kerana mereka adalah pewaris generasi Malaysia di masa akan datang. Yang Berhormat juga menyuarakan akan membentuk dasar dan program yang bersesuaian dengan minda, pemikiran dan gaya hidup golongan belia bagi membolehkan kerajaan boleh memahami golongan ini mendekati mereka

dan menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Tambah lagi pelan transformasi negara juga telah bersuara khususnya mengutamakan isu belia.

Oleh itu satu desakan Dasar Belia Negara yang lebih komprehensif dan mantap perlu dibentuk selari dengan agenda negara. Saya hendak tahu, apakah hala tuju yang dirangka semula di bawah Yang Berhormat Menteri yang baru ini termasuk program dan hala tuju belia-belia Islam. Jelas bahawa satu kajian menyeluruh perlu dilakukan bagi berhadapan dengan masalah golongan belia yang semakin mendesak. Isu belia ini tidak harus laksanakan oleh KBS sahaja malah perlu digerakkan oleh semua kementerian yang terbabit.

#### ■ 1700

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat makluman ada peruntukan besar daripada KBS bagi mendekati diri belia dengan tujuan untuk menyemarakkan masjid dan surau selain menarik penyertaan golongan muda dalam pelbagai aktiviti keagamaan serta kerohanian di pusat-pusat ibadat.

Malah sekarang ialah kita tidak nampak atau masyarakat tidak nampak apa yang KBS laksanakan. Pada era sekarang kebaikan juga perlu diuar-uarkan supaya rakyat nampak dengan jelas walaupun setiap perkara yang baik adalah antara kita dengan Allah SWT. Namun saya percaya perkara yang baik perlu diuar-uarkan untuk masyarakat supaya melihat bahawa pemimpin Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang prihatin selama-lamanya.

Baru-baru ini dalam laporan akhbar ada menyebut bahawa kira-kira sejuta golongan belia luar bandar menganggur atau tidak mempunyai pekerjaan tetap. Ini adalah angka yang cukup besar dan membimbangkan. Saya hendak tahu setakat manakah KBS atau Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah membantu golongan belia yang menganggur atau tidak mempunyai pekerjaan tersebut. Berdasarkan kajian tersebut kebanyakannya mereka menganggur adalah golongan tercincir dari pelajaran seperti SPM dan STPM yang tidak berpeluang menyambung pelajaran kerana kegagalan dalam pelajaran. Sebahagian daripada itu menganggur adalah bagi membantu keluarga contohnya di luar bandar. Ada belia-belia di luar bandar membantu keluarga seperti di sektor perladangan menyebabkan mereka tidak berpeluang mendapatkan pekerjaan di dalam bandar.

Sebahagian lagi tercincir dalam pelajaran seperti pelajar Tingkatan 3 gagal dalam PMR dan syarikat swasta tidak boleh mengambil mereka bekerja kerana tidak memenuhi syarat-syarat dan kelayakan yang ditetapkan. Kerajaan telah menyediakan beberapa institusi seperti ILP, kolej komuniti, kolej vokasional dan lain-lain. Akan tetapi belia-belia ini tidak dapat kemudahan ataupun tidak berusaha untuk memasuki ke tempat-tempat tersebut. Jadi berharaplah kepada jabatan belia dan pemimpin masyarakat setempat tolong bagi penerangan kepada belia-belia ini ke mana hala tuju mereka supaya jangan mereka melepak dan membuang masa begitu sahaja. Jadi saya hendak tahu apakah pencapaian dalam jawatankuasa induk transformasi luar bandar di bawah program GTP.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada 13 juta belia dari keseluruhan rakyat ini dengan 3.4 juta berada di luar bandar. Dari jumlah itu, 2.4 juta bekerja manakala sejuta lagi tiada pekerjaan. Jadi saya hendak tahu apakah strategi yang membolehkan mereka ini dikenal pasti. Apakah peluang latihan kemahiran dalam bidang bernilai tinggi, membudayakan bidang keusahawanan dan juga kemahiran di peringkat sekolah dan pendekatan secara praktikal dalam latihan. Bagaimana pula program teknologi maklumat dan komunikasi dalam memperluaskan penyebaran maklumat pekerjaan dan memajukan sumber ekonomi luar bandar bagi mewujudkan peluang pekerjaan yang boleh meningkatkan pendapatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bagi belia yang sudah ada matlamat terbabit dalam bidang perniagaan. Galakan mereka banyakkan diberi dalam bentuk pemberian geran supaya mereka boleh bertahan lama dalam industri selain memperbanyakkan kedai untuk disewa menerusi Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan lain-lain. Saya nak tahu juga proses dengan izin, berhubung Program Dasar Bestari yang menggalakkan koperasi di luar bandar membabitkan golongan belia sebagai ahli mereka. Malah apakah usaha mewujudkan pusat transformasi luar bandar (RTC) turut memainkan peranan kepada belia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional menyatakan banyak aktiviti kepada kawasan rukun tetangga, skim rondaan sukarela dan pelbagai lagi di kem-kem sekolah ataupun di kolej-kolej dan juga universiti iaitu berkaitan dengan perpaduan. Jadi banyak aktiviti yang diadakan tetapi banyak aktiviti yang diadakan tetapi sumber kewangan amat kurang. Jadi saya mencadangkan kepada kementerian ini khususnya Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional tolong bagi peruntukan yang lebih sedikit kepada kawasan-kawasan rukun tetangga, kawasan skim rondaan sukarela dan juga kolej-kolej

ataupun sekolah-sekolah yang mengadakan kelab-kelab rukun tetangga sebab peruntukan yang ada sekarang adalah terhad untuk mereka ini mengadakan aktiviti perpaduan dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional kita perbanyakkan kem perpaduan sebab kem perpaduan inilah mewujudkan satu perpaduan di antara kaum. Contohnya kita hendak buat kursus ini mesti melibatkan pelbagai kaum. Di antaranya kaum Melayu, Cina, India, Iban dan sebagainya buat satu kursus perbanyakkan supaya mereka lebih tahu hal-hal budaya masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi ketua-ketua pengarah yang bersara tolong ambil daripada bawah naik jadi ketua pengarah jangan ambil daripada luar. Kedua, jangan kita kira kaum sebab kita rakyat 1Malaysia. Ambillah orang yang bawah kita itu tidak kiralah dia Melayukah, dia Indiakah, dia Cinakah naik ke atas supaya benda ini memberi peluang kepada mereka yang bawah mendapat jawatan yang tinggi yang lebih baik.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya sudah cakap bab AES. Jadi hari ini saya hendak tanya AES. Berapa banyakkah jabatan yang berkenaan telah memasang AES di tempat-tempat tertentu? Adakah AES dipasang berdekatan dengan sekolah? Kalau dipasang berdekatan dengan sekolah berapa buah sekolah yang telah dipasang dan sekolah bagaimana yang dipilih memasang AES sebab baru-baru ini di Perlis contohnya kereta langgar budak berhampiran lebih kurang 500 meter daripada sekolah. Ini adalah satu perkara yang tidak baik dan budak itu meninggal dunia dua beradik.

Jadi saya minta jabatan yang berkenaan tolong pantau dan tengok AES yang perlu dipasang di sekolah. Berapa ramaikah yang telah bayar saman AES? Kalau tidak bayar saman apa tindakan yang diambil? Saya mohon jabatan berkenaan tolong menimbang perkara ini. Lagi satu berkaitan dengan lebuh raya. Di lebuh raya ini bila kita lalu contohnya saya ulang-alik daripada Utara ke Selatan, tayar lori Tuan Yang di-Pertua, tayar *patch* dia lekang. Kalau kereta kecil seperti kancil atau Myvi kalau kena jatuh. Kalau naik motor lebih lagilah. Ini kerana saya berpengalaman dengan motor kawan saya bila naik motor kebetulan tayar itu keluar terlanggar motor, arwah kerana tayar *patch* itu sahaja meninggal dunia. Tayar lori yang *patch* itu.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah.

#### 5.08 ptg.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya kesempatan untuk turut berucap membahaskan Titah Yang di-Pertuan Agong yang telah Baginda sampaikan pada 25 Jun yang lalu.

Titah ucapan ini saya anggap adalah satu pengisian yang bermakna dan signifikan terhadap formula atau falsafah negara kita, demokrasi berparlimen dan Raja Berperlembagaan yang sekali gus menggambarkan keupayaan kita menyeimbangkan unsur-unsur tradisi dan moden yang telah memberi kestabilan kepada sistem politik kita. Sistem politik sistem yang stabil seperti inilah yang mesti kita pertahankan dengan konsep *wasatiyyah* yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

#### ■ 1710

Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah atas kemenangan calon Barisan Nasional, Yang Berhormat Tengku Zaibah Che Ku Abd Rahman dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Kuala Besut semalam. Selain mengucapkan tahniah kepada calon Barisan Nasional yang menang itu, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kedua-dua parti yang bertanding, Barisan Nasional, UMNO dan PAS kerana menjalani satu proses pilihan raya yang aman dan teratur, beradab dan beradat menghargai semangat ukhuwah dan persaudaraan.

Saya melihat proses dan hasil Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Kuala Besut itu sebagai satu kesempatan memperbaharui silaturahim dan hubungan yang produktif antara UMNO dan PAS. Sehubungan dengan itu, sesuai pula dengan hasrat Perdana Menteri untuk mengadakan *national reconciliation* yang seharusnya bermula dengan persefahaman, dengan

izin, a working relationship antara UMNO dan PAS. National reconciliation selepas Peristiwa 13 Mei 1969 yang dilaksanakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak berlaku dengan terlebih dahulu dengan mengadakan persefahaman dengan PAS di bawah pimpinan Allahyarham Datuk Haji Mohd Asri dan kemudian diikuti dengan penyertaan PPP dan parti Gerakan yang sebelumnya adalah parti pembangkang.

Oleh kerana itu saya merayu kepada rakan-rakan di sebelah sana supaya apa yang berlaku di Kuala Besut kelmarin dijadikan sebagai satu permulaan untuk hubungan baru antara PAS dan UMNO. Untuk hubungan baru yang lebih produktif yang seharusnya dimulakan dengan kesediaan untuk saling maaf memaafkan. Kesediaan, kalau boleh menggunakan bahasa Inggeris untuk bersikap *magnanimous*. Melupakan perkara-perkara yang pahit masa lalu dan memulakan satu hubungan yang lebih mesra.

Mengenai soal maaf memaafkan ini Tuan Yang di-Pertua, saya teringat satu tazkirah yang diberikan oleh Sheikh Idris Ismail Al-Hafiz, imam tamu di sepanjang bulan Ramadhan di Masjid Kampung Baru dua tahun yang lalu.

Dalam tazkirah itu, Sheikh Idris Ismail telah memberitahu tentang seseorang yang akan masuk syurga dengan tidak banyak masalah. Sheikh Idris Ismail menceritakan kisah seorang awam di zaman nabi yang dikatakan oleh Baginda Rasulullah akan masuk syurga dengan mudah. Kenyataan Rasulullah itu mendorong beberapa orang sahabat untuk berusaha mencungkil rahsia atau ibadat-ibadat istimewa orang awam tersebut.

Setelah mengintai-intai atau mengamati amalan sehari-hari yang ternyata tidak ada luar biasa, individu yang berkenaan ditanya, apakah amalan-amalan lain yang dilakukannya sehingga Rasulullah berkata bahawa dia akan masuk syurga dengan mudah. Jawapannya, tidak ada amalan luar biasa yang saya lakukan tetapi barangkali yang agak berlainan daripada kebanyakan orang ialah sebelum tidur di waktu malam, saya mengingatkan diri saya supaya memaafkan sesiapa yang bersalah kepada saya walaupun apa kesalahannya.

Mentafsirkan lebih lanjut kisah orang awam yang pemaaf itu saya tiba-tiba menyedari kita sebagai umat Islam sentiasa beristighfar memohon ampun dan maaf daripada Allah SWT atas segala dosa dan kekhilafan kita. Ertinya kita sentiasa mengharapkan keampunan daripada Allah atas apa dosa dan kesalahan yang kita lakukan. Akan tetapi pada masa yang sama ramai di kalangan kita yang tidak mahu memaafkan kesalahan orang lain seakan-akan kita sempurna semua sekali. Sebaliknya kita terus menaruh dendam dan mengungkit-ungkit kesalahan masa lalu yang dilakukan oleh orang lain.

Jadi, mesej daripada cerita memaafkan ini saya harap disampaikan oleh rakan kita kepada pimpinan PAS. Mursyid Am dan juga Presiden PAS sekarang. Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyediakan satu surat terbuka khas kepada UMNO dan PAS. Surat terbuka ini saya tulis beberapa waktu yang lalu dan telah saya sampaikan kepada salah seorang sahabat di sebelah sana untuk disampaikan kepada pucuk pimpinan PAS. Sama ada disampaikan atau tidak, saya tidak tahu.

Walau bagaimanapun saya ingin berkongsi kandungan surat itu dengan kita semua dalam Dewan ini. Saya harap selepas ini saya akan berikan satu lagi salinan, bukan sahaja kepada seorang sahabat tetapi kepada tiga orang sahabat di seberang sana untuk diserahkan kepada pimpinan PAS. Ustazah, Yang Berhormat, ini adalah satu amanah. Tolong sampaikan surat ini yang hendak saya bacakan di sini. Ertinya, bila surat yang dibacakan di dalam Dewan yang mulia ini minta disampaikan kepada pimpinan PAS, itu adalah satu amanah kita bersama.

Isi kandungannya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua;

*“Surat terbuka khas kepada UMNO dan PAS. Al-Mukaram UMNO dan PAS. Dua wadah perjuangan Melayu. Sudilah berhenti anda bertengkar. Ambil yang jernih, buang yang keruh. Jika rumah sedang terbakar, jangan ditanya apa puncanya. Panggilah bomba padamkan api, bukanlah masa untuk bertengkar. Jika kita menghadapi bahaya, Bahaya Melayu merudum kembali. Surat Terbuka ini...”*

Itu adalah dia punya addressing:

*“Surat terbuka ini ditulis kerana kesedaran bahawa hanya tenaga politik Melayu, parti-parti politik Melayu, badan sukarelawan atau NGO Melayu, cendekiawan Melayu, pengundi-pengundi Melayu, dan masyarakat Melayu amnya yang benar-benar boleh diharap untuk membela, memperkasa nasib bangsa Melayu. Sehubungan itu, untuk memastikan bahawa usaha-usaha membela dan*

*memperkasa bangsa Melayu itu dapat terlaksana dengan berkesan, maka tenaga politik Melayu yang terdiri daripada pelbagai komponen itu perlulah bersinergi, perlu disatukan dan digembung secara teratur dan bersungguh-sungguh. Itulah tujuan surat terbuka ini.” Yang Berhormat, tiga orang di sebelah sana terutamanya...*

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** [Bangun]

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Secara ideal...

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** ...Dalam konteks negara Malaysia yang bermasyarakat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, ada seorang bangun.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Saya mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sila, sila.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Terima kasih. Seloka atau apa lebih kurang tadi.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ya?

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Seloka Yang Berhormat baca, boleh saya tambah dua ayat?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sila.

**Puan Hajah Rohani binti Abdullah:** Sempena bulan Ramadhan ini, “*Biduk lalu kiambang bertaut. Buang yang keruh ambil yang jernih.*” Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih banyak. Itu memperkuuh lagi seloka itu. “*Secara ideal dalam konteks negara Malaysia yang bermasyarakat majmuk ini nasib dan kesejahteraan sesuatu kaum itu sepatutnya menjadi tanggungjawab bersama semua kaum sebagai satu masyarakat nasional dan bukan menjadi tanggungjawab satu kaum berkenaan sahaja. Akan tetapi melihat kepada realiti sosial dan amalan politik tiap-tiap kaum setakat ini, keadaan yang ideal itu tidak lebih daripada satu angan-angan yang entah bila akan menjadi kenyataan.*”

Saya hendak tambah sikit, hendak selang sikit. Ini tidak ada dalam surat ini. Apa yang saya hendak timbulkan Tuan Yang di-Pertua ialah hasil pilihan raya baru-baru ini. Hasil pilihan raya PRU Ke-12 dan PRU Ke-13 memperlihatkan kecenderungan pengundi yang lari daripada wasatiyyah.

## ■ 1720

Kecenderungan pengundi di bandar-bandar yang mendapat pelbagai bentuk kemudahan. Kemudahan hospital, pengangkutan, sekolah dan pelbagai infrastruktur lain yang tertumpu di bandar-bandar. Sepatutnya sebagai orang atau pihak yang menikmati pelbagai kemudahan ini, pihak ini seharusnya berterima kasih kepada kerajaan yang mengadakannya. Akan tetapi apa yang berlaku ialah bahawa mereka membelakangi kerajaan walaupun selama ini kerajaan memberikan tumpuan pembangunan yang lebih di dalam bandar. Oleh sebab itu saya rasa sudah tiba masanya Tuan Yang di-Pertua untuk pengundi-pengundi di luar bandar itu diberikan kemudahan yang setimpal dengan pelbagai kemudahan yang diadakan di bandar-bandar. Ini kerana kita mestilah membalaik budi pihak yang berbudi kepada kita.

Selain daripada itu kecenderungan yang berlaku ini juga memperlihatkan sikap anti satu pihak. Ertinya sikap yang mulai menjurus kepada amalan perkauman yang agak excessive, yang agak ekstrem sifatnya dan ini amat membahayakan. Oleh sebab itu saya merayu supaya pelbagai kemudahan haruslah dilipatgandakan di luar bandar. Jika kita menumpukan bajet-kalau kita perhatikan pembangunan di sekitar bandar-bandar di mana pengundi-pengundi ini membelakangi kerajaan yang telah memerintah itu adalah suatu yang amat menyedihkan. Itu tambahan sahaja.

Saya teruskan surat ini. Terlalu sukar untuk membayangkan Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang atau Yang Berhormat Tuan Karpal Singh akan berhujah atau berjuang untuk kepentingan bangsa Melayu, untuk kedaulatan bangsa Melayu, untuk kesejahteraan ekonomi Melayu, untuk keanggunan tamadun Melayu dan untuk keperkasaan pendidikan Melayu.

Kekecualiannya barangkali ialah bahawa Yang Berhormat Tuan Karpal Singh sedia berhujah di mahkamah membela kes liwat Anwar Ibrahim kerana sebab-sebab yang sukar untuk diteka. Inilah jasanya kepada orang Melayu. Okey, tidak apalah itu dalam surat Yang Berhormat, ini dalam surat ini.

Hakikat bahawa hanya tenaga politik Melayu sahaja yang benar-benar boleh diharap untuk membela, memajukan serta memperkasa bangsa Melayu tidaklah sukar untuk dibuktikan. Contoh yang paling jelas dan sering disebut ialah Dasar Ekonomi Baru antara 1970 hingga 1990. Walaupun matlamat asal tidak tercapai sepenuhnya namun DEB secara radikal dan dalam masa yang relatif pendek telah berjaya memperkaya dan memperkasa sumber tenaga manusia Melayu di pelbagai bidang. DEB berjaya melahirkan golongan kelas menengah Melayu yang muncul dengan keyakinan diri yang baru serta kemahiran profesional yang tidak dipunyai oleh angkatan sebelumnya. Semuanya itu hanya mungkin berlaku kerana DEB digerakkan, dirancang dan dilaksanakan serta dipantau oleh gabungan tenaga politik Melayu yang disegani oleh setiap pihak.

Ini kerana keperkasaan gabungan tenaga politik Melayu pada tahun-tahun awal pelaksanaan DEB boleh dikatakan tidak ada yang menentang dasar itu secara terbuka.

Penentangan terhadap DEB pada peringkat awal itu dilakukan hanya secara berselindung atau secara tidak langsung oleh suara-suara sumbang minoriti. Akan tetapi apabila gabungan tenaga politik Melayu mulai tergugat, maka DEB mula diserang secara terang-terang. Akibatnya usaha-usaha memperkasakan bangsa Melayu melalui pelbagai program DEB itu juga turut tergugat. Kerana itulah untuk memastikan bahawa usaha-usaha membela dan memperkasakan bangsa Melayu dapat terlaksana dengan berkesan, maka tenaga politik bangsa Melayu yang terdiri daripada pelbagai komponen itu perlulah bersinergi. Ia perlu disatukan dan digembung secara teratur dan bersungguh-sungguh. Itulah mesej yang hendak disampaikan kepada UMNO dan PAS sebagai dua wadah perjuangan bangsa Melayu yang sepatutnya wujud saling lengkap melengkap dan tidak saling musuh memusuhi.

Dalam salah satu kesempatan lain Tuan Yang di-Pertua, saya telah berhujah dan merumuskan bahawa politik Melayu sekarang ini atau sejak beberapa tahun kebelakangan ini, saya telah merumuskannya dengan menggunakan tiga ungkapan, tragis dan ironis, suram dan sugul, defensif dan *explosive*. Itulah yang pada pandangan atau rumusan saya keadaan politik Melayu sejak akhir-akhir ini. Tragis dan ironis, suram dan sugul, defensif dan *explosive*.

Jika keadaan politik yang demikian dilihat serentak dengan keadaan ekonomi, maka kesugulan itu menjadi bertambah suram dengan kadar pengangguran yang makin meningkat dan purata pendapatan isi rumah masih jauh lebih rendah berbanding dengan kaum-kaum lain. Ertinya manakala kekuasaan politik bangsa Melayu semakin terancam dan merudum kerana ancaman daripada luar akibat daripada perpecahan dalaman sesama sendiri, keadaan ekonominya juga tidak banyak berubah malah ada yang makin bertambah susah. Maka tidak salahlah untuk mengatakan bahawa bangsa Melayu sekarang hampir mendekati keadaan seperti yang diibaratkan oleh ungkapan silam, ‘yang dikehjera tidak dapat, yang dikendong berciciran’.

Saya teringat lebih 40 tahun yang lalu, Allahyarham Aminuddin Baki seorang Tokoh Pendidikan di mana sekarang namanya diabadikan di beberapa institusi, berkeluh kesah dan memberikan amaran tentang kemungkinan, ‘itik di air mati kehausan, ayam di kepuk mati kebuluran’.

Seterusnya apabila gambaran politik yang kacau bilau dan gambaran ekonomi yang sugul, muram itu ditambah lagi dengan gambaran sosial yang menyeramkan dan menggerunkan, maka imej-imej yang terhampar di hadapan mata kita ialah remaja-remaja lelaki menjadi mat rempit berlagak berani, manakala remaja-remaja perempuan hamil tanpa suami dan tanpa hati nurani membuang bayi. Kisah-kisah ragut di sana sini dan penagih-penagih dadah di pusat serenti.

Demikianlah gambaran kasar keadaan sektor politik, ekonomi dan sosial bangsa Melayu yang ingin saya nukilkan dalam surat ini untuk diberikan perhatian oleh pimpinan PAS dan UMNO sebagai dua wadah perjuangan yang mengaku hendak meninggikan maruah dan martabat bangsa Melayu dari segala segi. Memang benar bahawa di sebalik...

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya mencelah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya teruja di atas ungkapan yang dibuat oleh Yang Berhormat sebentar tadi dan kalau difikirkan hendak menitis air mata dengan keadaan bangsa Melayu dan umat Islam yang sedang bergolak sekarang ini. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat, parti rakan kita yang satu lagi ini PAS, kerana terlalu taksub mungkin dengan Mursyidul. Saya berharap mereka ini jangan mementingkan kuasa, yang pentingnya kita pentingkan perpaduan umat Islam dan juga bangsa Melayu kerana kita sedang berada di dalam dua persimpangan ini.

Kita tidak mahu Yang Berhormat kalau boleh nasi sudah menjadi bubur, barulah kita hendak membuat sesuatu atau barulah kita hendak berkumpul antara kita sesama kita. Jadi kita jangan buang masa. Sebenarnya sekarang ini kita sudah tidak ada masa lagi. Saya berharap...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak mencelah itu apa Yang Berhormat hendak sarankan kepada Yang Berhormat ini.

**Datuk Hajah Noriah binti Mahat:** Jadi saya rasa Yang Berhormat bersetujukah tidak kalau boleh kita cadangkan kepada Yang Berhormat bahawa surat ini tidak payah nanti dihantar menggunakan orang tengah, terus pergi berjumpa Mursyidul dan orang-orang yang tertentu supaya kita dapat membuat tindakan yang selanjutnya. Terima kasih.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat. Kerana sesungguhnya tujuan surat ini itulah ia. Supaya kita saling maaf memaafkan, makanya berulang-ulang saya menyatakan kepada tiga orang rakan di sebelah sana itu, cerita Sheikh Idris tadi itu tololong ceritakan kembali, bahawa sifat maaf memaafkan itu dan barangkali saya tidak perlu berkuliahlah kepada tokoh yang terdidik di dalam pendidikan agama ini. Baik saya teruskan. Memang benar bahawa di sebalik gambaran suram seperti yang dilakarkan di atas, terdapat juga sisi-sisi ceria dan aspek-aspek positif bangsa Melayu.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

#### ■ 1730

Saya tidak bermaksud untuk memejamkan mata terhadap pelbagai kemajuan yang telah dicapai dan kesejahteraan yang dinikmati bangsa Melayu semenjak negara ini mencapai kemerdekaan. Akan tetapi, semuanya sekarang berada dalam zon bahaya. Mesej utama yang hendak saya sampaikan ialah pada masa ini bangsa Melayu berada dalam keadaan yang sangat kritikal daripada pelbagai segi sama ada politik, ekonomi dan sosial. Jika keadaan kritikal ini tidak diatasi, tidak mustahil sekiranya kemajuan yang telah dicapai dan kesejahteraan yang telah dinikmati sekarang akan pupus dan sirna begitu sahaja.

Tidak mustahil seperti dibayangkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad bahawa bangsa Melayu akan kehilangan kuasa politik yang dimilikinya selama ini. Kalau itu berlaku, amatlah sukar malah mungkin mustahil untuk menebus atau memperoleh kembali kuasa politik itu. Oleh kerana itulah, isyarat bahaya perlu dibunyikan dan perlu disahut oleh UMNO dan PAS. Setakat ini, UMNO dan PAS masih gagal mencapai kata sepakat untuk bekerjasama. Kegagalan ini bererti kegagalan usaha untuk menggembung tenaga politik Melayu yang utuh, berkesan dan berwibawa.

Gabungan politik Melayu yang diwakili PAS dengan tenaga politik Melayu yang diwakili oleh UMNO akan disegani oleh semua pihak termasuk oleh petualang-petualang politik setiap kaum seperti terbukti dalam zaman pemerintahan Allahyarham Tun Abdul Razak dalam separuh pertama dekad 1970-an dahulu. Semoga UMNO sekarang sedia melakukan introspeksi melihat ke dalam diri, secara jujur menginsafi kesilapan sendiri. Ini yang sebenarnya telah dilakukan oleh Dato' Sri Mohd. Najib sendiri bila beliau mengatakan sudah berlalu masanya di mana kerajaan tahu semua. Itu satu pengakuan yang jujur di pihak Dato' Sri Mohd. Najib yang saya rasa patut difahami dan dihayati oleh pimpinan PAS. Itu tambahan pada surat ini.

Semoga PAS bersedia pula melakukan muhasabah secara jujur dan kembali ke pangkal jalan. Janganlah hendaknya berlaku seperti apa kata orang Minangkabau "Tukang panciang dilarikan ikan". Inilah bahaya yang dihadapi oleh PAS sekarang bahawa sebagai tukang pancing, dia akan dilarikan oleh ikan. Sepatutnya tukang pancing yang mendapat ikan. Sekarang, tukang pancing dilarikan ikan. Saya harap analogi itu dapat kita fahami semua. Semoga UMNO dan PAS sedia mengambil yang jernih dan membuang yang keruh. Saya mengakhiri surat terbuka ini dengan baris-baris puisi berikut:

*Sama-sama lah kita memupuk rasa kebersamaan,*

*Agar hak dan pusaka jangan sampai jadi gadaian,  
 Sama-samalah kita berikrar,  
 Membuang yang keruh mengambil yang jernih,  
 Sama-samalah kita bila sesat di hujung jalan,  
 Kembali ke pangkal cari pedoman,  
 Sama-samalah kita berdoa semoga dikurniakan Allah,  
 Umur yang panjang, badan yang sihat,  
 Hidup yang makmur dan rezeki yang berkat,  
 Sama-samalah kita, PAS dan UMNO memupuk rasa kebersamaan  
 Yang sebagai perintis kepada national reconciliation itu...*

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Yang Berhormat, boleh tambah sedikit?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Sila.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar:** Tambah sedikit.

*Carik-carik bulu ayam, lama-lama bertangkup juga.*

*Air dicincang tak akan putus.*

Untuk penutup...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Mikrofon itu.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ya, ya. Itulah surat bahagian pertama daripada ucapan saya Tuan Yang di-Pertua. Selanjutnya saya ingin menyentuh sedikit dua perkara lain yang penting. Saya rasa patut saya timbulkan di sini iaitu pertama tentang isu komunikasi dan penyelarasaran fungsi antara kementerian. Hal ini ada hubungannya dengan paragraf 18, Titah Yang di-Pertuan Agong, di mana Baginda mengharapkan ada kaitan dengan perkhidmatan awam.

Ertinya, secara khusus saya ingin merujuk kepada isu kelambatan pembinaan masjid di Brickfields dan percanggahan maklumat antara dua jabatan kerajaan, di dua jabatan terlibat ini. Dalam sidang Dewan ini pada 10 Disember 2012 yang lalu, saya mengemukakan soalan tentang Masjid Brickfields dan mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum. Akan tetapi, pada 17 Disember, saya mendapat keterangan yang bercanggah daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Untuk jelasnya, saya ulanglah apa yang saya tulis itu. Saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada hari itu, apakah masalah-masalah yang memperlambat pembinaan Masjid Brickfields yang telah lama ditimbulkan itu? Jawapan yang saya terima:

*"Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pembinaan sebuah masjid di Brickfields masih lagi di dalam tindakan dan sedang menunggu kelulusan pihak Bandaraya Kuala Lumpur dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Tapak masjid terletak di aras sebahagian Lot 176, PT8 tanah kerajaan, seksyen 95, Kuala Lumpur di mana tapak cadangan itu melibatkan tiga agensi kerajaan iaitu Jabatan Perdana Menteri, Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Pengairan".*

Ini yang saya hendak timbulkan. "Pihak perunding telah menghantar segala dokumen kepada Jabatan Perancang Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk mendapat kelulusan, kebenaran merancang pada 24 April 2012. Tapak cadangan masjid ini masih di dalam tindakan pihak berkenaan. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan sedang menunggu kelulusan mengenai perkara berkaitan". Akan tetapi, apabila perkara ini ditanyakan kepada pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan, saya mendapat surat ini daripada Yang Berhormat Menteri pada masa itu, di mana dikatakan, saya bacakan semua lah. "Senator Dato' Dr. Firdaus minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menjawab mengenai isu kelulusan permohonan tapak cadangan Masjid Brickfields yang telah dikemukakan oleh perunding pada 24 April 2012".

Selain itu juga, berdasarkan makluman daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Jamil Khir Baharum bahawa pihak perunding telah menulis surat kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur pada bulan April tersebut tetapi hingga sekarang, masih tiada lagi jawapan. Ini jawapan dia. *"Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih belum menerima permohonan berkenaan perancang secara rasmi bagi pembinaan masjid tersebut".*

Satu pihak mengatakan surat telah dihantar pada 20 April, satu pihak mengatakan surat itu tidak diterima. Ini memperlihatkan koordinasi atau komunikasi yang tidak beres antara dua pihak ini. Jadi, saya mintalah sekali gus saya ingin bertanya kenapa sampai berlaku begini? Akan tetapi, itu tidak penting. Apa yang saya harapkan sekarang ialah apa langkah-langkah konkrit yang sedang dan hendak dilakukan untuk memastikan pembinaan masjid itu dapat dilaksanakan dengan baik? Saya harap tidak ada lah lagi umpamanya di pihak-pihak jabatan kerajaan yang menolak, melontar bola itu ke sana, ke sini.

Perkara selanjutnya yang hendak saya timbul Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Yang di-Pertuan Agong membuat rujukan terhadap isu ini pada paragraf 13 dalam Titah Baginda.

#### ■ 1740

Apa yang saya nak timbulkan ialah sebelum Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ini dikeluarkan, satu pelan lain yang dipanggil Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang juga bertujuan memperkasakan sektor pendidikan negara telah dilancarkan oleh Kementerian Pelajaran di bawah pimpinan Menteri, KSU dan penasihat pelajaran pada masa itu. Enam teras utama PIPP ialah:

- (i) membina negara bangsa;
- (ii) membangunkan modal insan;
- (iii) memperkasakan sekolah kebangsaan;
- (iv) merapatkan jurang pendidikan;
- (v) memartabatkan profesion perguruan; dan
- (vi) melonjakkan kecemerlengkan institusi.

Dukacita Tuan Yang di-Pertua, matlamat PIPP berdasarkan enam teras itu banyak yang tidak tercapai. Kegagalan PIPP wajib dipelajari untuk memastikan supaya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia tahun 2013-2025 itu mencapai matlamat dan tidak mengulangi sejarah PIPP ini. Selain itu, tak tahuolah sama ada boleh atau tidak pihak kementerian menjelaskan kenapa PIPP gagal. Siapa yang bertanggungjawab? Menteri pada masa itu, pegawai profesional kementerian atau ada sabotaj yang menyebabkan kegagalan itu. Saya timbulkan perkara ini kerana baik PIPP mahupun pelan pendidikan yang baru ini, keduanya bertujuan baik.

Oleh kerana itu, antara perkara-perkara yang patut diberi perhatian ialah cara memantau pelaksanaan pelbagai program yang terkandung dalam pelan pendidikan itu dan sekali gus barangkali kita tak patut kita mempelajari kesilapan-kesilapan yang berlaku dalam PIPP. Itulah sekadar sumbangan untuk memastikan supaya pelan baru ini dapat terlaksana dan tidak mengulangi kegagalan PIPP.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ingin menimbulkan kekurang-berjayaan kalau tidak disebut kegagalan pelbagai dasar-dasar kerajaan. Dasar-dasar kerajaan banyak yang telah dirumuskan tetapi tidak dilaksanakan. Ini ingin saya kaitkan dengan peranan Tan Sri Dato' Sri Utama Dr. Rais Yatim yang telah dilantik sebagai penasihat kepada kerajaan dan sekali gus sebagai Presiden UIA. Saya secara peribadi, kita semua dalam Dewan ini saya rasa patut mengucapkan terima kasih atas perkhidmatan yang telah diberikan oleh Tan Sri Dato' Sri Rais Yatim selama ini dan kita menghormati sikap *gentlemen* beliau mundur secara terhormat daripada menjadi calon pilihan raya yang lalu.

Peranan baru beliau sebagai penasihat Kerajaan Malaysia dan Presiden UIA, saya rasa patutlah dihargai dan nasihat-nasihat beliau dan sebagai penasihat kerajaan, janganlah kita menunggu beliau memberi nasihat tetapi nasihat itu mestilah kita pinta dan apa pun nasihat yang diberikan, sewajarnya dilaksanakan. Antara peranan yang saya harap dapat dilakukan oleh Tan Sri Dato' Sri Rais Yatim ialah untuk memantau pelaksanaan pelbagai dasar-dasar kerajaan. Ini

termasuk Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, rukun negara, Wawasan 2020 dan itulah yang utamanya termasuk dengan pelbagai dasar yang lain yang saya percaya akan menolong kita ke arah pembentukan sebuah negara bangsa yang betul-betul produktif.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya nasihat dan kepakaran Dato' Sri Rais dapat dimanfaatkan untuk memastikan dasar-dasar tersebut seperti Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Perindustrian Negara terutama dasar-dasar yang ada kaitannya dengan pembangunan sosial dan budaya haruslah kita pinta dan kita harapkan daripada Yang Berhormat Dato' Rais Yatim. Saya kata begitu sebab kalau kita meneliti kertas kerja Tun Dr. Mahathir yang berjudul 'Malaysia Melangkah Ke Hadapan' yang menjadi asas kepada Wawasan 2020, kita dapat melihat bahawa terdapat tiga visi di dalam Wawasan 2020 itu. Pertama, visi politik. Kedua, visi sosial budaya. Ketiga, visi psikologi kejiwaan. Ketiga, visi ekonomi. Saya merasakan bahawa visi sosial budaya dan visi psikologi dan kejiwaan agak terabai. Inilah yang kita harapkan supaya dengan kepakaran dan masa yang ada Dato' Rais supaya dapat beliau memberikan manfaat dan khidmat terhadap bagaimana supaya visi sosial budaya dan visi psikologi kejiwaan yang terkandung dalam Wawasan 2020 iaitu terkandung dalam naskhah 'Malaysia Melangkah Ke Hadapan' akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, bulan puasa ini tekak sudah kering. Jadi saya tidak cakap banyaklah. Tidak mahu memperpanjangkan ucapan saya. Cuma saya harapkan supaya harapan kepada rakan sebelah sana tadi dapat disambut dengan semangat ukhuwah bulan puasa ini Yang Berhormat. Akhirnya kalau tadi saya mulakan ucapan ini dengan beberapa rangkap puisi, saya juga ingin mengakhirinya dengan satu puisi yang digubal dalam bahasa Inggeris oleh seorang pujangga India berasal dari Bengal iaitu Ravindran Nastagor. Puisi ini yang asalnya dalam bahasa Inggeris, saya terjemahkan dalam bahasa Melayu dan rasanya pernah saya lafazkan di Dewan ini tetapi saya rasa masanya sekarang sesuai untuk diulang kembali.

*Di mana minda tidak pernah gentar dan kepala tersanjung tinggi,  
Di mana pengetahuan bebas merdeka,  
Di mana dunia tidak pecah belah oleh dinding-dinding kawasan negara yang sempit,  
Di mana kata-kata lahir dari lubuk kebenaran,  
Di mana tangan-tangan tidak pernah mengenal penat menghulurkan jasa untuk kesempumaan,  
Di mana aliran sungai kebenaran tidak tersesat ke gurun pasir tabiat-tabiat yang buruk,  
Di mana fikiran kaum pimpin maju menuju ke arah fikiran dan tindakan yang semakin luas dan terbuka,  
Menuju syurga kemerdekaan,  
Itulah oh Tuhan, bangunkan tanah airku.*

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Maznah Mazlan. Silakan Yang Berhormat.

#### 5.49 ptg.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mengangkat sembah dan menjunjung kasih di atas keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari yang mana Yang di-Pertuan Agong telah perkenan untuk bertitah. Antara perkara yang pertama yang dititahkan ialah bagaimana Seri Paduka Baginda bersyukur kerana pilihan raya kita yang telah berlalu ini telah berlalu dengan selamat.

#### ■ 1750

Seterusnya, Seri Paduka Baginda juga mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri dan seluruh jentera yang menjayakan pilihan raya tersebut. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Barisan Nasional dan semua yang terlibat kerana

berjaya memperoleh kemenangan yang begitu meyakinkan di Kuala Besut. Seri Paduka Baginda juga telah meminta supaya kita semua menghormati dan juga menerima keputusan pilihan raya yang baru berlalu dan seterusnya supaya kita bekerjasama, sama-sama memacu negara untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

Seri Paduka Baginda juga telah menyentuh dan menyebut beberapa petunjuk yang menunjukkan bahawa negara kita berada di dalam satu keadaan yang sangat membanggakan berbanding dengan senario dunia ekonomi, dunia pada masa ini yang tidak menentu. Kita tahu ada negara-negara yang hampir bankrap kerajaannya. Kita tahu ada negara-negara yang kadar penganggurannya yang begitu tinggi yang telah melebihi dua digit contohnya, sedangkan Malaysia masih di tahap yang terkawal di bawah 4 peratus iaitu sekitar kadar 3.3 peratus.

Seterusnya kita dapat bahawa negara kita adalah sebuah negara di mana ia merupakan destinasi pelaburan asing, salah satu yang terbaik di dunia dan kita adalah pilihan utama untuk pihak-pihak asing untuk melabur dan kita berada di tangga ke-20 dunia. Malaysia juga berada di tangga yang ke-12 di mana ia mudah dan senang untuk memulakan perniagaan dan kita mempunyai daya saing yang begitu baik dan membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyentuh dua petunjuk lagi yang menunjukkan bahawa negara kita berada di atas landasan yang positif yang sewajarnya diberi sokongan oleh semua pihak, supaya kita mencapai status negara maju seterusnya. Saya ingin merujuk kepada *Global Peace Index* ataupun Petunjuk Keamanan Dunia yang mana kita, negara Malaysia pada hari ini merupakan salah satu negara yang terbaik di mana di dalam dunia kita berada di tangga yang ke-20 di antara 100 lebih negara. Di rantau Asia, kita negara yang kedua teraman dan juga di rantau Asia Tenggara, kita berada di tangga yang pertama. Keamanan inilah yang perlu kita pastikan akan terpelihara dan rakyat Malaysia tidak boleh menganggap bahawa keamanan yang kita nikmati ini akan terganggu gugat dengan tindak tanduk yang tidak bertanggungjawab. Kita tidak boleh menganggap keamanan atau dalam bahasa Inggerisnya kita tidak boleh *take peace for granted*. Kita tidak boleh menganggap bahawa keamanan yang kita nikmati ini akan terus berkekalan tanpa ada usaha-usaha dan kesedaran bahawa kita semua mempunyai tanggungjawab yang tinggi untuk memastikan bahawa ia terpelihara.

Saya ingin pada hari ini untuk memberi contoh supaya kita dapat mengambil iktibar bagaimana kita dapat bahawa terdapat peristiwa-peristiwa pada hari ini di dalam dunia yang mana contohnya, kita merujuk kepada *the Arab Spring* iaitu gejala yang mana bermula dengan perarakian-perarakian di jalanan, di perhimpunan-perhimpunan yang diaturkan yang bermula dengan keadaan yang aman, akhirnya kita dapat bahawa peristiwa-peristiwa ini meletus dan bersemarak di rantau Timur Tengah dan kawasan-kawasan seterusnya.

Kita dapat hasil daripada demonstrasi jalanan dan juga perhimpunan-perhimpunan ini meletus menjadi tindakan-tindakan yang ganas dan akhirnya kita dapat negara Tunisia, Egypt, Libya, Yaman dan Syria telah bertukar pemerintahan dan pemimpin dan berbagai-bagai rentetan peristiwa yang menunjukkan bahawa rakyat menderita akibat daripada peristiwa tersebut.

Kita juga khuatir bahawa semua insiden ataupun tindak tanduk berdemonstrasi di jalanan, perhimpunan-perhimpunan walaupun bermula dengan aman ini, boleh mempunyai kesan yang berangkai dan memberi akibat-akibat seperti yang kita lihat bahawa di Timur Tengah, ia telah merebak sampai ke negara-negara yang berhampiran seperti Bahrain, Algeria, Iraq, Jordan, Kuwait, Morocco bahkan Sudan. Begitu juga negara-negara kecil yang berhampiran dengan negara-negara ini.

Oleh itu, saya menyeru supaya seluruh rakyat di negara ini mengambil berat tentang Titah Seri Paduka Baginda, jangan kita bermain api tetapi memastikan bahawa kita patuh kepada sistem pemerintahan negara ini yang telah mengambil kira tentang hak-hak individu, hak-hak kumpulan dan juga kita menunjukkan sokongan atau pun di sebaliknya melalui sistem demokrasi yang sudah ada ini, yang selama ini telah menjamin keamanan dan pembangunan negara dan segala yang kita nikmati hari ini.

Seterusnya saya memohon untuk membawa kepada satu isu lagi yang ada berkaitan dengan keamanan iaitu kebelakangan ini, gejala atau pun fenomena perdagangan manusia dan migran merupakan satu perkara yang berlaku di dalam negara kita ini yang perlu diberi perhatian. Saya ingin memohon supaya Kementerian berkenaan memaparkan data-data tentang gejala perdagangan manusia dan migran yang berlaku di negara ini, memandangkan bahawa negara kita ini berada di lokasi yang begitu strategik di rantau ini, menjadi laluan kepada negara-negara lain dan pelbagai aktiviti termasuklah gejala dadah, penyeludupan dadah dan kini fenomena perdagangan manusia dan migran.

Saya difahamkan bahawa fenomena ini adalah satu fenomena yang mempunyai kesan yang begitu hebat sekali.

Mengikut data yang saya peroleh daripada *United States Department of States 2008*, kita dapat bahawa terdapat dua juta kanak-kanak di seluruh dunia yang terlibat dalam gejala ini, yang terlibat dengan apa yang dikatakan perdagangan manusia untuk industri seks. Selain daripada itu, ia juga berlaku kerana adanya gejala buruh paksaan dan juga manusia-manusia yang didagangkan ini juga terdedah kepada gejala-gejala pemindahan organ dan tisu. Juga ada di antaranya menjadi mangsa untuk dijadikan ibu tumpangan dan berbagai-bagi lagi.

#### ■ 1800

Sudah tentu mangsa-mangsa ini, ibu tumpangan, *surrogate mothers* dan saya difahamkan ia juga melibatkan pengeluaran benih ataupun ovum [*Disampuk*] Bukan ovari, telur itu. Minta maaf ya.

Untuk keperluan-keperluan yang berkaitan dengan janin dan lain-lainnya dan sudah tentu aktiviti-aktiviti ini adalah satu yang menceroboh hak kemanusiaan, menyebabkan penderitaan, eksloitasi dan juga seksaan mental, fizikal, emosi dan lain-lainnya. Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa perniagaan manusia ini paling menguntungkan dan salah satu daripada angka yang saya peroleh menunjukkan bahawa pelaburan yang diperlukan untuk aktiviti-aktiviti seperti ini dalam USD, kosnya adalah sebanyak USD1,895 untuk satu orang tetapi keuntungannya ialah USD29,210. Maka tidak hairanlah mengapa kita lihat ada yang sanggup mengambil risiko untuk menjalani aktiviti-aktiviti ini.

Saya ingin mengucap tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri iaitu kementerian tunggak yang mengendali kes-kes ini, juga Kementerian Sumber Manusia yang terlibat dalam penguatkuasaan untuk pekerja-pekerja yang berkaitan dengan perkara ini. Saya tahu bahawa Kementerian Dalam Negeri telah juga memperuntukkan peruntukan untuk program-program kesedaran dalam hal ini dan termasuklah yang diberi kepada *National Council of Women's Organizations*, yang mana saya juga terlibat menganjurkan program-program kesedaran untuk wanita dan juga masyarakat.

Saya mohon untuk mengetahui daripada kementerian, data terkini yang melibatkan pemerdagangan manusia dan migran di negara ini dan saya ingin maklumat yang terkini di manakah letaknya negara kita di dalam keseluruhan isu ini? Adakah keadaan bertambah baik atau gejala ini bertambah buruk di negara kita? Seterusnya, tadi saya bercakap tentang keamanan, saya juga ingin menyentuh tentang *violent death*, kematian yang berdarah atau kematian yang tidak di undang, yang mana biasanya kalau saya lihat di dalam penilaian ataupun *indicator*. Ukuran-ukuran yang diguna dalam mengukur keamanan, ia termasuklah kematian seperti ini yang berlaku, hasil daripada konflik atau perperangan yang mana tidak ada di negara kita kecuali baru-baru ini di Lahad Datu.

Di Malaysia tidak ada perperangan tetapi banyak kematian *violent death* ini berlaku kerana berpuncu bukan dari jenayah atau lain-lain perkara tetapi berlaku kerana kemalangan jalan raya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada beberapa data kerana kalau saya terbaca keratan akhbar pada tahun 2010, apabila saya melayari lebuh raya maklumat. Pada masa itu tahun 2010, disebut bahawa 6,000 nyawa melayang setahun, purata 19 orang terkorban setiap hari kerana kemalangan jalan raya. Data tahun 2001 hingga 2011, dalam sepuluh tahun menunjukkan peningkatan sebanyak 60.3 peratus yang mana kemalangan ini terdapat sejumlah 265,175 kes, meningkat kepada 449,040. Itulah jumlah kemalangan jalan raya yang melibatkan maut sebanyak 17.6 peratus dan kerugian sebanyak RM8 bilion hingga RM9 bilion setahun.

Saya mengucap tahniah seperti kawan-kawan lain yang telah menyebut tentang pemasangan Kamera Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES) yang berfungsi untuk memerangkap mereka yang melepas had laju dan untuk mendisiplinkan pemandu-pemandu yang tidak mematuhi peraturan jalan raya. Saya memohon angka sejak ia dipasang, sistem ini digunakan, adakah ia menunjukkan pengurangan kemalangan dan kehilangan nyawa? Sekiranya ia maka ia membuktikan bahawa ia berkesan dan wajar dilaksanakan di seluruh negara seluas-seluasnya.

Bercakap tentang jalan raya Yang Berhormat, saya memohon juga untuk kerajaan dan kementerian berkenaan menimbangkan jalan raya yang merentasi kawasan saya daripada Gambang sampai ke Segamat 145 kilometer dan kawasan saya di tengah-tengah iaitu di Muadzam Shah yang mana sudah berusia 43 tahun. Dia dibina sejak tahun 1970 dan bilangan

kenderaan yang lalu lalang di lebuh raya ini adalah di antara 8,500 hingga lebih 10,000 kenderaan satu hari. Jalan ini merupakan jalan dua hala atau apa yang dipanggil sebagai *two lane, single carriageway*. Dia hanya dua *lane* dan saya memohon supaya dia ditingkatkan kepada empat *lane, dual carriageway*. Kita dapat bahawa kemalangan yang berlaku di jalan ini daripada tahun 2010 hingga 2012 adalah 141 kemalangan yang menelan nyawa 111 orang. Ini adalah satu kadar yang tinggi.

Permohonan untuk menaik taraf jalan ini telah ada disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan saya difahamkan, juru perunding pun telah dilantik pada awal Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi seterusnya dia telah hilang daripada senarai atas sebab-sebab yang mungkin tidak saya ketahui. Saya memohon supaya dalam *rolling plan* yang keempat ini, tahun 2014, ia dapat diluluskan sejumlah RM1.3 bilion supaya dapat kita memastikan bahawa risiko kemalangan ini berkurangan.

Seterusnya saya juga ingin merujuk kepada lagi satu petunjuk yang mana kita boleh mengkaji bersama dan kita mungkin boleh mengemukakan beberapa isu iaitu Indeks Kualiti Hidup.

Saya difahamkan Indeks Kualiti Hidup ini dibuat oleh banyak pihak tetapi saya memetik yang dibuat oleh *Numbeo* iaitu satu pangkalan data yang terbesar di dunia, yang mengumpulkan maklumat tentang bandar dan negara-negara. Data yang terkini adalah pada 23 Julai 2013 yang mana antara perkara-perkara yang diambil kira di dalam menyediakan Indeks Kualiti Hidup ini ialah perkara seperti *purchasing power index* iaitu indeks keupayaan membeli, indeks keselamatan, indeks kesihatan, indeks harga barang juga indeks pencemaran. Indeks berkaitan dengan pengangkutan awam dan juga *property price index* iaitu harga hartanah.

Malaysia berada di kedudukan yang ke 40 di dunia yang mana kita dapat yang teratas adalah negara seperti *Switzerland* dan kita dapat Singapura lagi bawah daripada kita iaitu di tangga 47, Jepun di tangga 17.

#### ■ 1810

Apabila saya meneliti angka-angka ini yang paling rendah di dalam perkara-perkara yang saya sebut tadi ialah *property price index* yang mana saya rasa kita hanya dapat 6.97 daripada indeksnya dan ini mungkin ada kaitan dengan banyak perkara yang disebut oleh rakan-rakan dalam Dewan ini tentang kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh rakyat seperti pemilikan rumah dan lain-lainnya. Untuk itu, saya ingin menyentuh tentang keperluan rumah kerana kita tahu bahawa kerajaan mempunyai banyak program perumahan. Rumah kos rendah ada berbagai-bagai jenis dan juga rumah mesra rakyat contohnya Rumah Pertamaku dan lain-lainnya dan saya ingin menyentuh kepada Rumah Mesra Rakyat.

Rumah Mesra Rakyat ini dilaksanakan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad. Tadi salah seorang daripada Yang Berhormat ada menyentuh bagaimana didapati banyak kontraktor telah disenaraihitamkan. Jadi kita nak tahu mengapa dan Syarikat Perumahan Negara Berhad ada beberapa jenis rumah dan menjurus kepada Rumah Mesra Rakyat, ia adalah disediakan untuk membantu mereka yang miskin dan berpendapatan rendah dan mereka yang kurang bernasib baik. Saya telah membuat kempen di sekitar Bandar Muadzam Shah selama dua tahun yang mana kita dapat generasi muda di penempatan tersebut memerlukan rumah dan sebahagiannya terpaksa menumpang dengan keluarga walaupun mereka sendiri sudah berkeluarga dan pada masa itu, syarat-syaratnya amat mudah.

Sesiapa yang ada tanah boleh memohon untuk memiliki rumah 1,000 kaki persegi iaitu tiga bilik, dua bilik air dengan harga RM65,000 yang mana kerajaan memberi subsidi RM20,000 dan pemilik perlu membayar balik hanya RM45,000 dengan kadar bayaran di sekitar RM150 bawah daripada RM200. Syaratnya mesti ada tanah sendiri atau ada anggota keluarga atau sahabat yang bersetuju untuk membuat surat membenarkan dia membina rumah tersebut di atas tanah mereka dan saya telah juga melihat bahawa di Pagoh, kawasan Timbalan Perdana Menteri telah dibina Rumah Mesra Rakyat ini secara berkelompok. Tidak seperti kaedah yang saya sebut tadi secara individu di mana ia mungkin berada di kampung-kampung, penempatan-penempatan yang berasingan yang mana menyukarkan untuk kontraktor membinanya kerana ia tidak menguntungkan kerana satu mungkin di Kampung 'A' dan satu lagi mungkin di Kampung 'B', 20 kilometer jauhnya dan seterusnya...

**Dato' Lim Nget Yoon:** Boleh saya celah?

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Ya, silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada nak mencelah Yang Berhormat, silakan.

**Dato' Lim Nget Yoon:** Sebab memiliki rumah setiap keluarga memanglah menjadi satu idaman. Jadi, adakah statistik yang jelas supaya semua dapat tahu berapa keluarga yang tidak memiliki rumah. Terima kasih.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Yang Berhormat, saya minta supaya soalan ini dimasukkan dalam ucapan saya supaya dapat dijawab oleh kementerian berkenaan. Balik kepada keadaan di mana saya tadi telah berkempen untuk Rumah Mesra Rakyat ini dilaksanakan sudah hampir dua tahun dan kini kerajaan negeri telah meluluskan tanah supaya generasi kedua ini dapat diberi tanah di dalam 3,000 hingga 4,000 kaki persegi untuk membina Rumah Mesra Rakyat 1,000 kaki persegi. Maknanya ada kawasan laman dan rumah-rumah ini sebuah-sebuah, Tuan Yang di-Pertua. Kini saya dapat berita bahawa syarat telah diperketat yang mana mereka perlu meminjam daripada bank dan mereka perlu membuktikan kepada pihak bank bahawa mereka mampu membayar balik dan masalahnya ialah bila kita bercakap tentang orang-orang yang susah yang tidak ada *pay slip*, tidak ada penyata gaji, ini akan menimbulkan satu masalah yang besar.

Saya meminta supaya kementerian berkenaan mengkaji semula bagaimana kaedah kerana saya percaya sebab diubah pendekatan ini kerana banyaknya kutipan tidak dapat dibuat. Jadi saya memohon supaya ditimbang semula kerana pengalaman saya di rumah kos rendah di kawasan Leban Chondong di Rompin, di kawasan saya, di situ rumah itu telah dibina hampir empat tahun, sudah dibina tetapi kerana tidak ada yang lulus apabila memohon ke bank, maka rumah itu telah terbengkalai begitu sahaja dan kini saya ucap terima kasihlah kepada Jabatan Perumahan Negara yang meluluskan RM1.3 juta kalau saya tak silap untuk pemberian sebelum boleh diduduki setelah dirayu supaya rumah ini ditukar kepada sewa beli dan diluluskan....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masih banyak Yang Berhormat ya?

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Sikit lagi. Saya difahamkan kita habis pukul 7 Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita ada tiga orang lagi yang hendak berucap, Yang Berhormat.

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Okey. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta kementerian supaya menimbang semula dan memikirkan kaedah bagaimana pungutan hutang ataupun bayaran yang patut dibayar untuk rumah-rumah kos rendah sama ada Rumah Mesra Rakyat atau rumah-rumah yang jenis lain ini dibuat melalui pendekatan dibuat kutipan yang bersistematis seperti yang dibuat oleh *recovery unit*, minta maaf. Yang adanya wujud kemudahan-kemudahan ini di dalam mengutip contohnya MARA mengutip pinjaman pendidikan dan lain-lainnya. Dapatlah perkara ini dipermudahkan supaya matlamat kita memberi rumah kepada mereka yang berpendapatan rendah dapat dicapai seterusnya kerana kalau kita bergantung pada kelulusan bank, bank terikat dengan kriteria pinjaman yang ketat. Kadang-kadang ada mereka yang disenaraihitamkan bukan kerana ia berhutang tetapi mungkin kerana dia memberi jaminan kepada orang lain dan seterusnya tidak akan mendapat kemudahan ini.

Jadi saya harap pendekatan rakyat didahulukan dan perkara untuk membantu mereka ini dapat difikirkan kaedah yang sebaiknya. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah langkah-langkah yang telah dibuat untuk memperoleh apakah sistem mengutip bayaran balik ini yang dibuat secara kemas dan terperinci yang telah dibuat supaya kita boleh mungkin memperbaiki lagi kaedah kutipan ini. Jika ini dapat dilaksanakan, tidak perlulah kita menyerahkan nasib mereka yang tidak ada penyata gaji ini kepada bank-bank yang pasti tidak akan meluluskannya dan sedangkan keperluan ini dan kemampuan termasuklah masyarakat Orang Asli yang ada yang sudah bersedia untuk membayar di bawah RM200 sebulan untuk Rumah Mesra Rakyat. Jadi jangan kita hukum bakal-bakal pemilik rumah yang perlukan rumah sekiranya kita tidak mengkaji sistem yang kemas, yang terbaik untuk pengutipan balik bayaran-bayaran.

#### ■ 1820

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang hak-hak wanita kerana banyak telah disebut tetapi ini khusus kepada nasib peneroka wati di rancangan-rancangan FELDA. Kita tahu FELDA, saya bangga dengan pencapaian FELDA. FELDA merupakan model di mana patut kita banggakan kerana telah mencapai berbagai kejayaan, pengiktirafan dunia dari segi anugerah dan lain-lainnya. Akan tetapi dari aspek peneroka wati, walaupun telah diberi hak milik dalam satu geran kepada peneroka dan peneroka wati yang mana ini saya ucap penghargaan kepada FELDA. Akan tetapi kita dapat banyak lagi isu-isu yang berkaitan dengan hak-hak peneroka wati ini yang perlu dikaji.

Contohnya, kita dapat semasa peneroka, isteri dan anak menerima durian runtuh sebanyak RM5,000 pada tahun lalu, timbul banyak permasalahan. Di mana kita dapat suami yang meninggalkan isteri di rancangan dalam satu kes, terdapat sudah meninggalkan rancangan selama 14 tahun semasa isteri mengandung anak yang kelima. Kini anak itu sudah berusia 14 tahun. Akan tetapi apabila menerima durian runtuh RM15,000 yang dikongsi oleh peneroka, isteri dan anak, kita dapat bahawa suami ini kembali dengan isteri baru untuk mengambil durian runtuhnya RM5,000. Durian runtuh yang sepatutnya untuk isteri yang ada di dalam rancangan itu terpaksa dikongsi dengan isteri baru yang dibawa balik oleh suami.

Di sini saya tidak mempersoalkan hak poligami orang lelaki yang boleh berkahwin lebih daripada satu tetapi ia mestilah mampu. Jika dia hendak berkongsi wang durian runtuh tersebut, sepatutnya kongsi yang dia punya RM5,000 itu dengan isteri-isteri yang lain. Peneroka wati yang memelihara anak seramai lima orang selama 14 tahun itu patut menerima haknya sepenuhnya.

Bagi lagi isu-isu yang berkaitan dengan apabila berlaku penceraian ataupun perpisahan yang berkaitan dengan hak harta sepencarian, yang berkaitan dengan isu penjagaan anak dan pendapatan di rancangan dan lain-lainnya yang mana ramai wanita ataupun peneroka wati ini mengadu supaya mereka diberi perhatian dan diberi hak yang saksama.

Saya memohon dan saya difahamkan FELDA ada Jabatan Pembangunan Komuniti supaya dapat memperhebatkan lagi usaha-usaha untuk mengkaji masalah-masalah seperti ini dan oleh kerana senario sekarang ini sudah berbeza daripada awal zaman penerokaan dahulu. Dapat kiranya dibuat kajian-kajian sosial kerana bukan hanya hak-hak peneroka wati tetapi juga terdapat banyak gejala-gejala lain yang perlu diberi perhatian dan dibuat perancangan dan disuntik program-program yang lebih relevan untuk keperluan masa ini, dibuat pemantauan yang rapi dan *insya-Allah* rancangan FELDA akan menjadi kawasan-kawasan yang lebih baik walaupun sekarang sudah baik.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh tentang perkara berkaitan dengan kereta nasional kita iaitu PROTON. Jadi, ada beberapa isu di sini yang ingin saya bangkitkan di mana saya sering bertanya saya sering menaiki *Proton Executive* semasa saya anggota pentadbiran dahulu. Saya dapat kereta ini sudah sewajarnya diberi satu pembangunan inovasi supaya lebih selesa dan seiring dengan kereta-kereta baru yang ada di jalan raya. Saya difahamkan bahawa *Proton Executive* ini akan dijumudkan dan ia akan diganti dengan kereta Jepun, yang diimport dari Jepun yang dijenamakan dengan nama PROTON.

Jadi, saya hendak bertanya, apakah ini benar? Jika benar, saya hendak tanya apa jadi kepada agenda memperkasakan kereta nasional? Ini kerana walaupun pernah kita kadang-kadang merasai bahawa kereta itu tidak begitu selesa kadang-kadang dan pernah semasa saya menjadi Exco Kerajaan Negeri, saya mewakili rakan-rakan Exco yang lain memujuk Menteri Besar Pahang. Boleh atau tidak ditukar dengan kereta yang lebih selesa seperti *Mercedes Benz* kerana Pahang begitu besar dan jalannya tidak semua yang sempurna. Jawab Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang kepada kami pada masa itu, "*Hendak jadi Excokah atau hendak naik Mercedes?*" Jadi, habis di situ sahaja.

Namun apa yang saya katakan, walau apa pun kekurangan atau kelebihannya, kita sentiasa ingin menyokong kereta nasional dan berharap bahawa model-model baru yang lebih hebat untuk menggantikan *Proton Executive* akan dapat diwujudkan. Jika ia diganti dengan kereta Jepun, ia agak mengejutkan.

Kedua, berkaitan dengan penyelenggaraan, pembekalan dan pemberaan kereta-kereta kerajaan. Saya melayari laman web dan saya lihat bahawa SPANCO telah wujud selama 15 tahun. Ia mengendalikan 9,000 kenderaan untuk 39 kementerian dan agensi kerajaan. Jadi, pengalaman saya yang lalu semasa saya menggunakan kereta kerajaan, apabila kereta PROTON itu dihantar untuk pemberaan atau penyelenggaraan, maka kita dibekalkan kereta ganti oleh SPANCO. Saya ada pengalaman tahun lalu. Kereta ganti itu yang rosak. Saya tersadai di simpang Serting-Kuala Pilah dan kemudian terpaksa menunggu kereta jabatan untuk menyelamatkan saya. Jadi, itu satu isu. Semasa saya di kerajaan negeri dulu juga...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh, boleh saya mencelah?

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Boleh satu minit? Saya habiskan dulu. Sikit sahaja. Boleh, boleh tetapi sekejap lagi.

Kalau saya ingat dalam tahun 2005 atau tahun 2006, Kerajaan Negeri Pahang ada membuat satu kajian mengenai kos penyelenggaraan kereta-kereta Exco ini. Saya ingat ada yang telah mencecah satu tahun. Belum habis setahun pun. Dalam setahun itu semasa kajian dibuat, kos penyelenggaranya melewati RM750,000 dan mungkin lebih tinggi. Saya tidak

berapa ingat tetapi 750 itu saya ingat tetapi tiap-tiap kereta berbeza tetapi semuanya tinggi-tinggi belaka. Soalan saya, adakah penyelenggaraan yang tinggi ini kerana kualiti PROTON itu tidak baik atau adakah syarikat monopoli SPANCO ini *overcharging*. Apakah isu yang sebenarnya? Saya juga hendak tahu daripada kerajaan, berapa buahkah rangkaian bengkel-bengkel SPANCO yang ada di seluruh negara?

Yang Berhormat, minta maaf. Yang Berhormat tadi hendak tanya?

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Ketika Yang Berhormat menimbulkan soal SPANCO itu, saya sebenarnya sebelum ini telah mendapat banyak aduan tentang sikap SPANCO yang memonopoli kerja-kerja penyelenggaraan itu. Monopoli itu hingga pihak SPANCO ini telah melakukan satu tindakan yang sangat *arrogant*. Bukan sahaja *arrogant* malah sangat diskriminasi terhadap bengkel-bengkel yang dimiliki oleh bumiputera.

#### ■ 1830

Pernah seorang pengurus bengkel bumiputera mendatangi saya katanya pihak SPANCO itu dengan sikap yang terlalu kasar dan angkuh mengatakan, “*Oh, awak mengadu kepada siapa sahajalah. Saya boleh beli semua orang*”. Ini *quotation* daripada... [Disampuk] Bukan SPANCO, *quotation* SPANCO yang dikutip oleh pemilih bengkel berkenaan. Jadi saya rasa sudah tiba masanya satu tindakan yang drastik dilakukan terhadap pemonopolian dan keangkuhan SPANCO ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

[Tuan Yang di-Pertua mempergerusikan Mesyuarat]

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan itu dan mungkin boleh dimasukkan untuk dijawab oleh pihak yang berkuasa. Cuma saya mohon untuk mengetahui dengan lebih dalam lagi berapa buahkah rangkaian-rangkaian bengkel SPANCO yang ada di negara ini dan berapakah kos kerajaan kepada SPANCO untuk kereta-kereta kerajaan ini dalam satu tahun. Kalau boleh bagi angkanya untuk tiga tahun yang ke belakang. Jadi itu saya tadi ada loncat sikit Tuan Yang di-Pertua, iaitu bila saya bercakap tentang peneroka wati tadi saya teringat juga satu isu yang saya minta dapat kiranya kerajaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Isu yang terakhir Yang Berhormat?

**Dato' Maznah binti Mazlan:** Ya, saya iaitu mengenai dengan sekolah-sekolah di rancangan-rancangan FELDA, yang mana sebahagian besarnya dirancang untuk jumlah pelajar yang ramai tetapi kerana sebahagian besar generasi peneroka-peneroka itu sudah mencelah usia yang matang mungkin 50 tahun ke atas, di tempat-tempat seperti ini kita dapat sekolah-sekolah ini sudah berkurangan bilangan murid-muridnya.

Contohnya, di satu tempat itu patut 500 pelajar, ada kurang dari 200 murid-murid. Ini sekolah rendah. Saya minta supaya dikaji perkara ini dan mungkin melalui pendekatan samudera biru, dapat kementerian-kementerian berkenaan dengan pihak-pihak yang berkaitan memikirkan bagaimana kemudahan bangunan-bangunan sekolah yang lengkap ini dengan bilik darjah, dewan dan lain-lainnya dapat dioptimumkan penggunaannya dengan mungkin dijadikan pusat-pusat latihan kemahiran ataupun diguna sebagai asrama luar bandar dan juga mungkin menjadi pusat sumber perpustakaan desa dan lain-lainnya.

Jadi itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua, dan saya akhiri juga kerana nampaknya rakan-rakan hari ini berpuisi, berpantun, saya pun mengakhiri dengan sebuah pantun,

*Selasih tumbuh tepi paya,  
Paya berbunga di tepi titi,  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua,  
Mohon saya untuk berhenti.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa Dewan ini akan ditempohkan pada jam 7 malam sehingga pukul 8.30 malam bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat berbuka puasa. Seterusnya solat Maghrib. Dewan akan disambung semula pada jam 8.30 malam.

Sehubungan itu sukacita saya menjemput semua Ahli Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai yang bertugas dan juga pihak media untuk turut serta dalam jamuan berbuka puasa yang diadakan di Dewan Bankuet. Bukan di dewan lounge tetapi Dewan

Bankuet. Di samping itu juga dijemput semua pegawai yang bekerja, bertugas daripada kementerian-kementerian turut sama sekali.

Tanpa membuang masa lagi saya persilakan sekarang, kita ada tiga orang lagi yang akan bercakap iaitu saya persilakan sekarang Yang Berhormat Tuan Lihan Jok. Selepas itu Yang Berhormat Mariany dan akhir sekali Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

Di samping itu, saya harap semua ahli Yang Berhormat boleh bersabar dan dapat kita sama-sama mendengar dan kita selesaikan majlis kita pada malam ini kerana ini adalah hari terakhir kita membahaskan Titah Diraja sebelum kita sambung semula di hari seterusnya. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

### 6.35 ptg.

**Tuan Lihan Jok:** Terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas perancangan urusan yang telah diatur selepas ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebelum itu izinkan saya hendak menjelaskanlah. Jemputan itu bukan hanya kepada orang Muslim sahaja, malah kesemua yang bukan Islam juga turut sama-sama. Sekian, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Lihan Jok:** Ya, terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang baik ini untuk terlibat dalam perbahasan di atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan seterusnya menjunjung kasih kepada Baginda Tuanku kerana telah mencemar duli merasmikan pembukaan Parlimen Ketiga Belas pada 25 Jun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Seri Paduka Baginda Tuanku sebagai ketua dan payung negara melahirkan rasa keyakinan baginda tuanku bahawa Malaysia selama ini telah membangun di atas landasan yang betul dan kini sedang menuju ke arah menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan rakyat dan menyeru supaya semua pihak memelihiha kesejahteraan dan keharmonian yang sudah wujud dan terus menjalankan perpaduan kaum yang kini begitu membanggakan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab keramat sesebuah kerajaan yang baik untuk menyediakan ekosistem negara yang baik untuk memberi peluang sebesar-besarnya kepada semua rakyat dalam semua bidang supaya mereka tidak akan mengemis, tidak terjerat dalam kemiskinan atau kebuluran tetapi hidup sejahtera dengan mempunyai pendapatan yang tinggi dan lebih dari itu jika ada rezeki akan menjadi rakyat yang kaya dan serba berkebolehan.

Dalam konteks ini saya ingin membawa perhatian anggota Dewan yang mulia ini kepada usaha Kerajaan Barisan Nasional Negeri Sarawak yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri Sarawak yang telah mengorak langkah dengan gigih, ‘berkikis bulu betis’ dengan izin, mencari jalan cara mana dapat membangun negeri dan rakyat Bumi Kenyalang yang pada suatu ketika dahulu agak ketinggalan dalam banyak segi pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah rancangan pembangunan mega gelombang kedua politik pembangunan negeri Sarawak yang berpaksi kepada *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)* mempunyai semangat selari dengan titah baginda tuanku untuk menjadikan Sarawak sebuah negeri yang maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030. Dijangka *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)* akan menjadi sumber pendapatan tinggi Malaysia yang harus disokong dan diserap dalam program pembangunan negara oleh Kerajaan Pusat.

Sebagai sebuah negeri dalam Persekutuan, Sarawak rasa amat berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional Persekutuan yang sentiasa memberi penekanan terhadap usaha pembangunan wilayah Sarawak dan Sabah. Sebagai salah satu tunjang utama Barisan Nasional, Sarawak wajar diberi perhatian pembiayaan dan peruntukan yang banyak supaya rancak membangun seiring dan setanding dengan wilayah Malaysia yang lain.

### ■ 1840

Dalam usaha ini, Kerajaan Pusat harus mempunyai tanggungjawab untuk membantu Sarawak memperkasakan kelima-lima strategi pembangunan SCORE. Dua penekanan atau teras, dengan izin yang saya ingin utarakan ialah:

- (i) penyediaan modal insan yang bertaraf global bagi memenuhi tenaga mahir atau separa mahir untuk semua jenis industri dalam kawasan SCORE; dan
- (ii) pembangunan industri pelancongan dalam kawasan SCORE.

Dua teras ini sangat memerlukan penglibatan serta program langsung Kerajaan Pusat melalui kementerian atau agensi-agensi kerajaan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa Sarawak sudah bermula melatih dan melahirkan profesional dan pekerja mahir dan separa mahir dengan menubuhkan institusi pengajian tinggi seperti *Curtin University of Technology* di Miri, *Swinburne University of Technology* di Kuching, terdapat juga IPTA seperti Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) di Bintulu dan UiTM di Samarahan.

Selain daripada itu, kerajaan negeri juga telah menubuhkan kolej-kolej universiti seperti Kolej Universiti Laila Taib di Sibu dan Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak (PPKS) di Kuching dan di Miri. Pusat-pusat latihan vokasional juga ditubuhkan di hampir semua bandar raya utama di Sarawak.

Menjelang tahun 2030, Sarawak memerlukan seramai tidak kurang daripada 10,000 orang jurutera dalam pelbagai industri dalam kawasan SCORE. *Samalaju Industrial Park* contohnya, yang mulai dibina tiga tahun lalu akan memerlukan tidak kurang daripada 8,000 orang tenaga mahir dan separa mahir apabila beroperasi sepenuhnya nanti. Melihat betapa terdesaknya Sarawak, perlu mempunyai modal insan yang mencukupi di SCORE dalam beberapa tahun akan datang.

Saya mengajak Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia melihat kembali program satu Kolej Komuniti bagi satu kawasan Parlimen yang diperkenalkan sejak tahun 2005. Dengan penubuhan lebih banyak kolej komuniti ini, akan sedikit sebanyak menampung keperluan modal insan di Sarawak dengan sekurang-kurangnya membekalkan tenaga pekerja separa mahir. Sehubungan ini, saya mohon penjelasan kerajaan, sejauh manakah perkembangan dan sambutan rakyat terhadap institusi ini dan menjelaskan berapa jumlah tenaga mahir dan separa mahir yang telah dilahirkan melalui semua kolej komuniti di Sarawak sejak ia ditubuhkan?

Tuan Yang di-Pertua, di samping institusi-institusi pengajian tinggi dan kolej-kolej yang sudah uzur, saya mencadangkan supaya program kolej komuniti selain daripada Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) diperkasakan supaya dapat menyumbang kepada penghasilan tenaga mahir yang ramai menjelang tahun 2030. Di Sarawak, saya mencadangkan supaya ditubuhkan kolej komuniti lagi, tambahan seperti di Lawas, di Long Lama, di Bekenu, di Sibu, di Sri Aman, di Bintulu, di Kapit, dan di Serian untuk menawarkan kursus-kursus yang relevan. Bila semua tenaga mahir dan separa mahir ini diserapkan dalam industri-industri berteknologi tinggi nanti, maka pada waktu itulah rakyat mengalami keadaan di mana pendapatan rakyat mulai melambung tinggi, mudah-mudahan. Maka Tuan Yang di-Pertua, itulah agenda dan matlamat utama SCORE bila diilhamkan oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak yakni untuk menjanakan pendapatan yang tinggi di samping membangunkan negeri Sarawak secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan teras pembangunan pelancongan SCORE, industri ini dilihat dapat menjanakan pendapatan yang lumayan, kalau bukan tinggi. Kesannya akan meluas bila anggota komuniti tempatan terlibat secara langsung dalam industri ini nanti. Ini adalah selaras dengan Titah Baginda Tuanku yang menyentuh perihal pelancongan. Titah Baginda Tuanku supaya rakyat terus memberi sokongan kepada industri pelancongan. Baginda Tuanku juga menyeru rakyat supaya memberi sokongan bagi program Tahun Melawat Malaysia 2014. Daripada segi pelancongan, Sarawak bagaikan permata dari timur yang belum digilap dan belum mendapat tempat yang utama dalam pilihan destinasi popular dan kalender pelancongan negara jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia dan Sabah walaupun Sarawak kaya dengan produk pelancongan yang tersendiri, yang istimewa yang tidak wujud di mana-mana tempat lain di dunia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan ini saya mohon penjelasan daripada kerajaan khususnya Kementerian Pelancongan, usaha dan cara mana jumlah pelancong yang ramai dapat ditarik ke Sarawak kalau bukan dengan membawa penerbangan antarabangsa yang terus ke bandar raya Kuching, Sibu atau Miri. Saya mohon supaya Kementerian Pelancongan tolong jelaskan juga apakah events, dengan izin menarik di Sarawak yang akan dimasukkan dalam kalender Tahun Melawat Malaysia 2014? Tolong jelaskan juga sama ada peruntukan untuk

membina, menyelenggarakan, menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di peringkat komuniti.

Dalam koridor SCORE, terdapat hutan rimba tropika, tasik-tasik empangan hidro dan pantai laut yang berdekatan dengan terumbu karang sudah pasti menjadi produk ekopelancongan yang berpotensi tinggi. Justeru, saya mencadangkan satu kajian awal oleh konsultan pelancongan antarabangsa untuk menghasilkan satu *blueprint* pelancongan kawasan SCORE di Sarawak. Salah satu tujuan kajian awal ini diadakan adalah untuk melihat potensi serta mewujudkan kesedaran dan menarik minat pelabur-pelabur dalam membangun industri pelancongan di Sarawak khususnya dalam kawasan *Sarawak Corridor of Renewable Energy*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berhubung dengan transformasi luar bandar. Titah Baginda Tuanku bahawa kerajaan akan terus memperkuuhkan program transformasi luar bandar dengan menambah bilangan Pusat Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Centre*, dengan izin, atau *in short form RTC* di seluruh negara.

Kita percaya pusat-pusat transformasi luar bandar ini atau RTC akan membantu melonjakkan pembangunan luar bandar melalui perwujudan pusat Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan untuk rakyat mendapatkan latihan kemahiran, untuk rakyat mendapatkan informasi, menjalankan pertanian bernilai tinggi, memproses produk-produk agro makanan dan memasarkan produk pertanian dan juga untuk membolehkan rakyat mendapatkan perkhidmatan kesihatan dan juga mendapat pembiayaan kewangan.

#### ■ 1850

Melihat kepentingan RTC dalam memperkasakan pembangunan di luar bandar di Sarawak, saya mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan *Rural Transformation Center* (RTC) di tempat-tempat berikut:

- (i) Telaga Air Kuching;
- (ii) Gedung;
- (iii) Nangga Sepak Layar;
- (iv) Pulau Bruit;
- (v) Long Lama, Baram;
- (vi) Bekenu Sibuti;
- (vii) Batu Niah Suai;
- (viii) Awat-Awat Lawas; dan
- (ix) Tunoh Kapit.

Tempat-tempat ini telah lama dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri Sarawak mempunyai potensi menjadi RTC yang strategik dan mampu menjana kegiatan komuniti tempatan dan sekitar yang rancak. Saya mencadangkan supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak turun untuk meneliti semua kawasan-kawasan yang dicadangkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Diraja ada menyentuh tentang penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat. Titah Baginda Tuanku menyeru agar penjawat awam meneruskan usaha menambah baik penyampaian perkhidmatan berdasarkan perkhidmatan yang cepat, tepat dan berintegriti selain berfikiran kreatif, inovatif dan menekankan produktiviti.

Sehubungan ini, saya ingin membawa perhatian anggota Dewan yang mulia ini dan kerajaan kepada masalah kemunduran dan lambat membangunkan kawasan Baram di Sarawak. Ini adalah akibat daripada penyampaian perkhidmatan yang masih di takuk lama dan pengurusan hal-hal pembangunan dalam satu kawasan yang sangat luas. Mengenali hakikat kemunduran Baram, maka dalam istilah politik pembangunan negeri Sarawak, Baram Tuan Yang di-Pertua telah digelar, "*The last frontier of modern Sarawak*", dengan izin.

Kawasan Parlimen P.220 Baram merupakan kawasan Parlimen yang terbesar di Malaysia. Lebih kurang sebesar seluruh negeri Pahang atau tambah sedikit negeri Perlis yang diwakili oleh hanya seorang wakil rakyat di Parlimen. Fenomena luas dan *rural* serta diwakili oleh hanya seorang di peringkat Parlimen inilah telah banyak membantu usaha membangunkan kawasan Parlimen Baram. Namun, rakyat tidak berputus asa. Rintihan dan denyutan hati rakyat

luar bandar Baram yang dahagakan perubahan dan pembangunan di sambut oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat.

Mendengar dan sangat prihatin kepada rintihan ini, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia sudah bertalu-talu turun ke Sarawak melihat sendiri, merasai sendiri kesusahan kehidupan rakyat luar bandar di Sarawak. Daripada lawatan itulah, mulalah menularnya berita-berita pembangunan yang baik yang turun, yang datang ke Sarawak. Maka, Tuan Yang di-Pertua baru-baru ini rakyat Malaysia di kawasan Parliment P.220 Baram sudah melihat gelombang pembangunan mulai menular ke kawasan tersebut.

Komponen pembangunan mega ini termasuklah pembukaan ekonomi perladangan secara besar-besaran yang mulai mengeluarkan hasil. Turut dibina sekarang ialah jalan raya lapuk sepanjang 63 kilometer menghubungi Bandaraya Miri ke Long Lama yang menelan belanja iaitu RM150 *million* sedang dalam urusan tender juga adalah pembikinan jalan raya menghubungi Long Lama dan lokasi empangan Baram yang menelan belanja sebanyak RM500 juta.

Jalan raya menghubungi Marudi dan Pekan Long Lama yang menelan belanja sebanyak RM300 juta sedang dalam perancangan tetapi sudah lulus. Baru-baru ini Menteri Kerja Raya mengumumkan cadangan Kerajaan Pusat untuk membina sebuah jambatan menyeberangi Sungai Baram di Long Lama yang akan menelan belanja sebanyak RM100 juta. Projek pembangunan yang paling besar yang sedang dikaji dengan pesat sekarang adalah pembinaan empangan Baram yang akan menelan belanja sebanyak RM2 bilion yang dijangka siap pada tahun 2018.

Seiringan dengan empangan ini, satu bandar baru yang bernama Bandar Baru Telang Usan akan turut dibina dalam kawasan Baram untuk menampung urusan penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat dalam kawasan empangan Baram. Rentetan daripada aktiviti pembangunan yang rancak dan besar-besaran inilah kawasan Baram memerlukan perancangan dan urus tadbir yang baik, cekap dan kreatif daripada agensi-agensi kerajaan yang terlibat. Maka, Tuan Yang di-Pertua saya mencadangkan supaya kawasan Parliment P.220 Baram di persempadan semula supaya menjadi dua kawasan Parliment yang baru seperti mana yang pernah saya cadangkan pada suatu ketika dahulu.

Dua kawasan DUN yang ada sekarang iaitu Telang Usan dan Marudi elok dinaik taraf untuk menjadi kawasan Parliment. Maka, dua kawasan ini bolehlah dinamakan kawasan 'Parliment Marudi' dan kawasan 'Parliment Telang Usan'. Saya penuh yakin dengan persempadan semula ini, rancangan pembangunan Baram yang mega dan rancak dalam sedikit masa yang akan datang dapat diurus dengan baik dan teratur. Juga melalui persempadan semula ini, rakyat Baram dan kawasan Baram pada keseluruhannya akan menerima kewangan yang lebih lumayan dan meluas.

Tuan Yang di-Pertua, dengan persempadan semula ini juga kawasan Baram yang luas dan penduduknya yang tinggal berselerak luas di merata-rata tempat dapat dilayan dengan lebih baik dan berfokus oleh jumlah wakil rakyat yang bertambah. Masalah dan keperluan rakyat dapat dikenal pasti dengan lebih cepat, tepat dan mendalam supaya dapat ditangani dengan sempurna. Demikian juga peruntukan-peruntukan seperti *minor rural project*, dengan izin (MRP) dapat diagih-agihkan dengan meluas, adil, saksama kepada kampung-kampung atau badan-badan yang memerlukan bantuan kewangan. Ini akan membawa kesan positif terhadap hubungan baik kerajaan, penjawat-penjawat awam dengan rakyat luar bandar di Baram.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sedikit pandangan dan cadangan itu, saya mohon menyokong Titah Diraja. Akan tetapi sebelum saya duduk Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan emas ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah dapat mengurus perjalanan Aturan Mesyuarat Dewan yang mulia ini dengan cukup tertib, cukup adil, saksama dan sempurna. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kebetulan pula tepat jam 7 malam Yang Berhormat berhenti memang kenalah masanya. Sebagaimana saya umumkan tadi, sekarang kita tangguhkan Majlis kita hingga jam 8.30 malam. Selepas ini, dijemput semua Ahli-ahli Yang Berhormat tidak kira siapa pun yang ada dalam Dewan ini termasuk pegawai-pegawai untuk kita sama-sama berbuka puasa dan seterusnya bagi yang beragama Islam menunaikan fardu Maghrib. Selepas itu, kembali semula ke Dewan ini jam 8.30 malam. Sekian, terima kasih.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 7.00 malam.]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 8.32 malam]**

**[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]**

■ 2030

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah* syukur kepada Allah telah pun kita dapat berbuka puasa dengan semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan ini. Bila perut sudah kenyang bolehlah kita sambung. Kita hanya ada dua orang sahaja lagi. Saya bagi masa yang secukupnya. Di samping tu Ahli Yang Berhormat semua ada bersama-sama.

Sekarang tanpa membuang masa saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Mariany binti Mohammad Yit. Dipersilakan.

**8.32 mlm.**

**Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuuh* dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut serta berucap Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terlebih dahulu saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana telah memberi kekuatan dan ilham untuk turut serta memberi ucapan Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong kerana sudi berangkat menyampaikan Titah Ucapan di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Penggal Pertama, Persidangan Penggal Pertama, Parlimen Ketiga Belas pada 25 Jun 2013 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda menyentuh mengenai isu keselamatan dan kedaulatan undang-undang negara. Kita sedia maklum insiden pencerobohan pengganas di Lahad Datu telah memberikan impak dan kesan yang sangat tinggi terhadap keperluan kerajaan memperhebatkan langkah dan aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan mencegah jenayah rentas sempadan bagi mengekang ancaman jenayah. Aktiviti seperti penyeludupan dadah dan barang terlarang, pemerdagangan manusia, pekerja asing tanpa izin, kekeliruan kewarganegaraan di negeri-negeri di sempadan seperti Kelantan, Kedah, Perlis, Sabah dan Sarawak memerlukan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan menggembangkan usaha yang lebih sofistikated dan efektif bagi membanteras ancaman rentas sempadan terhadap kedaulatan negara.

Pada tahun 2014, kerajaan melancarkan program Tahun Melawat Malaysia bagi mengukuhkan dan merancakkan sektor perkhidmatan dalam negara. Oleh itu saya mohon mencadangkan agar kerajaan memperkuatkuaskan program *National Blue Ocean Strategy* dengan izin, dengan semua agensi penguatkuasaan agar ancaman jenayah rentas sempadan dapat dikekang seminimum mungkin. Kerajaan juga digesa untuk memperkasakan aktiviti penguatkuasaan, risikan dan mencari suatu kaedah baru penyelesaian untuk mengekang pendatang tanpa izin yang lolos masuk dalam pasaran kerja tempatan dan menguatkuasakan pemantauan di seluruh sektor perkhidmatan termasuk di kedai-kedai spa dan kedai-kedai urut yang menggunakan tenaga kerja asing.

Tuan Yang di-Pertua, kebergantungan sektor industri negara terhadap pekerja asing perlu diminimumkan sepenuhnya melalui program meningkatkan usaha guna tenaga tempatan dan memperkenalkan skim *apprentice* bagi sektor pekerjaan yang memerlukan pekerja separuh mahir dan kurang mahir agar pengaliran wang asing dapat diminimumkan. Kita mahukan kerajaan membuat satu dasar pembangunan sumber manusia yang lebih kompetitif dengan mewajibkan syarikat-syarikat tempatan mendapat kontrak-kontrak besar, pembangunan fizikal meningkatkan penggunaan sumber tenaga tempatan sehingga ke tahap 80 peratus.

Untuk memastikan impak ekonomi ini mencapai sasarannya, saya mohon mencadangkan agar kerajaan memperkenalkan insentif yang lebih bermakna dari segi pengecualian cukai dan memperkasakan skim *apprentice* ini bagi memupuk kelangsungan guna tenaga tempatan untuk bersama-sama mendapat impak pembangunan negara dalam sektor ekonomi.

Begitu juga dengan isu pekerja domestik bagi pembantu rumah atau pusat jagaan kanak-kanak. Saya mendapat maklum balas bahawa banyak operator taska dan pusat jagaan harian mengalami kerugian dan tidak mampu menanggung bebanan menjaga kanak-kanak dan

terpaksa dinaikkan. Perkara ini membebankan isi rumah yang berpendapatan rendah. Tambahan pula dengan kenaikan kos bagi memperoleh pembantu rumah asing dari negeri sumber seperti Indonesia dengan harga yang tinggi seperti RM8,000 seorang dan trend pembantu rumah yang lari selepas lapan bulan bekerja. Saya mohon mencadangkan agar kerajaan meningkatkan kewujudan Taska Permata Negara dan pusat jagaan harian kanak-kanak di seluruh negara dan menawarkan peluang pekerjaan ini kepada ibu tunggal atau wanita suri rumah untuk bekerja secara pekerja kontrak singkat (PKS), agar institusi kekeluargaan dapat ditingkatkan kualitinya dan kos sara hidup rakyat dapat dikurangkan. Seterusnya anak-anak mereka mendapat kemudahan jagaan secara selamat tanpa risiko.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa isu keselamatan. Pada minggu lepas berlaku kemalangan maut melibatkan lif di Cheras dan juga kemalangan maut lif berlaku di TLDM, Lumut. Oleh yang demikian saya mohon penjelasan dan maklum balas dari Kementerian Sumber Manusia dan DOSH. Apakah tindakan dan langkah susulan yang lebih efektif bagi menyekat kejadian kemalangan maut di lif dapat dikurangkan.

Begitu juga dengan keselamatan dan kesihatan pekerja di sektor awam di mana terdapat risiko seperti di makmal-makmal sekolah atau institusi pendidikan di seluruh negara.

Baru-baru ini terdapat tiga kejadian makmal di sekolah yang meletup pada bulan April 2013. Satu kejadian di Sekolah Menengah Datuk Lokman Kampung Pandan, Kuala Lumpur dan dua lagi sekolah menengah di Kuala Kedah. Dua kejadian berturut-turut. Saya memohon DOSH dan Kementerian Pendidikan memberikan penjelasan lanjut tindakan susulan sewajarnya dan apakah langkah kerajaan melalui kementerian terbabit untuk meminimumkan risiko kemalangan yang melibatkan penjawat awam dan pelajar di seluruh negara.

#### ■ 2040

Satu lagi aspek keselamatan yang ingin saya sentuh adalah mengenai isu keselamatan jalan raya, yang mana pada masa kini kadar kemalangan jalan raya masih lagi tinggi terutama yang melibatkan kenderaan komersial. Saya ingin mengutarakan satu masalah dan rungutan oleh rakyat mengenai trend kenderaan komersial seperti bas dan treler yang diletakkan di bahu jalan utama dan kawasan perumahan.

Pada 16 Julai 2013 yang lalu berlaku satu kemalangan maut di Kampung Chica, Kota Bharu yang menyebabkan tiga anggota tentera maut disebabkan kedudukan lori treler yang diletak di bahu jalan berdekatan dengan kawasan *U-Turn*. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari SPAD dan JPJ tentang apakah tindakan yang dibuat terhadap laporan penduduk di sana yang mahukan tindakan ke atas pemilik kenderaan komersial tersebut, yang sering menyalahgunakan bahu jalan untuk meletakkan kenderaan komersial mereka. Apakah tindakan yang SPAD lakukan bagi mengekang kejadian itu di seluruh negara?

Pada tahun 2012 terdapat sejumlah lebih daripada 40,742 jumlah pendaftaran kenderaan perdagangan yang baru. Adakah MIROS ada membuat kajian mengenai jumlah kenderaan ini yang terlibat dengan kemalangan mengikut negeri-negeri? Saya juga ingin bertanya, apakah tindakan SPAD, polis dan PBT bagi mengawal selia kenderaan perdagangan yang diletakkan di kawasan perumahan yang menyebabkan gangguan trafik dan lalu lintas di kawasan itu?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa isu pendidikan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan di atas penggabungan dua buah Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Semoga dengan penggabungan ini akan memantapkan lagi dasar-dasar transformasi pendidikan yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan seperti di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara.

Saya ingin menyentuh tentang Projek 1BestariNet. Bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran serta urusan pentadbiran yang lebih efektif dan efisien, Dewan telah dimaklumkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah meluluskan pembelian bagi Projek 1BestariNet. Saya mengalui-alukan idea dan cadangan penggunaan komputer ini bagi tujuan membantu pelajaran dan murid-murid khususnya di luar bandar. Dengan penyediaan akses dan jalur lebar yang berkelajuan tinggi kesemua 10,000 buah sekolah, diharapkan program pembelajaran secara maya ataupun *virtual learning*, dengan izin, atau e-Pembelajaran ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Walaupun begitu, pada sesi perbahasan ucapan penggulungan Bajet 2013 bagi Kementerian Pelajaran yang lalu Timbalan Menteri Pelajaran telah menyebut proses pemasangan ini sepatutnya dijangka siap pada Mac 2013. Oleh itu, memandangkan ketika ini

kita telah berada di pertengahan tahun 2013, apakah 10,000 buah sekolah ini telah mendapatkan manfaat dari penggunaan Projek 1BestariNet ini? Khususnya, berapakah jumlah buah sekolah di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah mendapat manfaat dengan adanya kemudahan *internet* jalur lebar ini? Selain itu memandangkan Projek 1BestariNet ini adalah program yang berteraskan *internet* jalur lebar apakah status bagi Program SchoolNet yang pernah diperkenalkan di sekolah-sekolah sebelum ini? Saya mengharap kementerian dapat menerangkan sama ada terdapat pertindihan di antara kedua-dua kemudahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya juga tentang pendidikan. Tahun ini merupakan tahun ketiga Kementerian Pendidikan telah mengimplementasikan Sistem Penaksiran Berdasarkan Sekolah (PBS). Sistem Penaksiran Berdasarkan Sekolah ini merupakan satu transformasi penting pendidikan bertujuan untuk mengurangkan penekanan terhadap prestasi pelajar berdasarkan keupayaan untuk lulus peperiksaan. Justeru itu, pelaksanaan PBS telah dijalankan pada murid Tahun 1 bermula pada tahun 2011 dan pelajar Tingkatan 1 bermula tahun 2012.

Soalan saya, apakah perkembangan PBS yang telah diimplementasikan selama tiga tahun ini? Apakah kerajaan bercadang untuk mengekalkan guru yang sama untuk memantau perkembangan pendidikan murid-murid bermula Tahun 1 hingga Tahun 6? Ini memandangkan sistem sekolah di beberapa negara maju seperti di United Kingdom, guru mengajar beberapa subjek penting di dalam kelas yang sama dengan tujuan guru boleh mengenal pasti dan dapat membimbing dengan lebih baik mata pelajaran yang mana pelajar itu lemah.

Tuan Yang di-Pertua saya masuk ke tajuk yang akhir iaitu tentang isu pelacur warga asing. Satu lagi isu yang saya hendak bangkitkan ialah berhubung dengan pelacuran yang melibatkan warga asing. Saban hari kita terbaca di akhbar berita penahanan mereka yang masuk ke atas negara ini atas tiket pelancongan tetapi bekerja sebagai pelayan pelanggan di kelab-kelab hiburan dan tidak kurang juga memberi perkhidmatan pelacuran.

Dalam usaha kita menarik pelancong asing, kita juga menarik mereka sebenarnya masuk dengan tujuan menjadi pelayan seks. Mereka yang mengendalikan kelab-kelab yang menggunakan wanita asing ini tidak mengendahkan tangkapan yang dilakukan kerana pernah diberitakan kelab yang diserbu beberapa kali masih melakukan perniagaan haram itu. Saya tidak faham kenapa perkara ini boleh berlaku dan saya minta pihak kerajaan memberi penjelasan.

Mengikut kajian oleh MCA Selangor, jumlah rumah urut telah meningkat dari 800 hingga 4000 buah semenjak Pakatan Rakyat memerintah Selangor bermula tahun 2008. Malah jumlah ini jauh lebih banyak jika dibandingkan dengan jumlah masjid dan surau yang ada di Selangor iaitu terdapat 259 buah masjid dan 939 buah surau. Jadi, desakan oleh Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA) telah menggesa Kerajaan Negeri Selangor bertindak tegas dengan membekukan lesen serta menyenaraihitamkan mana-mana pengusaha rumah urut di negeri itu adalah wajar.

Mengikut Presiden CASSA, mereka menerima lebih daripada 50 aduan setiap bulan daripada orang ramai berhubung dengan rumah urut itu. Gejala ini juga telah semakin berleluasa sehingga daerah-daerah luar bandar yang satu masa dahulu diklasifikasikan kawasan putih dan unsur ini telah terdapat banyak rumah urut seperti di Daerah Sekinchan, Sabak Bernam dan Tanjong Karang. Perkara ini telah menyebabkan masyarakat di daerah luar bandar mengalami kejutan budaya dan merosakkan akhlak penduduk setempat khasnya para remaja. Ada cadangan dari Ahli Exco Negeri Selangor untuk mewujudkan zon jantina bagi rumah urut seolah-olah mereka menunjukkan Kerajaan Negeri Selangor menghalalkan aktiviti maksiat ini dan berlindung di sebalik nama pusat refleksologi.

Justeru itu, saya ingin bertanya kepada kerajaan berapa ramai kah pelacur asing yang telah ditangkap semula di atas kegiatan haram ini? Saya juga ingin bertanya, berapakah mereka yang ditangkap ini yang memegang permit pelajar atau *student visa*? Seterusnya, yang kedua, adakah kerajaan telah menubuhkan *task force* di peringkat pusat untuk memantau dan bertindak membendung aktiviti pelacuran dan kewujudan rumah-rumah urut ini secara serius? Ketiga, apakah justifikasi yang boleh diberikan untuk membuka rumah urut di kawasan luar bandar? Keempat, mencadangkan supaya hukuman kepada pesalah yang mengendalikan rumah urut yang mengajikan pelacur warga asing dikenakan tindakan yang amat berat dan dirampas segala harta benda mereka.

Justeru itu, undang-undang yang berkaitan dengan perkara ini hendaklah dikaji dengan rapi, dikaji semula agar sesuai dengan keadaan dan keperluan semasa. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong Titah Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Saya ada satu pantun Tuan Yang di-Pertua.

*Tanam timun tanam padi,  
Masak di bawah matahari,  
Terima kasih daun keladi,  
Tuan Yang di-Pertua yang bijak bestari.*

#### ■ 2050

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat sebagai yang terakhir Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

#### 8.51 mlm.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.*

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Salam sejahtera salam 1Malaysia. *Alhamdulillah* izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama hari ini di Dewan yang mulia ini bagi sesi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas.

Pertamanya, izinkan saya merafakkan sembah merakam setinggi-tinggi tahniah dan doa agar Ke Bawah Duli Tuanku terus diberi kesihatan dan kekuatan untuk terus berada di atas sana menerajui negara. Juga sebagai payung menaungi kemakmuran dan kesejahteraan negara dalam kita mengorak langkah menuju ke Wawasan 2020.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang menaruh penuh kepercayaan kepada saya untuk bangun mengambil bahagian membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah saya ucapan kepada Barisan Nasional di atas kejayaan berterusan memenangi pilihan raya yang jelas bersih dan bebas dari sebarang gejala penipuan dan sabotaj seperti yang sering kali dituduh oleh pihak yang tidak berpuas hati. Saya bersympati terutama kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang sebaliknya pasukan mereka bekerja bertungkus-lumus bagi memastikan ianya adil dan *transparent*, dengan izin. Mereka terus dilemparkan dengan tohmahan dan tuduhan tidak berisas. Pada saya jika tidak berpuas hati hantar petisyen sahajalah ke mahkamah dan tunggu sahaja hasil. Mudah sahaja kerana negara kita sentiasa mengamalkan prinsip demokrasi dan kebebasan hak bersuara kepada setiap rakyatnya. Tidak usah berdemonstrasi di jalanan dan turut mengheret rakyat sama-sama semata-mata mahu memenuhi nafsu gelojoh mereka demi kuasa di Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpanggil untuk menyentuh antara pesanan dan amanah penting ke bawah Duli Tuanku iaitu kembali semangat perpaduan antara rakyat di negara ini. Ke bawah Duli Tuanku telah menyeru agar semua pihak dapat menerima dan menghormati keputusan Pilihan Raya Umum Ke-13 yang telah diadakan, yang jelas telah mengikut prinsip sistem demokrasi serta diiktiraf oleh antarabangsa sebagai sebuah pilihan raya yang adil, bersih dan *transparent*, dengan izin. Seterusnya bekerjasama serta berganding bahu bagi membolehkan negara mengorak langkah ke depan untuk mencapai matlamat negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Saya ingin menyentuh mengenai dengan kemudahan anggota-anggota keselamatan dan khasnya kepada Jabatan Kepolisian di Malaysia khasnya di Labuan. Siapalah kita kalau kita tidak selamat dalam negara kita ini ataupun tidak terdapat anggota keselamatan untuk hidup dengan selesa. Izinkan saya menyentuh isu berkaitan kemudahan untuk pegawai dan anggota polis yang sedang bertugas di Malaysia khasnya di Labuan. Di Labuan di sebalik peranan yang semakin berkembang sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir dengan izin, *offshore financial hub* dan juga *oil and gas hub* sudah dibanjiri oleh pekerja luar termasuk *expatriate*, dengan izin, asing. Namun ibu pejabat polis hanya diketuai oleh Pegawai Kanan Superintenden yang bertanggungjawab mengawal Ketua Polis di Labuan. Mohon supaya status balai polis itu dinaiktarafkan sebagai Kontinen Polis.

Labuan hari ini semakin maju dengan pelbagai infrastruktur dan kemudahan bertaraf *world class*, dengan izin. Namun perlu diselaraskan dengan aspek kemudahan asas bagi

anggota polis dan anggota keselamatan yang lain. Di sebalik peruntukan RM2.04 bilion Rancangan Malaysia Kesepuluh baru-baru ini yang dikhurasukan untuk pasukan polis bagi menaik taraf infrastruktur fizikal utama di kawasan pekan dan luar bandar. Namun peruntukan untuk di Labuan masih jauh ketinggalan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua kuarters polis yang dibina khas untuk didiami oleh keluarga anggota polis. Mereka perlu tinggal dalam keadaan selesa supaya prestasi perkhidmatan anggota polis sentiasa berada dalam tahap yang baik. Akan tetapi senario ini tidak berlaku di Labuan. Hari ini keadaan kuarters polis di Labuan kurang memuaskan dan tidak lagi dapat menampung jumlah polis yang semakin bertambah disebabkan nisbah anggota dan kuarters sudah tidak relevan lagi. Ini yang menyebabkan ada di kalangan anggota polis terpaksa menyewa awam yang berselerak. Ini menimbulkan beberapa isu seperti anggota tidak segera laporkan diri jika berlaku sesuatu kecemasan yang memerlukan kehadiran segera anggota di balai polis.

Kos yang meningkat kerana sewa rumah di Labuan hampir menyamai harga sewa di Lembah Klang serta tahap keselamatan anggota polis itu sendiri yang berkemungkinan menjadi target penjenayah semasa berada di tempat awam dan *off duty*, dengan izin.

Ini tambah lagi dengan kebijakan anak-anak dan ahli keluarga polis sendiri yang tidak menggunakan kemudahan yang disediakan, untuk kemudahan anak-anak anggota polis seperti pengangkutan percuma ke sekolah dan pelbagai infra lain yang biasanya dilengkapi di kuarters-kuarters polis.

Saranan saya ialah agar keutamaan perlu untuk membaik pulih dan naik taraf kuarters polis di Labuan. Ini kerana Labuan memerlukan sebuah pelan khas dan kelengkapan infrastruktur fizikal termasuk pasukan polis, balai polis dan kuarters yang harus berada dalam keadaan baik untuk keselesaan anggota dan orang ramai yang mahu memerlukan urusan dengan pihak polis.

Selain itu persepsi iaitu berjaya kerja kepolisian ini hanya bertumpu kepada kaum Melayu dan bumiputera sahaja. Saya berpandangan satu program khas menarik minat belia bukan Melayu untuk menyertai kerjaya polis yang perlu diberikan keutamaan. Program ini mungkin berbentuk ceramah, penerangan dari segi dialog dengan anggota-anggota golongan sasaran yang lain.

Saya ingin menyentuh iaitu peruntukan bagi Majlis Sukan Labuan. Tuan Yang di-Pertua seperkara lagi yang ingin saya sentuh ialah berkaitan Majlis Sukan Labuan. Saya sebenarnya terpanggil untuk mencadangkan agar peruntukan tahunan Majlis Sukan Labuan ini dapat ditambah. Memandangkan aktiviti sukan di Labuan semakin aktif dengan berbagai-bagai temasya dan *event*, dengan izin, berlangsung di sini. Ini selaras dengan status Labuan hari ini pertambahan penduduk dan aktiviti terutamanya menjelang cuti umum dan cuti hujung minggu. Beraktiviti sukan dan riadah yang melibatkan pelbagai golongan usia, kaum dan gender menepati hasrat kementerian menggalakkan aktiviti sukan semua rakyat tanpa mengira latar belakang dan tahap sosial.

Tuan Yang di-Pertua terbaru saya difahamkan Labuan buat pertama kalinya diberi penghormatan sebagai tuan rumah Temasya Sukan Borneo 2013 yang dijangka diadakan pada bulan September tahun ini.

#### ■ 2100

Sebanyak lapan pasukan dijangka mengambil bahagian iaitu Sabah, Sarawak, Brunei Darussalam, Kalimantan Timur, Kalimantan Barat, Kalimantan Selatan, Kalimantan Tengah dan Labuan selaku tuan rumah. Sukan Borneo dianggap berprestij di Pulau Borneo dan julung kali diadakan di Labuan mampu menarik kemasukan pelancong domestik dan luar negeri bertandang ke sini. Walau bagaimanapun, peruntukan kepada Majlis Sukan ini terlalu kecil iaitu hanya sekitar RM300,000 setahun dan saya dimaklumkan tidak mencukupi untuk menampung semua aktiviti yang dianjurkan.

Saya ada berbincang dengan pihak pegawai anggota Majlis Sukan dan sebagai rumusan mereka bersepakat jumlah yang bersesuaian adalah dalam lingkungan sekurang-kurangnya RM500,000 setahun. Saya harap permohonan ini akan dapat dijawab dan diambil perhatian oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan semasa menjawab nanti.

Saya juga terpanggil Tuan Yang di-Pertua iaitu mengenai dengan Pulau Labuan yang semakin hari semakin kecil akibat hakisan tanah berterusan sehingga hari ini dan bila-bila. Saya terpanggil untuk menyentuh secara ringkas akan beberapa projek di bawah limbungan sungai

dan zon pantai Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Labuan. Antara projek-projek tersebut ialah isu projek mencegah hakisan pantai di sepanjang kampung-kampung Sungai Miri, Sungai Paga dan Sungai Ladang. Ini termasuk projek naik taraf muara-muara sungai di Lembangan Batu Marika serta program adaptasi kenaikan paras air laut di sungai-sungai seluruh Labuan. Ini kerana demografi Labuan sendiri sebagai sebuah pulau, ianya terdedah kepada hakisan paras air laut dari kesan fenomena pemanasan global. Dilaporkan kenaikan paras air laut sebanyak 0.1 meter hingga 5 meter telah direkodkan tahun lepas. Jelas ini adalah ancaman jika tidak beri perhatian segera yang mendedahkan Labuan kepada hakisan yang serius.

Jika diambil terdapat beberapa bahagian pulau ini yang hari ini kesan hakisannya agak serius dan memerlukan perhatian segera dari pihak berkuasa. Projek yang dijalankan adalah untuk mencegah hakisan pantai melalui kaedah penambakan pantai, dengan izin, *beach nourishment*, dan naik taraf struktur muara sungai yang terlibat sepanjang lingkungan empat kilometer garis pantai yang disebut sebentar tadi. Saya mengharapkan projek mencegah hakisan pantai seperti yang saya utarakan ini disegerakan demi kepentingan rakyat di Labuan.

Di sini saya turut ingin mengajukan beberapa soalan, apakah status projek-projek tersebut pada hari ini. Apakah langkah-langkah pencegahan awal yang diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran dalam menangani isu hakisan dan banjir kilat di Labuan. Soalan saya juga, apakah pendekatan agensi tersebut dalam menangani masalah hakisan pantai-pantai dekat laut di Kampung Sungai Lada, Sungai Labu, Sungai Paga dan Sungai Miri ini. Ini termasuk melindungi infrastruktur seperti jalan raya, jalan tar dan kawasan perumahan yang berkemungkinan mendap jika terlalu kerap ditakungi air.

Isu yang seterusnya iaitu isu lot di bawah pembangunan MARA dan UDA Holdings. Saya ingin memohon lebih banyak lot kedai dibina di bawah kelolaan MARA dan UDA Holdings agar peniaga bumiputera tanpa dikenakan tekanan sewa kedai yang mahal yang terpaksa disewa dari tuan punya premis bukan bumiputera dan kesukaran mendapat bahan-bahan modal perniagaan. Perkara ini pernah saya bangkitkan dalam Dewan Negara yang mulia ini tidak lama dahulu. Harap ianya mendapat perhatian pihak yang berkenaan.

Perkara-perkara berbangkit yang lain ialah beberapa perkara lagi yang ingin saya bangkitkan di sini ialah berkaitan dengan soal IKS yang perlu diperkasa terutamanya di kalangan belia dan wanita termasuk golongan ibu tunggal di Labuan. Skim pinjaman dan bantuan termasuk latihan perlu diberi agar golongan ini benar-benar mahir dan mampu menyumbang kepada ekonomi keluarga setempat.

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin dengan ikhlas membaca sebuah pantun. Pantun ini bulan puasa sahaja timbul. Bulan lain tidak boleh. Saya tidak begitu mahir dalam berpantun... [Ketawa] Akan tetapi walau bagaimanapun ikhlas saya tujukan kepada Tuan Yang di-Pertua iaitu bahan diperoleh daripada Semenanjung dan pantun ini pantun daripada pantai timur. Pantun ini biasa didengar dan mungkin Yang Berhormat Senator ingin mendengarnya, boleh?

*Pergi ke Nilai membeli jamu,  
Jamu rasa dari Tenggara,  
Tidak ternilai jasa baktimu,  
Kepada bangsa, agama dan negara.*

Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih... [Tepuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Banyak betul pantun di dalam sesi kita kali ini. Ahli Yang Berhormat sekalian, kita bersyukur kepada Allah SWT, selesailah sudah perbaasan Titah Ucapan Diraja pada hari ini. Di mana semua Ahli Yang Berhormat telah diberi peluang untuk berbahas dengan dalam keadaan yang begitu lancar dan berkualiti di mana banyak isu telah dibangkitkan.

Seterusnya, kita ada empat hari lagi untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, pada minggu depan. Bermula dua hari untuk giliran kementerian-kementerian menjawab yang ada berjumlah 24 kementerian. Oleh yang demikian saya harap pegawai-pegawai yang telah bertugas di sini saya ucapkan banyak-banyak terima kasih dan juga diharap isu-isu yang dibangkitkan itu dapat diberi jawapan yang sewajar dan sebaiknya. Di samping itu, mulai hari Isnin yang akan datang, tanggal 29, diharap semua kementerian akan bersedia memberi jawapan yang memuaskan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas selama ini.

Akhir sekali, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan kita hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 29 hari bulan Julai 2013. Sekian, terima kasih.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.08 malam.]***